

فَتِيحَن تِيَّه

PETIKAN TITAH

"KERAJAAN beta tidak pernah lalai dari memberikan perhatian ke atas kelicinan jentera pentadbiran kerajaan dengan menumpukan kepada keberkesanan pemberian perkhidmatan kepada pelanggan." Titah sempena perayaan Hari Keputeraan baginda ke-55 pada 15 Julai 2001.

Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



مائيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"BARANGSIAPA taat kepada-ku, bererti ia taat kepada Allah. Barangsiapa menderhakai aku, bererti ia menderhakai Allah. Dan barangsiapa taat kepada pemimpin, bererti ia taat kepadaku. Dan barangsiapa menderhakai pemimpin bererti ia menderhakai aku." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

TAHUN 47 BILANGAN 29

RABU 17 JULAI 2002/1423 رابو 6 جمادى الأول

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

دولة كباوه دولي توان فاتيک

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Keamanan, kestabilan merupakan perkara utama

Memastikan survival bangsa

TITAH PENUH
DI MUKA 2 DAN 3

OLEH HAJI JAAFAR HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan kesedaran mengenai mustahaknya mengekalkan keamanan dan kestabilan yang merupakan perkara utama dalam memastikan survival bangsa.

Kerana, menurut baginda, jika diabaikan, ia mungkin mengganggu pertumbuhan dan pembangunan negara yang sedang berjalan dan yang akan terus berjalan.

Oleh itu, titah baginda, asas-asas yang boleh menguat dan mengekalkannya perlulah sentiasa dipupuk serta dijelmakan untuk menjadi kenyataan.

Di antara asas-asas itu, titah baginda lagi ialah perpaduan ummah dan sikap berbaik-baik di kalangan masyarakat, bukan saja masyarakat dalam lingkungan sendiri malah juga dengan masyarakat serantau yang lebih menyeluruh.

"Kita bersyukur kerana negara dan rakyat serta penduduk di dalamnya terus menikmati keamanan, keselamatan dan kesejahteraan hasil daripada usaha padu semua pihak mempertahankannya," titah baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-56 yang disiarkan secara langsung menerusi Radio Televisyen Brunei ke seluruh negara dari Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman hari ini.

Menurut baginda, kita adalah bersyukur-sungguh memastikan keamanan dan berazam mengekalkannya. Kerana jika sesebuah negara itu dilanda masalah keselamatan, maka sukarlah baginya untuk memulihkannya.

Lihat muka 6

INTISARI TITAH

- Negara dan rakyat terus nikmati keamanan dan kesejahteraan.
- Pimpin belia ke arah hala tuju yang jelas.
- Brunei terus komited di arena antarabangsa.
- Semua pihak bertanggungjawab jaga keamanan, keselamatan.
- Sektor swasta dilibatkan di peringkat konsultan.
- Kerajaan sediakan Pelan Tindakan Perangkaan.
- Perniagaan 'Securities Exchange'.
- Mantapkan jentera perkhidmatan awam.
- Penjagaan Kesihatan Asasi diberi keutamaan.



TITAH AMANAT ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa beritah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam semasa berangkat ke Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Negara, rakyat terus nikmati keamanan
- Muka 2

Melirik Masa Silam

Musim Berjanawari
- Muka 3

Rakaman gambar-gambar sempena Hari Keputeraan

- Muka 4, 5, 8 dan 9

Lahirkan ketaatan dan kesetiaan kepada raja

- Muka 3 ANEKA

Tingkatkan dakwah cegah kemungkaran

- Muka 4 ANEKA

Rakaman gambar-gambar Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok Atau Sihat

- Muka 8 dan 9 ANEKA

Penduduk Brunei 332,844 orang tahun 2001

- Muka 15 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PENUBUHAN Badan Kebangsaan Mengawal Tumpahan Minyak dan Pelan Tindakan Mengawal Tumpahan Minyak merupakan langkah pengawalan pencemaran akibat tumpahan minyak. Melalui penyertaan dalam projek Oil Spill Preparedness and Response (OSPAR) yang dibiayai oleh Kerajaan Jepun, negara ini dibekalkan peralatan mengawal tumpahan minyak berharga 80 juta yen. Sumber : Perjalanan ... Negara Brunei Darussalam Memasuki Alaf Baru (2000 : 193).

KONTAK PELITA BRUNEI

http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita_1.htm

e-mel: pelita@brunet.bn

TALIAN PENTING PELITA BRUNEI

02 383941 / 02 383804 / 02 382192

Faks : 02 381004 / 02 380507

HALUAN...

Hasil usaha padu semua pihak

Negara, rakyat terus nikmati keamanan

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-
LAHI Rabbil 'Aala-
meen, Wabihee Nas-
ta'enu 'Alaa Umuurid-
dunya Waddeen Wassalaatu
Wassalaamu 'Alaa Asyrafil
Mursaleen Sayyidina Mu-
hammadin Wa'Alaa Aalihie
Wasabihie Ajma'een Wa-
ba'du.

Alhamdulillah, syukur
ke hadirat Allah Subhanahu
Wataala di atas limpah
rahmat-Nya mengizinkan
istiadat ini berlangsung
dengan baik dan sempurna.

Beta terlebih dahulu
sukacita mengalu-alukan
kehadiran tetamu-tetamu
khas beta yang sama-sama
merayakan Ulang Tahun
Hari Keputeraan beta pada
tahun ini. Begitu juga
kepada semua dif-dif yang
lain, serta semua pihak
yang telah menghantar per-
utusan ucap selamat sem-
pena sambutan perayaan ini.

Semoga Allah Subha-
nahu Wataala juga yang
akan mengurniakan gan-
jaran yang setimpal di atas
ingatan baik mereka itu.

Kita bersyukur, kerana
negara dan rakyat serta
penduduk di dalamnya te-
rus menikmati keamanan,
keselamatan dan kesejaht-
eraan, hasil daripada usaha
padu semua pihak mem-
pertahankannya.

Kesedaran tentang mus-
tahaknya keamanan dan
kestabilan adalah merupa-
kan perkara utama dalam
memastikan survival bang-
sa. Kerana jika diabaikan,
ia mungkin mengganggu
pertumbuhan dan pemban-
gungan negara yang sedang
berjalan dan yang akan
terus berjalan.

Oleh itu asas-asas yang
boleh menguat dan me-
ngkalkannya perlulah sen-
tiasa dipupuk serta dijel-
makan untuk menjadi ke-
nyataan. Di antara asas-
asas itu ialah perpaduan
umamah dan sikap berbaik-
baik di kalangan bukan saja
masyarakat dalam ling-
kungan sendiri, malahan
juga dengan masyarakat
serantau yang lebih me-



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali
Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
sempena perayaan Hari Keputeraan baginda ke-56
di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul
Iman pada 4 Jamadilawal 1423 Hijrah/ 15 Julai
2002 Masihi.

nyeluruh.

Hubungan masyarakat
belia kita juga dengan
belia-belia ASEAN yang
lain perlulah digalakkan
untuk melahirkan rang-

peranan dan sumbangan
mereka dalam membun-
gunkan negara atau
'nation-building'.

Demikian pula setiap
warga masyarakat biasa

SETIAP warga masyarakat biasa
selain belia, mempunyai peranan
dalam proses pembangunan negara.
Warga masyarakat yang tersisih akan
menjadi bebanan kepada negara,
kerana sifatnya yang tidak produktif
dan bahkan boleh berkembang men-
jadi isu sosial.

Sebagai aset negara dan
batal penyumbang usaha
masyarakat dalam ling-
kungan sendiri, malahan
juga dengan masyarakat
serantau yang lebih me-

selain belia, mempunyai
peranan dalam proses pen-
banguan negara. Warga
masyarakat yang tersisih
akan menjadi bebanan ke-
pada negara, kerana sifat-
nya yang tidak produktif
dan bahkan boleh berkem-
bang menjadi isu sosial.

Kerajaan beta telah
mengenalpasti Dasar Belia

Negara yang menggariskan
prinsip, objektif dan stra-
tegi dalam melaksanakan
program-program pemban-
gungan belia.

Program-program kese-
edaran belia secara berse-
padu adalah ditingkatkan,
termasuk ke arah pening-
katan kesedaran dan ke-
fahaman tentang keanggo-
tan dan peranan negara
dalam ASEAN dan per-
tubuhan luar yang lain.

Sehubungan ini, komit-
men negara di arena
hubungan luar, adalah terus
bersandarkan kepada prin-
sip-prinsip yang sejauah ini
dapat memberikan hasil
yang menggalakkan ke-
pada kita.

Negara telah berjaya
menjadi tuan rumah ke-
pada beberapa acara dan
persidangan antarabangsa.
Akhir bulan ini, sekali lagi
kita akan menjadi tuan
rumah kepada beberapa
mesyuarat ASEAN pering-
kat menteri.

Semua ini menggam-
barkan kemampuan negara
dalam menunaikan tang-
gungjawabnya sebagai se-
buah negara yang merdeka
lagi berdaulat.

Ini penting kerana ke-
stabilan serantau adalah
merupakan tunggak utama
bagi membolehkan kita
mencapai pembangunan
ekonomi yang berterusan.

Penyertaan negara di
arena antarabangsa juga
membawa keuntungan dari
pelbagai sudut seperti
latihan dan pertukaran
sosial dan budaya.

Dalam pada itu, kita
juga turut mengikuti de-
ngan cemas pergolakan
politik dunia yang amat
mencabar. Isu keganasan
menjadi topik utama sama-
ada di sidang serantau
mahupun antarabangsa.

Kita turut mengutuk
apa saja bentuk keganasan
yang dilakukan oleh se-
siapa jua, kerana peng-
gunaan adalah di luar
agenda bangsa-bangsa
yang bertamadun. Dengan
kata lain, sesiapa saja yang
melakukannya bermakna
telah menarik diri daripada
kumpulan atau jemaah
bangsa-bangsa yang ber-
tamadun itu.

Sebagai ahli ASEAN,

kita adalah komited kepada
langkah-langkah yang su-
dah diambil mengenainya.
Begitu juga di peringkat
lain seperti Common-
wealth dan OIC.

Apa yang penting juga
dalam menangani isu ke-
ganasan secara kompre-
hensif ialah dengan me-
mahami sebab-sebab ianya
berlaku.

Oleh itu, usaha pada
meningkatkan lagi dialog
dan kerjasama di antara
semua negara adalah terus
menjadi teras dasar luar
negara.

Ini bukan saja dalam
usaha menangani isu ke-
ganasan bahkan juga isu-
isu yang lain.

Kita adalah bersung-
guh-sungguh memastikan
keamanan serta berazam
mengekalkannya. Kerana
jika sesebuah negara itu
dilanda masalah kesela-
matan, maka sukarlah
baginya untuk memulih-
kannya.

Ia bukan saja menyu-
karkan kerajaan dalam
usaha-usahanya melaksa-
nakan pembangunan eko-
nomi, tetapi juga menyu-
karkan penduduk dalam
usaha-usaha mereka men-
dapatkan mata pencarian
dengan selesa.

Oleh itu tanggungjawab
pada menjaga keamanan
dan keselamatan itu, se-
patutnya bukanlah terserah
kepada agensi-agensi ke-
rajaan yang berwajib sa-
haja, malahan sewajarnya
mesti dipikul sama oleh
semua lapisan rakyat dan
penduduk supaya ianya
lebih berkesan lagi.

Melalui Jabatan Peran-
cangan dan Kemajuan
Ekonomi, kerajaan mem-
berikan perhatian kepada
perancangan Rancangan
Kemajuan Negara Ke-8
yang akan dapat memenuhi
keperluan pembangunan
negara.

Sungguhpun pada tahun
ini kerajaan komited de-
ngan peruntukan kemajuan
sebanyak B\$1 bilion, haki-
katnya setakat ini masih
terdapat beberapa kelem-
ahan pelaksanaan yang
perlu diatasi untuk men-
capai matlamat kerajaan.

Lihat muka 3



دشن نام الله يغمها
تموره دان مها فبايغ

Dari Sidang Pengarang

17 JULAI 2002 BERSAMAAN 1423 6 جمادى الأولى

MENJANA KESEJAHTERAAN DAN KEMAJUAN

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara
Brunei Darussalam dalam titah baginda baru-
baru ini menggariskan beberapa strategi ke arah
meningkatkan keamanan, keselamatan, kesejaht-
eraan rakyat dan kemajuan negara.

Kesedaran mengenai mustahaknya keamanan
dan kestabilan antara yang baginda tekankan dalam
titah tersebut kerana ianya merupakan perkara
utama dalam memastikan survival bangsa. Ke arah
ini perlu ada asas-asas yang kuat dan komitmen
yang padu dari semua pihak. Dalam hubungan ini
perlulah perpaduan umamah dan sikap berbaik-baik
di kalangan bukan saja masyarakat dalam ling-
kungan sendiri malahan juga dengan masyarakat
serantau yang lebih menyeluruh.

Antara yang perlu diberi perhatian ialah hubun-
gan belia kita dengan belia-belia ASEAN yang lain
dengan menggalakkan mereka melahirkan rang-
kai komunikasi persefahaman dan kerjasama
demi kelanjutan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan
kerjasama yang mantap.

Melihat kepada fungsi belia sebagai aset negara,
kerajaan baginda telah mengenalpasti Dasar Belia
Negara yang telah menggariskan prinsip, objektif
dan strategi dalam melaksanakan program-program
pembangunan belia. Ini termasuklah kesedaran dan
kefahaman mereka mengenai keanggotaan dan
peranan negara dalam ASEAN dan pertubuhan luar
yang lain.

Menyentuh mengenai komitmen negara di arena
hubungan luar, baginda menegaskan, kita terus
bersandarkan kepada prinsip-prinsip yang sejauah
ini dapat memberikan hasil yang menggalakkan
kepada kita.

Pergolakan politik dunia yang amat mencabar
turut meningkatkan lagi peranan negara. Isu
keganasan yang menjadi topik utama di sidang
serantau dan antarabangsa terus menjadi perhatian
kita, di mana kita turut mengutuk apa saja bentuk
keganasan yang dilakukan oleh sesiapa jua.

Skim Pemulihan Ekonomi juga merupakan satu
lagi perhatian utama kerajaan baginda. Langkah
tersebut boleh dikatakan sebagai terbaik setakat ini
kerana telah dapat memberikan kesan positif. Dalam
program tersebut sejumlah \$1 bilion telah disuntik-
kan untuk menyuburkan kembali pertumbuhan
ekonomi negara setelah dilanda krisis kewangan di
rantau ini. Rancangan ini sekali gus memberi perha-
tiran kepada perancangan dan pelaksanaan Rancan-
gan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN Ke-8) yang
akan memenuhi keperluan pembangunan negara.

Ke arah mengemaskinikan keperluan pemban-
gungan negara, kerajaan baginda juga telah me-
nyediakan Pelan Tindakan Perancangan untuk mem-
perbaiki Perangkaan Kira-kira Negara, menukar
tahun asas supaya lebih terkini, mengira Keluaran
Dalam Negara Kasar berasaskan perbelanjaan dan
sekaligus pengeluaran dan menjalankan Banci
Ekonomi Kebangsaan yang baru.

Di samping itu, sistem telekomunikasi negara
juga akan mengalami perubahan dengan pengkor-
poratan Jabatan Telekom Brunei mulai 1 April 2003.
Perkembangan ini akan dijadikan asas pertimbang-
an bagi kemungkinan pengkorporatan perkhid-
matan-perkhidmatan lain yang berseesuaian.

Baginda juga telah menyentuh beberapa per-
kembangan dalam sektor kewangan. Pusat Kewa-
ngan Antarabangsa Brunei telah mencatatkan bebe-
raa kemajuan yang menggalakkan dengan per-
ambahan bilangan syarikat antarabangsa yang
mendaftar di pusat tersebut. Di samping itu perun-
tukan undang-undang untuk menjaga kesejahteraan
orang ramai yang dinamakan Perintah Bank
(Pindaan) Tahun 2002 telah dikuatkuasakan.

Kerajaan juga sedang mengatur strategi ke arah
meningkatkan lagi hayat 'reserve' minyak dan gas
negara dengan penerokaan berkemahiran tinggi di
kawasan laut dalam Economic Exclusive Zone.
Dalam hubungan ini juga kerajaan telah mendaft-
kan Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei untuk
menjadi nadi penggerak kepada pembangunan
industri minyak dan gas di dalam dan luar negara.

Selain sektor ekonomi dan sosial, sektor perkhid-
matan awam juga terus ditingkatkan dengan mem-
pelbagaikan program dan kaedah yang boleh mem-
perbaiki pentadbiran dan pengurusan. Antaranya
ialah Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21,
Tekad Pemudulan Orang Ramai, Manual Prosedur
Kerja dan Rukun Akhlak dan Etika Kerja.

Dari beberapa perkembangan dan strategi yang
baginda gariskan itu, jelas bahawa kerajaan baginda
sentiasa berusaha dengan gigih untuk meningkatkan
keamanan, keselamatan, kestabilan akan terus
dapat dinikmati. Perkerja ini akan dapat diraih
daripada perpaduan, persefahaman dan kerjasama
serta usaha yang gigih daripada rakyat itu sendiri.
Dalam masa yang sama, kerajaan juga mempunyai
strategi yang tersusun ke arah memulihkan eko-
nomi negara serta mengembangkannya kepada
pelbagai sektor yang berpotensi. Pelan tindakan
tersebut bila digabungkan dengan RKN Ke-8 amat
jelas boleh menjaga kesejahteraan dan kemajuan
yang begitu meyakinkan kita untuk menikmati
masa depan yang lebih cemerlang.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MUSIM BERJANAWARI

SEKARANG kita sedang berada dalam musim perayaan tahunan. Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanall Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-56 telah diraikan mulai 15 Julai 2002. Biasanya perayaan kebangsaan ini akan berakhir pada tarikh-tarikh yang tertentu, tetapi rasa hati rakyat yang mengasihi baginda dan baginda juga memiliki rasa hati yang sama terhadap seluruh rakyat baginda, maka biasanya perayaan tersebut akan berlarutan berbulan-bulan. Semuanya akan mengambil sempena tersebut demi menjadikannya sebagai petanda betapa mereka amat menjunjung kasih, bukan sahaja kerana sifat 'pengelilingan' baginda yang bermutu tinggi dan tiada taranya, tetapi rasa kasih baginda yang tiada memilih-milih baik Islam atau bukan Islam, baik dewasa, remaja atau kanak-kanak damit apalagi orang tua dan orang-orang yang kurang upaya.

Jelas bahawa wajah baginda menunjukkan Raja yang pengasih dan mengambil berat hal-hal kebajikan rakyat baginda dan teratas dari segala-galanya itu ialah usaha dan kerja-kerja yang dilaksanakan baginda dalam menentukan agar negara terus stabil dalam semua perkara yang tidak semata-mata ekonomi yang kuat, tetapi rakyat juga harus kuat dalam keimanan yang teguh, apalagi rakyat Brunei sudah menjadi anggota masyarakat antarabangsa.

Apabila kita sudah menjadi anggota masyarakat antarabangsa, sudah barang tentu kita akan berhadapan perkara-perkara yang lebih luas

bidangnya dan kadang-kadang ada yang amat baharu bagi kita yang menyebabkan kita terpaksa menghadapinya. Sama ada masukinya sambil belajar ataupun mempelajarinya secara khusus, semuanya adalah kerana kita mahu tidak teras tertinggal apalagi kita juga mengakui bila orang bercakap tentang keperkasaan. Menurut sejarah, keperkasaan itu seolah-olah menjadi inti kepada orang Brunei dan demikian juga melalui cerita-cerita legendanya seperti gambaran kekuatan Awang Semaun, Awang Senuai dan peristiwa Pulau Chermin. Apa yang nampak terbayang ialah kekuatan dari segi tenaga sehingga ikan sumpit-sumpit pun sukar ditawan walaupun berpagarkan kayu mengaris. Namun sumpit-sumpit akhirnya tertangkap juga hanya kerana 'tulang daun' yang dilambangkan sebagai alat yang murah dan mudah didapati.

Kalau sekiranya dapat dikatakan bahawa kekuatan itu menjadi satu kesukan orang-orang kita, masa silam telah memberi bukti yang cukup jelas dengan melalui berbagai perayaan dan mengisikan perayaan-perayaan tersebut dengan berbagai acara dan tidak ketinggalan ialah beradu kekuatan itu sendiri.

Masa silam, perayaan diadakan pada tiap-tiap bulan Januari kerana menyambut hari jadi Queen. Walaupun pada kelihatannya bahawa perayaan itu sepatutnya disebut sebagai 'Hari Jadi Queen', tetapi hanya kerana jatuhnya bulan

perayaan tersebut pada tiap-tiap bulan Januari, mungkin orang dahulu itu lebih merasa senang menyebut 'Januari' itu daripada menyebut 'Queen' atau mungkin juga kerana ada alasan-alasan lain yang kita tidak tahu. Mungkin mereka takut menyebut 'Queen' lalu merasa aman kalau sekadar menyebut 'Januari' walaupun kebanyakan dari mereka itu tidak betul menyebutnya iaitu hanya sekadar lembut-lembut lidah dan ringan-ringan bibir menyebut iaitu seperti 'Bejanawari' atau ditambah perkataan orang yang jadinya berbunyi 'Orang Barjanawari'.

Kesemuanya itu adalah bermakna perayaan, orang beramai-ramai atau orang bersuka-suka. Inilah dia perayaan tahunan di masa silam itu. Sementara keramaian yang lain-lain itu seperti Pertunjukan Pentas Bangsawan, Bangsawan Seri Noran atau Bangsawan Si Bakir, semua itu bukannya perayaan. Ia hanya sekadar 'orang bersuka-suka' atau sekadar kunjungan kumpulan bangsawan atau hiburan di pentas yang biasanya pada waktu itu akan mengadakan kunjungan-kunjungan hingga ke Pulau Borneo. Mereka yang membuat pementasan bangsawan itu adalah datangnya dari Singapura dan ada juga dari Brunei sendiri seperti Bangsawan Si Bakir yang pemain-pemainnya adalah terdiri dari pendatang-pendatang yang mungkin saja dari Tanah Jawa. Sebab permainan Katoprak yang pernah kita ton-ton di televisyen (Indonesia) dapat mengemba-

likan ingatan kita betapa permainan begitu pernah diperlihatkan di Brunei, dan itulah barangkali yang dikatakan Bangsawan itu yang juga khabarnya sangat digemari oleh orang-orang di masa silam itu sehingga 'berjual-beruai' asal dapat melihat dan menonton Bangsawan.

Keramaian sekarang memang jauh berbeza. Kita tidak boleh bandingkan standardnya dengan dahulu yang serba kekurangan itu, sedangkan Padang Bola dahulu itu (di Bandar Brunei) asalnya adalah tempat kerbau berluai atau disebut 'Luan Kerbau'.

Selain dari bola sepak dan tarik kalat, lumba perahu adalah yang paling disukai oleh orang ramai di masa silam itu. Apabila hendak dilangsungkan lumba perahu itu, sehari sebelum dimulakan, orang sudah ramai mengisikan Sungai Brunei dengan perahu-perahu yang beratap. Kebanyakan perahu itu kesemuanya adalah perahu besar dan juga tongkang-tongkang atau kapal-kapal kayu. Semuanya dipenuhi oleh orang yang hendak menonton lumba perahu dan lumba motor sangkut. Temasya itu akan berjalan sehari suntuk dan ramai orang-orang yang di luar Brunei datang berkunjung untuk sama-sama meramaikan atau mengambil bahagian seperti dari Lawas, dari Sepitang, dari Awat-Awat, dari Rangau, dari Baru-Baru, Berbunut, Limpaku. Pendeknya semua orang dari keliling Brunei akan datang 'Berjanawari'. Lagipun pada waktu itu (sekitar 1950-an), kawasan-kawasan pesisir Brunei menganggap Brunei adalah juga mereka, tidak ada takah, tidak ada urih dan tidak ada sempadannya.

Negara, rakyat turut nikmati keamanan

Dari muka 2

Kerana itu, kerajaan beta antara lain sedang berusaha untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan pihak-pihak pelaksana di dalam melaksanakan projek-projek kemajuan pada waktunya.

Di samping itu, kerajaan beta juga berusaha meningkatkan penglibatan sektor swasta di peringkat konsultasi untuk memberikan lebih banyak projek-projek pembangunan secara terbuka dan kompetitif.

Beta berharap semua pihak pelaksana di dalam sektor kerajaan dan swasta akan dapat meningkatkan produktiviti dan profesionalisme masing-masing untuk mencapai efisien yang lebih tinggi.

Terdapat keperluan bagi membolehkan pihak konsultasi mempunyai daya insentif yang lebih tinggi untuk memenuhi keperluan kerajaan dari segi 'value for money' dan pencapaian jangka waktu perlaksanaan, di samping mendapat kemajuan perusahaan masing-masing.

Kerajaan beta juga telah melanjutkan Skim Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek yang bertujuan untuk membaik pulih perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana sebanyak yang boleh.

Ini termasuklah membantu majikan-majikan di sektor swasta di dalam membiayai latihan-latihan pekerjaan pelbagai sektor bagi anak-anak tempatan yang belum mempunyai pekerjaan sebelum mereka diambil bekerja secara tetap.

Untuk memenuhi keperluan pembangunan yang lebih seimbang, RKN Ke-8 selain dari menumpukan kepada kemajuan infrastruktur, juga memperuntukkan kemajuan sumber manusia.

Melalui dana kemajuan sumber manusia di dalam RKN Ke-8, kerajaan beta

menghasratkan kemajuan sumber manusia jangka sederhana dan panjang akan lebih terarah dan menepati keperluan negara untuk lebih dinamis dan berdaya saing.

Ke arah ini, kerajaan beta telah mendapatkan perkhidmatan pakar kemajuan sumber manusia antarabangsa untuk membantu dalam menyediakan rangkaian dasar dan Pelan Tindakan Kebangsaan kemajuan sumber manusia.

Sebaga tambahan kepada usaha kerajaan mengemaskinikan keperluan pembangunan negara, kerajaan beta melalui Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah menyediakan Pelan Tindakan Perangkaan.

Antara lain ianya untuk memperbaiki perangkaan kira-kira negara, menukar tahun asas supaya lebih terkini, mengira Keluaran Dalam Negara Kasar yakni GDP berasaskan perbelanjaan dan sekali gus pengeluaran, dan menjalankan Banci Ekonomi Kebangsaan yang baru.

Hasil Banci Penduduk dan Perumahan 2001 sudah pun mula dikeluarkan secara berperingkat-peringkat.

Di samping itu, kerajaan beta akan memperbadankan Jabatan Telekom Brunei mulai 1 April 2003. Dengan pengkorporatan JTB ini, kerajaan mempunyai satu lagi asas pertimbangan bagi melihat seterusnya kemungkinan pengkorporatan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang bersesuaian.

Kerajaan beta juga telah menyediakan peruntukan undang-undang pada menjaga kesejahteraan orang ramai, misalnya Perintah Bank (Pindaan) Tahun 2002 telah dikuatkuasakan sejak bulan Mac lalu yang bertujuan untuk menangani masalah pengambilan wang atau 'illegal deposit taking' dan seterusnya melindungi orang ramai daripada tertipu dengan Skim Cepat Kaya.

Dalam sektor kewangan antarabangsa, Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei telah mencatitkan beberapa kemajuan yang menggalakkan.

Bilangan syarikat antarabangsa yang berdaftar di Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei semakin meningkat, bersama dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan di berbagai sektor kewangan yang bersifat antarabangsa.

Baru-baru ini kerajaan beta telah mengeluarkan lesen kepada sebuah syarikat antarabangsa yang berdaftar dengan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei iaitu International Brunei Exchange Ltd untuk menjalankan perniagaan Securities Exchange di negara ini.

International Securities Exchange ini akan membolehkan pedagang-pedagang antarabangsa atau international dealers untuk berurusan niaga produk-produk kewangan konvensional serta juga yang berlandaskan prinsip syariah.

Kita berharap dengan adanya International Exchange ini akan menampilkan lagi peranan negara dalam pasaran kewangan global di samping memberikan faedah-faedah kepada ekonomi setempat termasuk membuka lagi peluang-peluang pekerjaan dan juga kesan positif kepada sektor ekonomi yang lain.

Pihak antarabangsa juga dilibatkan dalam satu lagi bidang berkemahiran tinggi iaitu dalam tawaran penempatan minyak dan gas di kawasan laut dalam Economic Exclusive Zone negara kita.

Penerokaan berkenaan adalah sebagai usaha kerajaan beta bagi meningkatkan dan memajukan lagi hayat reserve minyak dan gas negara, yang mana mudah-mudahan dengan izin Allah ju akan meningkatkan lagi kemantapan ekonomi negara.

Sehubungan dengan ini juga, kerajaan beta telah

mendaftarkan Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei atau PetroleumBRUNEI yang merupakan sebuah syarikat petroleum yang akan menjadi nadi penggerak kepada pembangunan industri minyak dan gas negara, di dalam dan di luar negeri.

Beralih kepada perkhidmatan awam, kerajaan beta telah memperkenalkan banyak strategi dan program serta kaedah yang berupa pembaharuan dan usaha untuk memperbaiki pentadbiran dan pengurusan.

Antaranya termasuklah Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21, Tekad Pemedulian Orang Ramai, Manual Prosedur Kerja, dan Rukun Akhlak dan Etika Kerja.

Semua ini adalah untuk membolehkan kita mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang berwawasan dan mempunyai hala tuju, serta menjadikannya lebih cekap, produktif, sistematik, dan pemedulian, lagi boleh dipercayai.

Di samping itu, dengan pendedahan teknologi infokomunikasi atau ICT dalam perkhidmatan awam, adalah diharapkan ianya akan dapat meningkatkan lagi kepercayaan jentera pentadbiran kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih mudah dan berkesan kepada orang ramai.

Dalam masa yang sama juga, keupayaan jentera pentadbiran kerajaan itu haruslah dimantapkan dengan kecekapan itu, ilmu pengetahuan serta kemahiran setiap anggota dalam perkhidmatan awam, sesuai dengan zaman yang mementingkan ilmu pengetahuan atau ke-ekonomi ini.

Di dalam meningkatkan keberkesanan, kecekapan dan mutu perkhidmatan Negara Brunei Darussalam di samping tumpuan diberikan kepada aspek-aspek kualiti dan produktiviti, yang penting sekali

bagi mencapai matlamat ini ialah disiplin dan komitmen yang tinggi di kalangan anggota perkhidmatan awam.

Semangat berpasukan, hormat-menghormati, patuh kepada peraturan dan etika kerja perlulah sentiasa dipraktikkan oleh anggota perkhidmatan awam di semua peringkat.

Kerajaan beta juga tidak kurang memberikan perhatian dalam aspek penjagaan kesihatan.

Salah satu daripada matlamat strategik Rancangan Penjagaan Kesihatan Negara 2000-2010 ialah meningkatkan Penjagaan Kesihatan Asasi di negara ini.

Keutamaan telah diberikan pada Penjagaan Kesihatan Asasi kerana ianya telah terbukti lebih berkesan dari segi penggunaan sumber dan terhadap kesihatan penduduk umumnya melalui kajian-kajian yang telah dijalankan.

Pada masa ini bermacam-macam penyakit kronik telah muncul di tengah-tengah kehidupan kita seperti penyakit jantung koronari, buah pinggang, barah dan lain-lain, termasuk yang dikatakan berpunca daripada tabiat merokok.

Di antara langkah kerajaan dalam menangani masalah ini ialah dengan mendatangkan ulama dan pakar sains antarabangsa dalam satu seminar antarabangsa mengenai rokok yang diketendalikan oleh Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Antara lain ianya bertujuan untuk mencari formula alternatif serta bagi melahirkan generasi baru yang sihat dan cergas yang sangat diperlukan dalam memberikan sumbangan bangsa dan sosioekonomi negara.

Di samping itu, dasar-dasar kesihatan sekolah juga dilaksanakan melalui langkah-langkah tertentu, yang antara

lain dengan hanya membekalkan makanan dan minuman yang dibenarkan sahaja, berdasarkan garis panduan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan.

Tahap kesihatan pelajar-pelajar juga akan dapat diawasi melalui program yang akan dijalankan oleh Kementerian Pendidikan iaitu Ujian Kecergasan Jasmani dan mendapatkan Status Indeks Jisim Tubuh kepada semua penuntut sekolah.

Selain itu, piagam sekolah mengenai kesihatan juga akan dibentuk sebagai pegangan dan panduan pihak sekolah dalam melaksanakan komitmen masyarakat sekolah dan menjadi petunjuk ke arah meningkatkan kesihatan para pelajar.

Kesihatan dan kesejahteraan negara juga berkait rapat dengan kebersihan alam sekitar. Ke arah itu, kerajaan telah mengadakan banyak usaha untuk memelihara alam sekitar yang bersih serta berkualiti.

Ini termasuklah langkah kerajaan beta mengadakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar iaitu dengan menaikkan taraf Unit Alam Sekitar sebagai jabatan penuh, yang sekarang dikenali sebagai Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Kemajuan teknologi dan infrastruktur moden dalam industri telekomunikasi telah membolehkan negara kita meraih hasil dan faedah daripada perkhidmatan dan sistem telekomunikasi yang efisien dan boleh dipercayai.

Ini adalah selaras dengan hasrat untuk menjadikan negara ini sebagai pusat bagi perdagangan dan pelancongan di kawasan pertubuhan BIMP-EAGA.

Ke arah usaha untuk mempelbagaikan lagi ekonomi melalui bidang pengangkutan

darat di negara ini, usaha-usaha untuk mempelbagaikan lagi ekonomi melalui bidang pengangkutan darat di negara ini, usaha-usaha sedang dijalankan bagi memudahkan cara pengangkutan barang dan penumpang umum secara lintas batas di negara ini dengan negara jiran.

Kita sama-sama berdoa semoga dengan keredaan Allah Subhanu Wataala jua, serta berkat peraduan, kerjasama dan persefahaman di semua pihak, seperti yang sedia diamalkan selama ini, akan memberikan perlindungan kepada negara kita daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan, dari segi ekonomi, sosial, mahupun yang lain, dan seterusnya mengekalkan keamanan, kestabilan dan kesejahteraan di negara kita ini.

Pada mengakhirinya Beta sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan ahli-ahli jawatankuasa yang berkenaan serta sekalian peserta dalam seluruh acara yang dikendalikan.

Semoga Allah Subhanahu Wataala jua akan memberikan sumbangan ikhlas pihak-pihak yang menjayakan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan beta pada kali ini.

Beta juga tidak lupa merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas kepada seluruh rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat dalam perkhidmatan awam, pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, atas usaha mereka yang ikhlas di bidang masing-masing.

fidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ISTIADAT PERBARISAN KEHORMATAN



HELIKOPTER Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei semasa terbang lalu sambil melepaskan kepulan asap berwarna-warni.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



Gambar-gambar oleh Harun HR dan Masri Osman

BAGINDA memeriksa Kawalan Keempat, Pasukan Polis Diraja Brunei.

BAGINDA berangkat menaiki kenderaan khas bagi memeriksa perbarisan pasukan beruniform dan pertubuhan awam.



PASUKAN Panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Panji-panji Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan Kawalan Ketiga semasa berbaris lalu.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (atas kanan); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah (atas) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah semasa berkenan berangkat ke istiadat tersebut.



SEBAHAGIAN daripada tetamu khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan para pemimpin negara yang hadir di Istiadat Perbarisan Kehormatan (gambar atas kanan dan kiri).



RIBUAN para penuntut sekolah berbaris di sepanjang jalan menuju ke Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin sambil mengibarkan bendera negara.

31 dikurniakan bintang kebesaran

Oleh Abu Bakar HAR
Gambar-gambar oleh jurugambar
Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 31 orang penerima sempena Hari Keputeraan baginda ke-56 yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana di sini.

Mendahului senarai penerima bintang kebesaran bagi penerima Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) yang membawa gelaran Dato Paduka Seri dikurniakan kepada Penglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Jeneral Endriatono Sutarto.

Ini disusuli dengan pengurniaan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama (P.S.N.B.) yang membawa gelaran Dato Seri Setia kepada tiga orang penerima iaitu Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Tuan Yang Terutama Al-Syed Walid Ismail Al-Kurdi.

Di istiadat tersebut seorang telah dikurniakan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Pertama (P.S.L.J.) yang membawa gelaran Dato Paduka Seri Laila Jasa kepada bekas Menteri Luar Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohammad Ghazali Shafie.

Sementara itu dua orang telah dikurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B.) yang membawa gelaran Dato Seri Setia kepada Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad dan Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Rajid bin Haji Abdul Kadir.

Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat

Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran Dato Paduka dikurniakan kepada sembilan orang penerima. Mereka yang menerimanya terdiri dari Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned; Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Awang Haji Idris bin Haji Belaman @ Diris; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Haji Sallehuddin bin Pengiran Haji Yusof; Hakim Mahkamah Tinggi, Awang Steven Chong Wan Onn; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Harun bin Haji Ismail; Pengarah Urusan Tabung Amanah Islam Brunei, Awang Haji Junaidi bin Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Hashim; Pegawai Pentadbir Kanan di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pengiran Haji Zaini bin Pengiran Haji Kamaluddin; Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Masrainah binti Pengiran Haji Ahmad dan Timbalan Juruaudit Agung, Datin Hajah Salmah binti Haji Hanafiah.

Enam orang menerima Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B.) kepada Awang Haji Junid bin Penyurat Pali, Pengiran Haji Yusof bin Pengiran Sabtu, Awang Haji Sawas bin Haji Jebat, Mudim Haji Metasim bin Haji Metussin dan Awang Mohd Tarip bin Haji Matusin.

Manakala itu 10 orang telah menerima Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga (S.N.B.) yang terdiri dari Awang Sa Bali bin Abas, Pengiran Ahmad bin Pengiran Haji Damit, Awang Alias bin Haji Mohd. Yusof, Dr. Awang Haji Abd Latif bin Haji Ibrahim, Awang Haji Zainal Abidin bin Sanip, Awang Haji Zulkifli bin Haji Basuni, Awang Haji Mohd Jaya bin Sahat, Awang Haji Mohd Daud bin Serudin, Awang Haji Mohd Zaini bin Haji Omar dan Dayang Hajah Mastura binti Haji Mohsin.



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Kedua (D.S.S.U.B.) yang membawa gelaran Dato Seri Setia kepada Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Adam bin Haji Ahmad (atas kiri) dan Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Rajid bin Haji Abdul Kadir (atas kanan).



BAGINDA mengurniakan Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (D.P.M.B.) yang membawa gelaran Dato Paduka kepada Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Abdul Wahab bin Juned (atas kiri); Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Idris bin Haji Belaman (atas kanan); Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Haji Sallehuddin bin Pengiran Haji Yusof (bawah kiri) dan Hakim Mahkamah Tinggi, Awang Steven Chong Wan Onn.



BAGINDA mengurniakan D.P.M.B. kepada Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Harun bin Haji Ismail (atas kiri); Pengarah Urusan Tabung Amanah Islam Brunei, Awang Haji Junaidi (atas kanan); Pegawai Pentadbir Kanan di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Pengiran Haji Zaini bin Pengiran Haji Kamaluddin (bawah kiri) dan Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Perancis, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Masrainah (bawah kanan).



BAGINDA mengurniakan D.P.M.B. kepada Timbalan Juruaudit Agung, Datin Hajah Salmah binti Haji Hanafiah.

Perniagaan 'Securities Exchange'

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru ini telah mengeluarkan lesen kepada sebuah syarikat antarabangsa untuk menjalankan perniagaan Securities Exchange di Negara Brunei Darussalam.

Syarikat antarabangsa yang berdaftar dengan Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei itu dikenali International Brunei Exchange Ltd.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, dengan adanya syarikat berkenaan akan membolehkan pedagang-pedagang atau 'international dealers' untuk mengurus niaga produk-produk kewangan konvensional serta juga yang berlandaskan prinsip syariah.

Baginda berharap dengan adanya, international exchange itu akan menampilkan lagi peranan negara dalam pasaran kewangan global di samping memberikan faedah-faedah kepada ekonomi setempat termasuk membuka lagi peluang-peluang peker-

jaan dan juga kesan positif kepada sektor ekonomi yang lain.

Menurut baginda lagi, bilangan syarikat yang berdaftar di Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei semakin meningkat beserta perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan di pelbagai sektor kewangan yang bersifat antarabangsa.

Baginda juga menjelaskan bahawa pihak antarabangsa juga dilibatkan dalam tawaran penorek minyak dan gas di Kawasan Laut Dalam Zon Eksklusif Ekonomi di negara ini.

"Penerokaan berkenaan adalah sebagai usaha kerajaan beta bagi meningkatkan dan memanjangkan hayat reserve minyak dan gas negara, yang mana mudah-mudahan dengan izin Allah jua akan meningkatkan lagi kemandirian ekonomi negara", titah baginda mengharapkan.

Sehubungan dengan itu, jelas baginda, kerajaan telah mendaftarkan Syarikat Petroleum Kebangsaan atau Petroleum-BRUNEI yang merupakan sebuah syarikat petroleum yang akan menjadi nadi penggerak kepada pembangunan industri minyak dan gas negara dalam dan luar negara.



SUASANA Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran di Balai Singgahsana Indera Buana.

K'jaan sedia Pelan Tindakan Perangkaan

OLEH HJ. JAFAR HI
GAMBAR-GAMBAR OLEH
JURUGAMBAR JABATAN PENERANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa kerajaan dalam usaha mengemaskinikan keperluan pembangunan negara telah menyediakan Pelan Tindakan Perangkaan.

Pelan tersebut, titah baginda antara lain untuk memperbaiki Perangkaan Kira-kira Negara, menukar tahun asas supaya lebih terkini, mengira Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) berasaskan perbelanjaan dan sekali gus pengeluaran dan Banci Ekonomi Kebangsaan yang baru.

Kerajaan juga, titah baginda berhasrat supaya kemajuan sumber manusia jangka panjang dan sederhana akan lebih terarah dan menepati keperluan negara.

"Melalui dana kemajuan sumber manusia di dalam RKN Ke-8, kerajaan beta menghasratkan kemajuan sumber manusia jangka sederhana dan panjang akan lebih terarah dan menepati keperluan negara untuk lebih dinamis dan berdaya saing", titah baginda sempena perayaan Hari Keputeraan baginda

ke-56 yang diadakan di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Ke arah tujuan itu, kerajaan telah mendapatkan perkhidmatan pakar antarabangsa untuk membantu dalam menyediakan rangkaian dasar dan Pelan Tindakan Kebangsaan kemajuan sumber manusia.

Mengenai pengkorporatan pula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjelaskan, kerajaan kini mempunyai asas pertimbangan bagi melihat seterusnya kemungkinan pengkorporatan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang bersesuaian setelah kejayaan memperbadankan Jabatan Telekom Brunei mulai 1 April 2003.

Bagi menjaga kesejahteraan orang ramai, kerajaan, titah baginda lagi, juga telah menyediakan peruntukan undang-undang melalui Perintah Bank (Pindaan) Tahun 2002 yang telah berkuat kuasa sejak bulan Mac tahun ini.

Perintah berkenaan dikuatkuasakan adalah semata-mata bertujuan untuk menangani masalah pengambilan wang atau 'illegal deposit taking' dan seterusnya melindungi orang ramai daripada tertipu dengan Skim Cepat Kaya.

Penyertaan negara di arena antarabangsa menguntungkan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan bahawa komitmen Negara Brunei Darussalam di arena hubungan luar adalah terus bersandarkan kepada prinsip-prinsip yang sejauh ini dapat memberikan hasil yang menggalakkan kepada kita.

Selain itu, titah baginda, penyertaan negara di arena antarabangsa juga

membawa keuntungan dari berbagai sudut seperti latihan dan pertukaran sosial dan budaya.

Menurut baginda, sejauh ini negara telah berjaya menjadi tuan rumah kepada beberapa acara dan persidangan antarabangsa. Pada akhir bulan Julai ini, Brunei akan menjadi tuan rumah kepada beberapa mesyuarat ASEAN peringkat menteri.

"Semua ini mengambarkan kemampuan negara dalam menunaikan tanggungjawabnya sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat", titah baginda sempena perayaan

Hari Keputeraan baginda ke-56 yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei dari Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman hari ini.

Baginda menjelaskan perkara ini penting, kerana kestabilan serantau adalah merupakan tunggak utama bagi membolehkan kita mencapai pembangunan ekonomi yang berterusan.

Dalam pada itu, titah baginda lagi, negara juga turut mengikuti dengan cemas pergolakan politik dunia yang amat mencabar iaitu isu keganasan yang

kini menjadi topik utama sama ada di persidangan serantau mahupun antarabangsa.

"Kita turut mengutuk apa jua bentuk keganasan yang dilakukan oleh sesiapa jua, kerana penganasan adalah di luar agenda bangsa-bangsa yang bertamadun. Dengan kata lain sesiapa saja yang melakukannya bermakna telah menaruh diri daripada kumpulan atau jemaah bangsa-bangsa yang bertamadun itu", titah baginda.

Ke arah itu, titah baginda menjelaskan, sebagai anggota ASEAN, Brunei adalah komited kepada

langkah-langkah yang sudah diambil mengenainya. Begitu juga di peringkat lain seperti Komanwel dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Walau bagaimanapun, menurut baginda, dalam menangani isu keganasan secara komprehensif, apa yang penting ialah memahami sebab-sebab ianya berlaku.

"Oleh itu, usaha pada meningkatkan lagi dialog dan kerjasama di antara semua negara adalah terus menjadi teras dasar luar negara. Ini bukan saja dalam usaha menangani isu keganasan bahkan juga isu-isu lain", titah baginda.

Penglibatan swasta di peringkat konsultan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Sungguhpun pada tahun 2002, kerajaan komited dengan peruntukan kemajuan sebanyak B\$1 bilion, hakikatnya setakat ini masih terdapat beberapa kelemahan perlaksanaan yang perlu diatasi untuk mencapai matlamat kerajaan.

Untuk itu, kerajaan antara lain kini sedang berusaha untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan pihak-pihak pelaksananya di dalam melaksanakan projek-projek kemajuan pada waktunya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, di samping itu, kera-

jaan juga berusaha meningkatkan penglibatan sektor swasta di peringkat konsultan untuk memberikan lebih banyak projek-projek pembangunan secara terbuka dan kompetitif.

"Beta berharap semua pihak pelaksananya di dalam sektor kerajaan dan swasta akan dapat meningkatkan produktiviti dan profesionalisme masing-masing untuk mencapai efisiensi yang lebih tinggi," titah baginda di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran sempena perayaan Hari Keputeraan baginda ke-56 yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Baginda menambah titah, terdapat keperluan

bagi membolehkan pihak konsultan mempunyai daya insentif yang lebih tinggi untuk memenuhi keperluan kerajaan dari segi 'value for money' dan pencapaian waktu perlaksanaan, di samping mendapat kemajuan perusahaan masing-masing.

Kerajaan, titah baginda lagi juga telah melanjutkan Skim Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek yang bertujuan untuk membaik pulih perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana sebanyak yang boleh. Ini termasuklah membantu majikan-majikan di sektor swasta di dalam membina latihan-latihan pekerjaan pelbagai sektor bagi anak-anak tempatan yang belum mempunyai pekerjaan sebelum mereka diambil bekerja secara tetap.

Memastikan survival bangsa

Dari muka 1

Perkara itu, titah baginda lagi, bukan saja menyukarkan kerajaan dalam usaha-usahanya melaksanakan pembangunan ekonomi, tetapi juga menyukarkan penduduk dalam usaha-usaha mereka mendapatkan mata pencarian dengan selesa.

Oleh itu, titah baginda mengharapkan, tanggungjawab pada menjaga keamanan dan keselamatan, sepatutnya bukanlah terserah kepada agensi-agensinya kerajaan yang berwajib sahaja, malahan sewajarnya mesti dipikul

sama oleh semua lapisan rakyat dan penduduk supaya ianya lebih berkesan lagi.

"Kita sama-sama berdo'a semoga dengan keredaan Allah Subhanahu Wataala jua, serta berkat perpaduan, kerjasama dan persefahaman di semua pihak, seperti yang sedia diamalkan selama ini, akan memberikan perlindungan kepada negara kita daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan, dari segi ekonomi, sosial mahupun yang lain dan seterusnya mengekalkan keamanan, kestabilan, kesejahteraan di negara kita ini," titah baginda.

Pimpin belia ke arah hala tuju yang jelas

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Para belia di negara ini perlu dipimpin ke arah hala tuju yang jelas agar mereka faham dan sedar akan peranan dan sumbangan mereka dalam membangunkan negara atau 'nation building'.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sebagai aset negara dan bakal penyambung usaha pembangunan, kerajaan telah mengenal-kan Dasar Belia Negara yang menggariskan prinsip, objektif dan strategi dalam melaksanakan program-program pembangunan belia.

zaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sebagai aset negara dan bakal penyambung usaha pembangunan, kerajaan telah mengenal-kan Dasar Belia Negara yang menggariskan prinsip, objektif dan strategi dalam melaksanakan program-program pembangunan belia.

"Program-program ke-

Oleh
Haji Jaafar HI

sedaran belia secara bersepadu adalah ditingkatkan termasuk ke arah peningkatan kese-

edaran dan kefahaman tentang keanggotaan dan peranan negara dalam ASEAN dan pertubuhan luar yang lain," titah baginda sempena perayaan hari keputeraan baginda ke-56 tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul

Iman di sini hari ini.

Baginda bertitah hubungan masyarakat belia negara ini dengan belia belia ASEAN yang lain perlulah digalakkan untuk melahirkan rangkaian komunikasi persefahaman dan kerjasama demi kelan-

jutan ASEAN sebagai sebuah pertubuhan kerjasama yang mantap.

Menurut baginda lagi, dalam proses membangun negara, setiap warga masyarakat biasa selain belia, mempunyai peranan yang sama dalam meng-

gerakkan setiap apa jua pembangunan.

"Warga masyarakat yang tersisih akan menjadi bebanan kepada negara, kerana sifatnya yang tidak produktif dan bahkan boleh berkembang menjadi isu sosial," titah baginda.

Penjagaan Kesihatan Asasi

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menegaskan salah satu daripada matlamat Rancangan Penjagaan Kesihatan Negara 2000 - 2010 ialah meningkatkan Penjagaan Kesihatan Asasi di Negara Brunei Darussalam.

Menurut baginda, keutamaan telah diberikan pada Penjagaan Kesihatan Asasi kerana ianya telah terbukti lebih berkesan dari segi penggunaan sumber dan terhadap kesihatan penduduk umumnya melalui kajian-kajian yang telah dijalankan.

Baginda menitahkan perkara itu di Istiadat Mengadap Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran sempena perayaan hari keputeraan baginda ke-56 tahun yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman di ibu negara.

Dewasa ini, titah baginda, bermacam-macam penyakit kronik telah muncul di tengah-tengah kehidupan kita seperti penyakit jantung koronari, buah pinggang, barah dan lain-lain termasuk yang dikatakan berpunca daripada tabiat merokok.

Kerajaan dalam menangani masalah tersebut, jelas baginda telah mengambil langkah antaranya dengan

mendatangkan ulama dan pakar sains antarabangsa dalam satu Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat yang dikendalikan oleh Jabatan Mufti Kerajaan dengan Kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan baru-baru ini.

Seminar berkenaan, titah baginda, bertujuan untuk mencari formula alternatif serta bagi melahirkan generasi baru yang sihat dan cergas yang sangat diperlukan dalam memberikan sumbangan ke arah pembangunan bangsa dan sosio ekonomi negara.

Di samping itu, titah baginda lagi, dasar-dasar kesihatan sekolah juga dilaksanakan melalui langkah-langkah tertentu yang antara lain dengan hanya membekalkan makanan dan minuman yang dibenarkan sahaja berdasarkan garis panduan Kementerian Kesihatan.

"Tahap kesihatan pelajar-pelajar juga akan dapat diawasi melalui program yang akan dijalankan oleh Kementerian Pendidikan iaitu ujian kecergasan jasmani dan mendapatkan status indeks jisim tubuh kepada semua penuntut," titah baginda.

Piagam sekolah mengenai kesihatan, tegas baginda, juga akan dibentuk sebagai pegangan dan panduan pihak sekolah dalam melaksanakan komitmen masya-

rakat sekolah dan menjadi petunjuk ke arah meningkatkan kesihatan para pelajar.

Menandakan kesihatan dan kesejahteraan negara juga berkait rapat dengan kebersihan alam sekitar, kerajaan telah mengadakan banyak usaha untuk memelihara alam sekitar yang bersih serta berkualiti, titah baginda.

Ini, titah baginda lagi, termasuklah langkah kerajaan baginda mengadakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dengan menaikkan taraf Unit Alam Sekitar sebagai jabatan penuh yang sekarang dikenali sebagai Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Menyentuh mengenai kemajuan teknologi dan infrastruktur moden dan industri telekomunikasi pula, baginda menjelaskan bahawa ianya telah membolehkan negara meraih hasil dan faedah daripada perkhidmatan dan sistem telekomunikasi yang efisien dan boleh dipercayai.

Ini, menurut baginda lagi, selaras dengan hasrat untuk menjadikan negara ini sebagai pusat bagi perdagangan dan pelancongan di kawasan pertumbuhan BIMP-EAGA.

Baginda bertitah, ke arah untuk membela-bela ekonomi melalui bidang pengangkutan darat di negara ini, usaha-usaha

sedang dijalankan bagi memudahkan cara pengangkutan barang dan pengangkutan

an umum secara lintas batas di antara Brunei dan negara jiran.

Istiadat Mengadap gilang-gemilang

Oleh
Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-56 berlangsung dalam suasana gilang-gemilang di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Berangkat ke istiadat tersebut ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Dalam istiadat itu, baginda juga berkenan mengurniakan titah serta menganugerahkan Bintang-Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam kepada 31 penerima.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri

Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azeemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor'ain, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Sementara itu antara tetamu diraja dari luar negeri ialah Yang Teramat Mulia Jeneral Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum, Putera Mahkota Dubai dan Menteri Pertahanan Amerika Arab Bersatu dan Yang Teramat Mulia Puteri Basma binti Talal dari Kesultanan Jordan serta para tetamu khas baginda dari negara-negara sahabat yang lain.

Berangkat dan hadir ke istiadat itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, tetamu-tetamu luar negeri, pengiran-pengiran peranakan, ahli-ahli Majlis Mesyuarat, timbalan-timbalan menteri, menteri-menteri pedalaman, perwakil-an asing, setiausaha-setiausaha tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Ketiga kepada Awang Zulkifli bin Haji Basuni (bawah) dan Darjah Seri Ugama Islam Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B.) kepada seorang penerima (atas).



Istiadat Perbarisan Kehormatan warna-warni

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat ke Istiadat Perbarisan Kehormatan sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-56 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah juga berkenan berangkat sama ke istiadat itu.

Keberangkatan tiba baginda disambut dengan tabik hormat diraja dan tembakan meriam sebanyak 21 das. Baginda kemudian dijunjung oleh Pemerintah Perbarisan, Leftenan Kolonel Haji Abu Bakar bin Haji Hassan memeriksa

perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri dari Kawalan Pertama, 112 anggota Kawalan Pertama Batalion Kedua Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei; Kawalan Kedua, 109 anggota Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei; Kawalan Ketiga, 109 anggota Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei dan Kawalan Keempat, 107 anggota Pasukan Polis Diraja Brunei.

Setelah itu, baginda dijunjung menaiki kenderaan khas bagi memeriksa perbarisan 11 pasukan beruniform dan pertubuhan-pertubuhan awam terdiri dari Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Laut, Jabatan Penjara, Jabatan Perkhidmatan-perkhidmatan Bomba, Jabatan Perkhidmatan Bomba Penerbangan Awam, Jabatan Imigresen, Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Kadet Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Persatuan Bulan Sabit Merah, Persatuan Pengakap dan Persatuan

Oleh Abd. Karim HAB

Pandu Puteri seramai 330 orang.

Sejurus baginda sempurna memeriksa perbarisan kawalan kehormatan, pasukan-pasukan perbarisan dengan panji-panji Kebawah Duli Yang Maha Mulia, panji-panji ABDB dan panji-panji PDB berjalan lalu di depan pentas diraja dalam gerak perlahan dan cepat diiringi persembahan muzik gabungan Pasukan Pancaragam ABDB dan PDB.

Istiadat Perbarisan Kehormatan pagi itu diakhiri dengan kawalan kehormatan diketuai pemerintah perbarisan melaungkan tiga kali daulat untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam diikuti empat kawalan kehormatan mara ke hadapan untuk diperiksa semula dan menyembahkan hormat diraja.

Dalam masa yang sama, di ruang udara Bandar Seri Begawan, 12 pesawat udara Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei terbang lalu sambil mengeluarkan kepulan asap pelbagai warna.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T) kepada Penglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Jeneral Endriartono Sutarto.

Istiadat Mengadap gilang-gemilang



BAGINDA mengurniakan Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Pertama (P.S.N.B) kepada Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat (atas kiri); Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar (tengah) dan Tuan Yang Terutama Al-Syed Walid Ismail Al-Kurdi (atas kanan) dan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Pertama (P.S.L.J) kepada bekas Menteri Luar Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Mohammad Ghazali Shafie (bawah kiri).



BAGINDA ketika bertitah di Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran di Istana Nurul Iman (kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berangkat ke istiadat tersebut (kiri).

Gambar-gambar dirakamkan oleh jurugambar Jabatan Penerangan



TETAMU-TETAMU khas baginda semasa berangkat menghadiri Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Kebesaran (kiri dan kanan).





Agilang-gemilang di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman sempena perayaan hari keputeraan baginda ke-56 tahun.
A bersama-sama YTM Jeneral Sheikh Mohammed, Putera Mahkota Dubai semasa berangkat ke istiadat yang gilang-gemilang itu (kanan).



KAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Waikkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Amat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain (kanan, ri dan kanan).





TETAMU-TETAMU khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa menghadiri Istiadat Perbarisan Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Menerima mengadap tetamu khas

Oleh Hj. Ahat HI

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai-Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan mengadap tetamu-tetamu khas luar negeri yang berada di negara ini bagi menghadiri Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda ke-56, di Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri mula-mula menerima mengadap Yang Teramat Mulia Puteri Basmah binti Talal dan Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Al-Syed Walid Ismail Al-Kurdi dari Jordan.

Seterusnya diperkenalkan mengadap ialah Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Kom Dabbaransi dan isteri.

Selanjutnya pula ialah Speaker Dewan Parlimen Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Encik Abdullah bin Tarmugi dan isteri Puan Salmah Abdullah.

Diikuti kemudian ialah Menteri Luar Malaysia, Yang Berhormat Datuk Seri

Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar dan isteri Datin Seri Sharifah Aziah binti Syed Zainal Abidin.

Selanjutnya mengadap ialah Menteri Luar Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. Noro Hassan Wirayuda dan isteri Ibu Hadiah Herawatie.

Tetamu khas seterusnya ialah Menteri Belia dan Sukan Malaysia, Yang Berhormat Dato Hishamuddin bin Tun Hussein dan isteri Tengku Datin Marsilla binti Tengku Abdullah.

Selanjutnya pula ialah Setiausaha Pertahanan Republik Filipina, Yang Berhormat Jeneral Angelo Reyes dan isteri Puat Teresita Reyes.

Disusuli selepas itu ialah Setiausaha Tenaga, Republik Filipina, Yang Berhormat Vincente S. Perez dan isteri Leigh Talmage Perez.

Diikuti selepas itu ialah Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Chong Kah Kiat dan isteri Yang Amat Berbahagia Datin Ivy Chong.

Akhir sekali mengadap Panglima Tentera Nasional Indonesia, Tuan Yang Terutama Jeneral Dato Paduka Seri Endriatono Sutarto dan isteri Ibu Datin Andy Widayati E. Sutarto.

Berangkat bersama rakyat

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Julai.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama ribuan rakyat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Keputeraan baginda ke-56 tahun.

Keberangkatan baginda di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain, selaku pengerusi jawatan-kuasa tertinggi; Timbalan

Oleh Hj. Ahmad HS

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof dan Pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang fardu Maghrib diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya dan sembahyang fardu Isyak diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Bacaan tahlil dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin dan doa kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan lagi Dihormati Pehin Datu Seri

Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjungan ziarah dari para jemaah.

Majlis Doa Kesyukuran adalah merupakan salah satu satu acara sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke-56 tahun yang telah disusun dan dijalankan secara serentak di seluruh negara melalui masjid-masjid utama termasuk surau-surau dan balai-balai ibadat.

Ketua-ketua negara, pembesar asing utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada ketua-ketua negara dan pembesar-pembesar asing sempena Hari Keputeraan baginda ke-56 tahun pada 15 Julai 2002 iaitu di antaranya daripadanya:

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Syed

Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Yang Di-Pertuan Agong Malaysia; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibni Al-Hussein, Raja Jordan; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of The United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Akihito, Maharaja Jepun dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I, Raja Sepanyol.

Puan Yang Terutama Megawati Soekarnoputri, Presiden Republik Indonesia; Tuan Yang Terutama

Presiden S. R. Nathan, Presiden Republik Singapura; Tuan Yang Terutama Khamtay Siphandone, Presiden Demokratik Republik Rakyat Laos; Tuan Yang Terutama Tran Duc Luong, Presiden Republik Sosialis Vietnam; Puan Yang Terutama Gloria Macapagal-Arroyo, Presiden Republik Filipina; Tuan Yang Terutama Jeneral Pervez Musharraf, Presiden Republik Islam Pakistan; Tuan Yang Terutama Barrister Muhammad Jamiruddin Sarker, Presiden Republik Rakyat Bangladesh dan Tuan Yang Terutama Jacques Chirac, Presiden Republik Perancis dan Tuan Yang Terutama Jorge Fernando Brando de Sampaio, Presiden Republik

Portugal.

Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia; Tuan Yang Terutama Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura; Tuan Yang Terutama Boun Nhang Voachith, Perdana Menteri Demokratik Republik Rakyat Laos; Tuan Yang Terutama Phan Van Khai, Perdana Menteri Republik Sosialis Vietnam; Tuan Yang Terutama Atal Bihari Vajpayee, Perdana Menteri Republik India dan Tuan Yang Terutama Simeon Saxe-Coburg, Perdana Menteri Republik Bulgaria.

Majlis Persantapan Negara di Istana Nurul Iman

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berangkat ke Majlis Persantapan Negara sempena Hari Keputeraan baginda ke-56 tahun di Istana Nurul Iman.

Sebelum Majlis Persantapan Negara bermula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran

Isteri berkenan menerima mengadap para tetamu khas luar negara yang menghadiri upacara sempena Hari Keputeraan baginda, di Balai Penghadapan.

Kemudian, baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri bereder ke Dewan Persantapan bagi Majlis Persantapan Negara.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda

Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatull Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat

Oleh Samle Hj. Jait

Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Aze-mah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalidum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani serta kerabat-kerabat diraja yang lain.

Antara tetamu khas baginda yang hadir di

majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Puteri Basmah binti Talal, dari Jordan dan Tuan Yang Terutama Tuan Kom Dabbaransi, Timbalan Perdana Menteri Thailand.

Juga hadir ialah YB Datuk Chong Kah Kiat, Ketua Menteri Sabah; Speaker Dewan Parlimen Republik Singapura, YB Datuk Seri Syed Hamid, Menteri Luar Negeri Malaysia; Tuan Yang Terutama Dr. N. Hassan Wirayuda, Menteri Luar Negara Republik Indonesia dan YB Dato Hishamuddin Tun Hussein, Menteri Belia dan Sukan Malaysia.

YB Jeneral Angelo Reyes, Setiausaha Pertahanan Republik Filipina; Yang Berhormat Vincente

S. Perez; Setiausaha Tenaga Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral TNI Endriatono Sutarto, Panglima Tentera Nasional Indonesia dan Yang Berbahagia Tan Seri (Dr.) Muhammad Ghazali Shafie, Malaysia.

Sementara itu, Majlis Persantapan Negara juga dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, pengiran-pengiran peranakan, pehin-pehin menteri, setiausaha-setiausaha tetap dan ketua-ketua jabatan.

Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dimainkan sejour keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Ke-

bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri di Dewan Persantapan.

Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned membacakan doa selamat di majlis itu.

Persembahan bunga api yang mewarnai keindahan malam di perkarangan Dewan Persantapan Istana Nurul Iman menyemarakkan lagi majlis yang penuh kesyukuran dan kegembiraan.

PGGMB perlu diurus sejajar perkembangan perniagaan masa kini



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz menyampaikan sijil kepada Ahli Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) yang bergiat aktif dalam persekutuan itu sejourus merasmikan Mesyuarat Agung PGGMB Ke-52/2001 - 2002. - Gambar oleh Masri Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Julai. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata, Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) perlu membuat perancangan profesional dalam semua aspek organisasi, terutama dalam hal pengurusan sejajar dengan perkembangan perniagaan masa kini yang kompetitif dan mencabar, terutama dalam memperluaskan aktiviti di dalam perniagaan.

Tambah Menteri Pendidikan lagi, kekuatan ekonomi sesebuah organisasi hanya boleh dicapai dengan adanya pengurusan yang baik dan mantap.

Dalam hubungan itu, Yang Berhormat mengesakan

Oleh
Abu Bakar HAR

agar PGGMB mempunyai kumpulan pengurus yang dilantik sepenuh masa bagi mengendalikan segala usaha yang dijalankan oleh persekutuan tersebut.

Ia bertepatan dengan penglibatan PGGMB dalam menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi di negara ini khususnya, di mana kejayaan yang dicapai tidak patut disangkalkan.

Yang Berhormat membuat kenyataan tersebut di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Perwakilan PGGMB Ke-52/2001 - 2002 yang berlangsung di bangunan baru persekutuan tersebut di ibu negara.

Tegasnya, walaupun PGGMB kini mempunyai beberapa orang kakitangan sepenuh masa dalam menjalankan urusan, namun

jika mahu meluaskan skop perniagaan yang lebih tinggi dan mencabar serta berupaya dengan lebih efektif dengan pasaran luar, PGGMB perlulah memiliki pengurus yang profesional sepenuh masa dan berpengalaman dalam bidangnya serta dapat berperanan dengan bijaksana dalam merancang, menilai, mengurus dan melaksanakan bagi pihak jemaah tadbir PGGMB, kerana menurut Yang Berhormat, segala hal-ehwal perniagaan yang teratur dan efisien berupaya memperoleh pulangan yang lebih menguntungkan.

"PGGMB boleh dianggap sebagai pengusaha Melayu yang berjaya di negara ini yang sedikit sebanyak menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara yang bukan saja dapat dinikmati oleh ahli-ahlinya tetapi juga masyarakat sekelilingnya," jelas Yang Berhormat.

Menyentuh perkembangan pendidikan di negara ini yang disumbangkan oleh PGGMB, telah menjadi kenyataan dengan terbinanya beberapa buah sekolah sejak dua dekad yang lalu dan menjadi antara sekolah pilihan kepada para ibu bapa dalam menyekolahkan anak-anak mereka.

Untuk mengukuhkan persatuan tersebut dengan lebih berkesan, PGGMB perlu meningkatkan bilangan ahli-ahlinya yang ada pada masa ini daripada guru-guru yang layak diterima menjadi ahli.

Selain itu, PGGMB juga diingatkan supaya mengatur langkah dari sekarang untuk mengenal pasti pelapis bagi menggantikan jawatankuasa seterusnya agar pertukaran peralihan berlaku secara natural dan bukannya secara terburu-buru atau mendesak.

Amerika Syarikat hargai sokongan NBD perangai keganasan antarabangsa

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Julai. - Kerajaan Amerika Syarikat menyatakan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda atas kerjasama dan sokongan yang berterusan dalam usaha memerangi ancaman penganas antarabangsa.

Menurut Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini, Puan Yang Terutama Sylvia Stanfield, penyertaan Negara Brunei Darussalam bersama masyarakat antarabangsa dalam usaha sejagat memerangi keganasan mendapat penghargaan Amerika Syarikat, bahkan sokongan dalam isu-isu penting seperti bantuan kepada Kerajaan Afghanistan termasuk bantuan kemanusiaan kepada negara itu juga mendapat penghargaan.

Puan Yang Terutama menyatakan perkara itu semasa Sambutan Ulang Tahun Ke-226 Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat di sebuah hotel terkemuka di negara ini.

Puan Yang Terutama juga menyentuh perkembangan hubungan dua hala dari segi pertahanan dan keselamatan kedua-dua negara yang semakin meningkat.

"Hubungan cemerlang antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat adalah berasaskan

Oleh Ak. Jefferi PD

kepada kepentingan bersama bagi mengukuhkan keamanan dan keseimbangan rantau Asia Pasifik," jelas Puan Yang Terutama.

Dalam pada itu, Puan Yang Terutama menyuarakan agar Negara Brunei Darussalam melihat Amerika Syarikat sebagai sumber barangan dan perkhidmatan latihan, kepakaran dan pelancongan.

Sementara itu Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria yang mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antara lain berkata, Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bekerjasama dengan Amerika Syarikat untuk menangani ancaman yang boleh mengugut keseimbangan antarabangsa.

Yang Berhormat juga menyatakan rasa gembira terhadap hubungan di antara kedua-dua negara yang terjalin sejak terubuhnya hubungan diplomatik.

Kepentingan hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara, menurut Yang Berhormat, merangkumi bidang perkembangan sumber manusia, pendidikan dan latihan termasuk

kursus penguatkuasaan undang-undang dan latihan ketenteraan juga peluang untuk mengikuti pelbagai kursus pengajian keselamatan di Pusat Pasifik di Honolulu.

"Negara Brunei Darussalam berharap lebih banyak bidang dan peluang dapat diterokai bagi mengukuhkan lagi hubungan yang sedia ada antara kedua-dua negara," tambah Yang Berhormat.

Dari segi ekonomi pula menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam sedang giat berusaha dalam meluaskan lagi ekonomi negara dengan memberikan perhatian terhadap penyertaan-penyertaan negara luar dalam turut serta mengembangkan lagi ekonomi negara ini terutama sekali dari Amerika Syarikat.

Dalam program-program memperkembangkan lagi penerokaan ekonomi negara ini, menurut Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam berharap agar sektor-sektor swasta Amerika Syarikat akan dapat mengenal pasti kebolehan dan keupayaan yang boleh ditawarkan oleh negara ini.

"Kami mengalu-alukan sokongan yang aktif dalam usaha-usaha kami memperkenalkan negara ini sebagai cyberhub pusat kewangan dan pelaburan antarabangsa dan pusat penghantaran kargo di rantau ini," ujar Yang

Berhormat.

Hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara telah terjalin sejak tahun 1850 iaitu ketika Negara Brunei Darussalam menandatangani Perjanjian Damai, Persahabatan, Perdagangan dan Pelayaran.

Kedua-dua buah negara mula menubuhkan hubungan diplomatik pada 10 Mac 1984 yang kemudian dipertingkatkan dengan penubuhan kedutaan kedua-dua negara yang berpangkalan di negara masing-masing di tahun yang sama.

Di bidang kerjasama pertahanan, kedua buah negara telah menandatangani perjanjian persefahaman pada 29 November 1994. Kedua-dua belah pihak juga mengadakan beberapa mesyuarat di peringkat jawatankuasa kerja bersama (JWC), sama ada di Honolulu ataupun Bandar Seri Begawan selain latihan bersama, program latihan dan pertukaran lawatan. Perkembangan yang terbaru ialah latihan bersama yang diberi nama Carat Exercise 2002 di negara ini yang bertujuan mewujudkan persefahaman dan mengeratkan hubungan ketenteraan di antara kedua-dua negara.

Di samping itu kedua-dua buah negara juga menandatangani perjanjian perkhidmatan udara, perdagangan dan pelaburan.

Menurut statistik Jabatan Perancangan dan Ke-



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria bersama Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini ketika memotong kek sempena Hari Kemerdekaan Amerika Syarikat. Majlis berlangsung di sebuah hotel di negara ini. - Gambar oleh Ramli Tengah.

majuan Ekonomi, eksport negara ini ke Amerika Syarikat bernilai \$549.03 juta pada tahun 2000. Manakala import dari Amerika Syarikat pula pada tahun yang sama ialah \$207.45 juta yang meliputi barang-barang peralatan kenderaan, makanan, bahan-bahan mentah, bahan masakan mentah seperti minyak dan lemak daripada sayur-sayuran.

Di bidang pendidikan pula, pada 10 Mac 1998, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan North

Carolina State University (NCSU) telah menandatangani perjanjian persefahaman dalam memperluaskan skop ilmu pengetahuan dan pembangunan intelektual yang menjurus kepada pendidikan sains dan alam sekitar. Kerjasama itu juga merangkumi penyelidikan bersama dan pertukaran para pensyarah dalam bidang-bidang sains dan teknologi. Fokus utama perjanjian itu ialah peluang graduan UBD mengikuti kursus peringkat sarjana di NCSU.

Ralat

TAJUK berita 'Kedai buku DBP di BSP dibuka semula' di muka 12 PELITA BRUNEI keluaran 10 Julai 2002 hendaklah dibaca seperti berikut 'Kedai buku DBP di BSB dibuka semula'. _
Penyunting.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Sempurnanya Pemuatan, Pemunggahan dan Pelayaran Kargo LNG Pertama Bagi Kapal ABADI.

ABADI MULA BEROPERASI

KUALA BELAIT, 13 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Sempurnanya Pemuatan, Pemunggahan dan Pelayaran Kargo LNG Pertama Bagi Kapal ABADI.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Brunei LNG Sendirian Berhad, Lumut, dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BLNG serta ahli-ahli Lembaga Pengarah BLNG dan BGC yang lain.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Lihat muka 13



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menandatangani buku lawatan semasa berangkat melawat Kapal ABADI.



BAGINDA, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dijunjung ziarah oleh pegawai-pegawai BLNG dan BGC.




BAGINDA ketika berkenan berangkat menyaksikan Pameran Perkembangan Brunei LNG di Bangunan Pengurusan Syarikat BLNG (atas kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah disembahkan taklimat ketika berangkat melawat Kapal ABADI (kiri).

TAKLIMAT ... Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota menerima sembah taklimat dari seorang pegawai mengenai kelengkapan Kapal ABADI (atas kanan).

PAMERAN ... Baginda ketika dijunjung menyaksikan Pameran Projek Pembinaan Kapal ABADI (kanan).





SEMBAH taklimat diberikan oleh Kapten Kapal ABADI semasa baginda melawat di bahagian hadapan bilik kawalan kapal tersebut.



RAKAMAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta anakanda dan adinda baginda berkenan merakamkan gambar kenangan bersama ahli-ahli Lembaga Pengarah dan anak-anak Kapal ABADI.

Dari muka 12

Selepas sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BLNG di 'Royal Dais', baginda kemudiannya dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Perkembangan Brunei LNG di Bangunan Pengurusan Syarikat BLNG.

Dari Bangunan BLNG, baginda kemudiannya berangkat ke Kapal ABADI bagi menyempurnakan majlis perasmian di Wheelhouse (bridge) dan seterusnya menandatangani plak serta menerima pesambah.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Daerah Belait, Awang Haji Hassan bin Haji Metali.

Sepanjang keberangkatan ke Kapal ABADI baginda juga berkenan berangkat bercemar duli menyaksikan Pameran Projek Pembinaan Kapal LNG ABADI, melawat kemudahan-kemudahan di kapal tersebut serta beramah mesra bersama pegawai-pegawai kadet dan kelasi tempatan di Officer's Lounge.

Kapal ABADI berukuran 290 meter panjang, 46 meter besar dan 25.1 meter tinggi adalah milik Syarikat Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad (BGC) di mana 80 peratus sahamnya dipegang oleh Perbadanan Perdana Menteri (The Prime Minister Corporation), manakala peratus saham lainnya dimiliki sama rata oleh Shell Gas B. V. dan Syarikat Diamond Gas Carriers B. V.

ABADI yang dibina oleh Mitsubishi Heavy Industries Limited, di Limbungan Kapal Koyagi, Nagasaki, Jepun beroperasi dengan kelajuan 19.5 knot, mengambil masa pelayaran dari Brunei ke Jepun atau Korea selama lebih kurang enam hari dan disewakan kepada BLNG sehingga perjanjian pada masa ini berakhir pada tahun 2013.

Kapal jenis kelas A yang mempunyai lima tangki aluminium berkeupayaan membekalkan suhu 162 darjah celsius dengan kapasiti pemungghahan 135,000 meter padu kargo LNG dalam masa 12 jam itu dikendalikan oleh 36 anak kapal di bawah perintah Kapten David Copeland.

Ke arah Aspirasi Pembruneian

Liputan Haji Timbang Bakar, Sahari Akim dan Dayangku Hajah Saidah PHOA Gambar-gambar oleh Harun HR, Masri Osman, Haji Masmaleh HMA dan Hamadi HM

(Bruneisation) seramai 22 pekerja tempatan berkhidmat dalam kapal tersebut ketika ini termasuk pegawai tempatan pertama selaku jurutera ketiga, empat kadet dek, empat pelatih mekanik, dua pelatih dek, tiga staf penyajian, seorang tukang masak dan dua orang di bahagian perangkaan.

Adalah diharapkan Aspirasi Pembruneian akan dapat dicapai lagi bagi hampir kesemua anak kapal ABADI menjelang tahun 2007 nanti.



MESRA ... Baginda beramah mesra bersama kelasi-kelasi Kapal ABADI terdiri anak-anak tempatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan pameran perkembangan Brunei LNG sambil menerima penerangan ringkas dari Pengarah Eksekutif BLNG, Dato Paduka Haji Hamdillah (atas kiri).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah para pegawai dan kakitangan Kapal ABADI sejurus baginda berangkat meninjau kemudahan yang terdapat di kapal tersebut (atas).

BAGINDA sambil diiringi oleh Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama menyaksikan Pameran Perkembangan Brunei LNG (kiri).

ARENA SUKAN

Pamerkan mutu sukan yang lebih baik



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah yang juga Presiden BDNO mengurniakan bendera kebangsaan kepada Chef-de-Mission ke Sukan Komanwel Ke-17 Manchester United Kingdom, Awang Japar bin Bangkol. - Gambar oleh Hamadi HM.

BERAKAS, 11 Julai. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bersabda dan berharap agar atlet-atlet negara akan mempamerkan mutu sukan yang lebih baik dan pencapaian yang lebih tinggi dari penyertaan sukan Komanwel yang lalu.

"Sebagai atlet yang pergi bertanding bagi mewakili negara sewajarnya mempunyai kepercayaan diri serta keyakinan bahawa tujuan bertanding adalah untuk meraih kemenangan untuk negara dan bukan setakat pendedahan buat selam-



lamanya," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Sabdanya, latihan yang berterusan serta pencapaian peningkatan dalam latihan dan pertandingan adalah faktor utama seseorang atlet itu dapat dipilih untuk mewakili negara, di samping mempunyai tingkah laku atau disiplin yang baik.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian sebelum berkenan menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada ketua kontinjen negara yang akan menyertai Sukan Komanwel Ke-17 di Manchester, United Kingdom pada 25 Julai hingga 4 Ogos ini di majlis yang berlangsung di bilik VIP Stadium Negara Hassan Bolkiah.

Di samping itu, Duli Yang Teramat Mulia juga menasihati supaya semua persatuan-persatuan sukan kebangsaan sewajarnya sentiasa mempunyai atlet-atlet kebangsaan yang cukup terlatih dengan pencapaian yang tinggi serta siap sedia untuk menyertai mana-mana pertandingan serantau dan

Oleh Abdullah Asgar

antarabangsa yang negara diundang bagi menyertainya.

Persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang kurang aktif sabdanya, hendaklah diusahakan untuk diberikan nafas baru dengan melantik ahli jawatankuasa yang baru yang difikirkan dapat menjalankan peranan dan tanggungjawab sebagai persatuan sukan kebangsaan yang bertanggungjawab untuk memajukan sukan peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

"Persatuan-persatuan sukan kebangsaan juga diingatkan supaya menjaga nama baik negara dengan melaksanakan tanggungjawab serta mematuhi peraturan badan sukan serantau dan antarabangsa dalam mana sesebuah persatuan itu bergabung menjadi ahli," tegas Duli Yang Teramat Mulia.

"Perkara ini saya tekankan kerana ada beberapa persatuan yang telah digantung keahliannya kerana tidak menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan dan gagal untuk membayar yuran tahunan keahliannya, perkara ini boleh mencemarkan nama persatuan itu sendiri dan juga nama Negara Brunei Darussalam sekali gus akan terabai," jelasnya.

Duli Yang Teramat Mulia juga mengharapkan supaya nama kontinjen dan nama Negara Brunei Darussalam dijaga di sepanjang masa berada di dalam permainan mahupun di luar waktu pertandingan bagi mengelakkan dari sebarang isu yang tidak diinginkan yang boleh menjejaskan nama negara.

Di majlis itu Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyerahkan Bendera Negara Brunei Darussalam kepada Chef-de-Mission kontinjen negara, Awang Japar bin Bangkol yang kemudiannya juga berkenan bergambar ramai bersama para peserta.

Dalam Sukan Komanwel Ke-17 kali ini, negara hanya menyertai dua jenis sukan iaitu bulutangkis dan boling padang yang mengandungi 16 orang atlet.

Pesta Sukan Remaja 2002:

BRUNEI-MUARA JUARA

DAERAH Brunei dan Muara muncul juara keseluruhan Pesta Sukan Remaja Kali Pertama 2002 yang berakhir pada 6 Julai lepas dengan merangkul 31 emas, 19 perak dan 62 gangsa dengan jumlah keseluruhan 62 pingat.

Acara olahraga yang mempamerkan 29 acara lelaki dan wanita merupakan penyumbang pingat terbanyak dengan 19 emas, 14 perak dan 6 gangsa. Selain olahraga badminton, ping pong, hoki, bola jaring dan sepak takraw juga banyak menyumbang kejayaan pingat kepada kontinjen Daerah Brunei dan Muara.

Bagaimanapun, skuad bola sepak pula hanya berpuas hati dengan memperolehi perak selepas Daerah Belait menundukkan Daerah Temburong 4 - 2 yang menjadikan emas milik Daerah Belait.

Pada hari terakhir sebelum upacara penutupan rasmi skuad badminton menyapu bersih kesemua empat emas melalui perseorangan wanita Farina Afida Haji Jalil menewaskan Siti Norasmah Sapar 11 - 7, 11 - 6 dalam bergu wanita pasangan Faridah/Norasmah menewaskan pasangan Noorajura/Norazani 15 - 8, 15 - 3.

Skuad badminton perseorangan lelaki, Zulkifli Mohd. Salleh menumpaskan Alwie Salleh 15 - 8, 15 - 6, dan bergu lelaki pasangan Alwi Salleh/Zulkifli Mohd. Salleh menumpaskan pasangan Tommy Tagal/Rantizam Labau 15 - 8, 17 - 16.

Daerah Tutong menduduki tempat kedua keseluruhan dengan 8 emas, melalui acara olahraga dan basikal, 9 perak dan 17 gangsa dengan jumlah keseluruhan 34 pingat.

Tempat ketiga Daerah Belait dengan 5 emas dari acara olahraga, bola sepak dan ping pong perseorangan wanita, 14 perak dan 9 gangsa dengan jumlah keseluruhan 28 pingat, manakala Daerah Temburong tempat keempat dengan memperolehi 1 emas dari acara

Oleh
Haji Ahat HI



olahraga, 3 perak, 5 gangsa dengan jumlah keseluruhan 9 pingat hampir merangkul emas.

Upacara penutupan rasmi temasya kali pertama itu dilakukan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain, di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Hassan Bolkiah, Berakas.

Temasya yang bermula 29 Jun hingga 6 Julai itu mempertandingkan sembilan acara iaitu badminton, bola sepak, bola jaring, hoki, karatedo, lumba basikal, olahraga, ping pong dan sepak takraw.

Pengelolaan sukan ini merupakan perancangan jangka panjang bagi program pembangunan 'sukan untuk semua' selain sebagai asas para remaja untuk mengasah dan menguji bakat-bakat mereka.

Dalam masa yang sama pula temasya ini memberikan peluang kepada pihak-pihak tertentu untuk membuat penilaian setiap pencapaian atlet setiap persiapan awal untuk pemilihan bagi kejohanan serantau dan antarabangsa.



JUARA ... Ketua Kontinjen Brunei dan Muara, Awang Haji Sorhan bin Haji Hashim menerima piala selaku juara Pesta Sukan Remaja 2002 yang disampaikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain. - Gambar oleh Abdullah HAD.

KEDUDUKAN KESELURUHAN PINGAT PESTA SUKAN REMAJA PERTAMA 2002

Kontinjen	Emas	Perak	Gangsa
Daerah Brunei/Muara	31	19	12
Daerah Tutong	8	9	17
Daerah Belait	5	14	9
Daerah Temburong	1	3	5

Mohd. Shafie dapat emas di Pesta Sukan Remaja

MOHD. Shafie Haji Osman menambahkan pungutan pingat emas bagi Daerah Tutong di temasya Pesta Sukan Remaja Pertama 2002, setelah memenangi perlumbaan basikal uji masa perseorangan dengan catatan masa 1 jam 6 minit 45.21 saat.

Walaupun catatan itu tidak sebaik yang dicatatkan oleh Chieng Chiew Lie pada Pesta Sukan Kebangsaan tahun lalu namun beliau satu-satunya pelumba yang dapat mencatat masa

Oleh Abdullah Asgar

tersebut.

Perlumbaan yang disertai oleh 15 pelumba remaja di bawah 21 tahun bertempat di Taman Rekreasi Bukit Shahbandar, Jerudong.

Pingat perak juga dimenangi oleh pelumba Tutong, Md. Arbe Sahdatul Farrani

Zainulrifin dengan catatan masa 1 jam 9 minit 6.49 saat, manakala pelumba Temburong, Sonadey Abd. Jalil mengutip gangsa dengan hanya tertinggal 47.96 saat.

Sementara pelumba-pelumba yang mewakili Daerah Brunei-Muara gagal mengutip sebarang pingat disebabkan kayuhan yang tidak konsisten dan kurang latihan bagi uji masa perseorangan, manakala tiada pelumba yang mewakili Belait.

PERLAWANAN	KUMPULAN	TARIKH HARI	JAM	TEMPAT
MENGELELA FC Iwn DPMM FC	B	19 Julai 2002 Jumaat	4.00 ptg	Padang BSRC, Seria
ABDB Iwn KAMUDI FC	B	19 Julai 2002 Jumaat	4.00 ptg	Penanjong Kem, Tutong
JERUDONG FC Iwn KOTA RANGER	B	19 Julai 2002 Jumaat	4.00 ptg	Mini Stadium, Jerudong
KILANAS FC Iwn INDERA FC	B	19 Julai 2002 Jumaat	4.00 ptg	SNHB, Berakas
POLIS Iwn PESAKA	A	21 Julai 2002 Ahad	4.00 ptg	SHB, Gadong
L.B.M. BUKOK Iwn WJAYA FC	A	21 Julai 2002 Ahad	3.00 ptg	Kompleks Sukan Bangar
BANDARAN K.B Iwn AH UNITED	A	21 Julai 2002 Ahad	4.00 ptg	Padang BSRC, Seria
MULAUT FC Iwn KASUKA FC	A	21 Julai 2002 Ahad	4.00 ptg	SNHB, Berakas

ARENA SUKAN

Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah dikelolakan dua tahun sekali

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, berharap Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah Belia ASEAN Bawah 21 Tahun 2002 yang akan bermula bulan Ogos nanti akan dapat dijadikan sebagai pemberi 'ASEAN awareness' yang boleh dipertingkatkan.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain juga berkata semangat kerjasama akan terus dapat dipupuk selaras dengan matlamat penubuhan ASEAN iaitu memupuk perkembangan ekonomi, sosial dan budaya melalui program-program kerjasama.

Negara katanya, sentiasa terlibat dan memainkan peranan aktif dalam mana-mana juga projek atau mengikuti intra-ASEAN dialog yang bertujuan untuk melahirkan komuniti negara Asia Tenggara yang makmur dan aman seperti yang terkandung dalam Deklarasi Bangkok 1967.

Beliau berucap demikian sebelum Majlis Pelancaran Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah Belia ASEAN Bawah 21 Tahun 2002 di Empire Hotel and Country Club.

Menurutnya, kejohanan itu disambut baik oleh semua negara-negara ASEAN, sejak penubuhannya, cabaran yang berterusan kepada setiap negara anggota ASEAN adalah usaha-usaha pemberi ASEAN awareness dan juga pemahaman terhadap kebudayaan serta sejarah 'community of nations'.

"Piala Dunia baru saja berakhir dengan jayanya yang turut dikecapi oleh negara Asia dan Afrika, ia merupakan satu galakan bagi pemain-pemain bola sepak di rantau ini dan berharap kecermerlangan

Oleh
Abdullah Asgar

Korea Selatan, Turki dan Senegal dapat memberikan perangsang kepada ASEAN Football Federation untuk memainkan peranan yang lebih aktif di arena antarabangsa," tambah Yang Berhormat.

Dengan berakhirnya Piala Dunia 2002 jelasnya, ia membuktikan keupayaan dan kebolehan Asia menganjurkan sukan yang paling agung itu yang mana sebanding dengan negara-negara Eropah.

"Apa yang membanggakan kejohanan ini merupakan kali pertama ianya dilaratkan ke benua Asia dan kali pertama dalam sejarah Piala Dunia dianjurkan oleh dua negara secara 'joint host'," katanya.

Majlis pelancaran itu juga diteruskan dengan penyampaian sagu hati bagi pemenang mencipta logo kejohanan oleh tetamu kehormat kepada Awang Zaidi @ Norazmi bin Jumat menerima wang tunai \$1,000.00 dan pencipta piala kejohanan Awang Haji Mahaddi bin Haji Matzin menerima wang tunai \$500.00.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga menyaksikan Perjanjian Tajaan Kejohanan oleh seramai 16 buah syarikat yang diwakili oleh pemilik-pemilik dan perwakilan kanan dari penaja-penaja.

Tajaan tersebut selain dari tiket-tiket bagi menyaksikan perlawanan ia juga termasuk papan tayang di seluruh daerah, banner, buku program, mencetak tiket perlawanan, barangan elektrik, poster dan mencetak logo di surat-surat khabar tempatan swasta di negara ini.

Kejohanan yang di-

ilhamkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan matlamatnya untuk meningkatkan hubungan silaturahmi di kalangan belia ASEAN melalui sukan.

Semua negara-negara ASEAN telah mengesahkan penyertaan mereka yang akan bermula 14 hingga 27 Ogos depan dalam percutian pertengahan tahun sekolah-sekolah di negara ini.

Kejohanan yang dilangsungkan dua tahun sekali itu

akan menawarkan hadiah wang tunai \$20,000.00 selain merebut Piala Hassanal Bolkiah, manakala naib johan akan menerima wang tunai \$10,000.00 dan tempat ketiga \$5,000.00.

Sementara itu, bagi penonton yang membeli tiket berharga \$5.00 akan berpeluang memenangi hadiah berupa barangan elektrik yang dicabut di setiap perlawanan sebanyak 20 keping dan sebagai tambahan di perlawanan akhir sebuah kereta (Nissan Sunny 1.5) akan dihadiah kepada penonton bertuah.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Tajaan Kejohanan Bola Sepak Piala Hassanal Bolkiah Belia ASEAN Bawah 21 Tahun 2002. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



PENGERUSI Bank Islam Brunei Berhad dan Kumpulan Syarikat serta Takaful IBB Berhad, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar dan ahli-ahli lembaga badan menyertai Walkaton IBB 2002. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Ekspedisi Berbasikal JPA

Oleh Samle HJ

LEBIH 60 orang kakitangan Jabatan Penerbangan Awam (JPA) serta keluarga mereka menyertai Ekspedisi Berbasikal sempena sambutan Hari Keluarga jabatan berkenaan 30 Jun lalu.

Ekspedisi sejauh 26 kilometer yang bermula dan berakhir di Kompleks Bangunan Kejuruteraan

dan Pemeliharaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei itu juga disertai oleh Timbalan Pengarah Penerbangan Awam, Awang Haji Abdul Kadir bin Haji Tengah.

Sambutan Hari Keluarga tersebut dimeriahkan oleh pegawai dan kakitangan berserta keluarga dengan pelbagai acara sukan yang menyediakan hadiah-hadiah menarik.

Pengarah Penerbangan

Awam, Awang Haji Kassim bin Haji Latif hadir menyampaikan hadiah kepada para peserta yang berjaya.

Pertandingan kereta kawalan jauh, peraduan mengutip gula-gula dan memancing botol antara atur cara yang menjadi perhatian di kalangan kanak-kanak JPA.

Sambutan Hari Keluarga itu dikelolakan oleh Bahagian Sosial dan Ekonomi (KASPENA) yang antara lain bagi mengeratkan lagi hubungan mesra di kalangan kakitangan dan keluarga JPA.

Lebih 400 menyertai Walkaton IBB

Oleh Haji Ahmad HS

BERAKAS, 7 Julai. - Seramai 400 orang terdiri dari ahli-ahli Pengarah, Badan Penasihat Syariah dan pegawai dan kakitangan serta ahli keluarga Bank Islam Brunei Berhad (IBB) menyertai Walkaton IBB 2002.

Turut sama dalam walkaton itu ialah Pengerusi Bank Islam Brunei Berhad dan Kumpulan Syarikat serta Takaful IBB Berhad, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar.

Sebelum memulakan acara walkaton, sesi senaman ringan juga dilakukan dan selepas itu diikuti acara berjalan kaki yang didahului oleh tetamu kehormat sejauh lima kilometer bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Di samping bersukan, pihak IBB juga mengadakan permainan sampingan untuk kanak-kanak iaitu permainan slaid dan bouncer.

Menurut pihak IBB acara walkaton adalah merupakan pertama kali dianjurkan bagi menyahut seruan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah membentuk tabiat mengutamakan penjagaan tubuh badan yang sihat melalui bersukan.

Selain itu walkaton juga bertujuan sebagai satu platform untuk aktiviti riadah dan sekali gus mengeratkan hubungan tali silaturahmi antara pihak pengurusan, kakitangan dan ahli keluarga Bank Islam Brunei Berhad dan Kumpulan Syarikat serta Takaful IBB.



EKSPEDISI Berbasikal sempena sambutan Hari Keluarga Jabatan Penerbangan Awam (JPA) yang bermula dan berakhir di Kompleks Bangunan Kejuruteraan dan Pemeliharaan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. - Gambar oleh Halim HS.

Polis anjur kejohanan bola tampar

PASUKAN Polis Diraja Brunei menganjurkan Kejohanan Bola Tampar Lelaki yang terbuka kepada jabatan-jabatan kerajaan, pasukan beruniform, kelab-kelab sukan, sekolah-sekolah dan syarikat-syarikat swasta di negara ini.

Borang-borang serta keterangan lanjut bagi menyertai kejohanan ini boleh didapati daripada semua balai-balai polis di ke 4 daerah atau kepada Inspektor Noorani bin Hussain, di Ibu Pejabat Pasukan Polis

Diraja Brunei, telefon 02-423902 sambungan 214/142 (pejabat) dan 08-758004. Inspektor Pengiran Jainalabidin bin Pengiran Abdul Ahmad, Balai Polis Penaga, Ibu Pejabat Daerah Polis Belait, telefon 03-222955 (pejabat) dan Sarjan Zainal Abidin bin Haji Ibrahim, Balai Polis Jerudong, telefon 02-661334 (pejabat).

Borang penyertaan berserta bayaran penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada 10 Ogos 2002.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berangkat ke Majlis Persantapan Negara sempena hari keputeraan baginda ke-56 tahun di Istana Nurul Iman. Berangkat sama ialah kerabat-kerabat diraja serta tetamu-tetamu khas baginda. (Berita lanjut di muka 10).

Mantapkan jentera pentadbiran kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Keupayaan jentera pentadbiran kerajaan haruslah dimantapkan dengan kecekapan, ilmu pengetahuan serta kemahiran setiap anggota perkhidmatan awam sesuai dengan zaman yang mementingkan ilmu pengetahuan atau keekonomi.

Bertitah sempena perayaan hari keputeraan baginda ke-56 tahun di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman

hari ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjelaskan, di samping tumpuan diberikan kepada aspek-aspek kualiti dan produktiviti, yang penting sekali bagi mencapai matlamat ke arah meningkatkan keberkesanan, kecekapan dan mutu perkhidmatan di Negara Brunei Darussalam ialah disiplin

dan komitmen yang tinggi di kalangan perkhidmatan awam.

"Semangat berpasukan, hormat-menghormati, patuh kepada peraturan dan etika kerja perlulah sentiasa dipraktikkan oleh anggota perkhidmatan awam di semua peringkat," titah baginda.

Baginda menegaskan, kerajaan baginda telah memperkenalkan banyak strategi dan program serta kaedah yang berupa pem-

baharuan dan usaha untuk memperbaiki pentadbiran dan pengurusan perkhidmatan awam.

Antaranya, titah baginda, termasuklah Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21, Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), Manual Prosedur Kerja dan Rukun Akhlak dan Etika Kerja.

Semua itu, titah baginda, adalah untuk membolehkan kita mewujudkan sebuah perkhidmatan awam yang berwawasan

dan mempunyai hala tuju serta menjadikannya lebih cekap, produktif, sistematis dan pemedulian lagi boleh dipercayai.

"Dengan pendedahan teknologi infokomunikasi atau ICT dalam perkhidmatan awam, adalah diharapkan ianya akan dapat meningkatkan lagi keupayaan jentera pentadbiran kerajaan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih mudah dan berkesan kepada orang ramai," titah baginda.

Kurniakan Bintang Kebesaran Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Putera Mahkota Dubai dan Menteri Pertahanan Amerika Arab Bersatu, Duli Yang Teramat Mulia Jeneral Sheikh Mohammed bin Rashid Al Maktoum di Istana Nurul Iman.

Di majlis mengadap itu baginda berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (DK),

Oleh
Haji Ahat HI

kepada Duli Yang Teramat Mulia Jeneral Sheikh Mohammed.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan lain-lain kerabat diraja.

Kebawah DYMM merakamkan penghargaan

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merakamkan penghargaan yang tulus ikhlas kepada seluruh rakyat dan penduduk, termasuk semua peringkat dalam perkhidmatan awam, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta atas usaha mereka yang ikhlas di bidang masing-masing.

Baginda merakamkan penghargaan itu di Istana Mengadap dan Mengurniakan Bintang-Bintang Ke-

besaran Negara Brunei Darussalam sempena perayaan hari keputeraan baginda ke-56 tahun yang berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman di ibu negara di sini.

"Beta sukacita merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada ahli-ahli jawatankuasa tertinggi dan ahli-ahli jawatankuasa yang berkenaan serta sekalian peserta dalam seluruh acara yang dikendalikan.

"Semoga Allah Subhanahu Wataala jua yang akan memberkati sumbangan ikhlas pihak-pihak yang menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan beta pada kali ini," titah baginda.

Utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada TYT Jacques Chirac, Presiden Republik Perancis dengan TYT Jean-Pierre Raffarin, Perdana Menteri Republik Perancis bersempena Hari Kebangsaan negara tersebut.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perutusan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Perancis. Baginda percaya tawaduan sedemikian akan berkekalan dan diperingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berharap TYT Jacques Chirac, sentiasa ribut sejahtera dan semoga rakyat Perancis akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada TYT Jean Pierre Raffarin, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TYT dan kerajaan serta rakyat Republik Perancis.

Baginda merakamkan perutusan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara kedua negara. Baginda setemunya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan diperingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Baginda berharap sentiga TYT akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera.



DOA KESYUKURAN ... Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berangkat menyertai rakyat baginda di Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan baginda ke-56 tahun di Jame' Asr Hassanil Bolkiah. (Berita lanjut di muka 10).



DARJAH KERABAT... Baginda ketika berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (DK) kepada Duli Yang Teramat Mulia Jeneral Sheikh Mohammed, Putera Mahkota Dubai dan Menteri Pertahanan Amerika Arab Bersatu.

MEMIMPIN RAKYAT KEKAL BAHAGIA

دترينكن اوله جباتن فترائن، جباتن فردان متري دان دچيتق اوله جباتن فرچيتقن كراجان، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Rokok menjadi persoalan global

Keuntungan ekonomi atau memelihara kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menekankan bahawa pilihan mesti dibuat mengenai rokok antara keuntungan ekonomi atau memelihara kesihatan dan menyelamatkan nyawa.

Baginda bertitah, perkara pokok turut menjadi persoalan global dan bukan lagi masalah individu yang terhad, tetapi telah melibatkan semua pihak untuk mengatasinya.

Baginda menyatakan perkara itu ketika bertitah merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok Atau Sihat di Darulifta, Jabatan Mufti Kerajaan. Baginda seterusnya bertitah, di satu segi orang meli-

hat rokok berdasarkan kaca mata ekonomi yakni dari sudut kepentingannya sebagai antara faktor yang boleh mendatangkan keuntungan.

Tetapi titah baginda, di segi yang lain pula orang mendapatinya mempunyai bahaya besar yang boleh mengancam kesihatan,

Oleh Haji Ahat Haji Ismail

bahkan nyawa.

Menurut baginda, di dalam bidang ekonomi terdapat banyak alternatif yang tidak ada alternatif langsung iaitu memelihara kesihatan dan menyelamatkan nyawa," titah baginda.

Baginda menegaskan bahawa sama sekali tidak

ada alternatif lain di dalam perkara kesihatan melainkan itulah saja satu-satunya yang ada.

"Jadi persoalan kita sekarang cukup jelas sama ada kita mahu survive dengan rokok dalam perkara ekonomi yang masih banyak alternatif itu ataupun kita memilih perkara yang tidak ada alternatif langsung iaitu memelihara kesihatan dan menyelamatkan nyawa," titah baginda.

Baginda percaya ini adalah di antara perkara

penting yang akan menarik perhatian para ulama dan pakar untuk sama-sama membincangkannya di dalam seminar itu.

Seterusnya baginda bertitah, Negara Brunei Darussalam amatlah berbangga dapat menjadi tuan rumah bagi forum yang bersejarah dan menjangkakan melalui seminar itu akan menjadi wadah kepada perancangan fikiran-fikiran baru yang membawa ke arah menangani ancaman rokok.

"Kita tidaklah boleh hanya setakat mengubat penyakit tetapi hendaklah terus mencari di mana dan apa yang menjadi penyakit itu. Apabila punca telah pun dikenal pasti maka senangnya kita mencegahnya," titah baginda.

Mencegah, titah baginda, adalah langkah utama dari mengubat sesuatu penyakit kerana itu baginda sungguh yakin seminar itu akan dapat memberikan jawapan yang tepat bagaimana pencegahan itu mesti dibuat.

"Sekiranya objektif ini tercapai, bermakna satu kelebihan kepada Negara Brunei Darussalam yang telah berjaya menganjurkan seminar ini. Kita juga berharap seminar yang menggabungkan pendapat-pendapat keagamaan dan saintifik ini akan dapat dikongsi sama oleh semua pihak yang menjadi warga dunia ini di mana saja mereka berada," titah baginda.

Sehubungan itu baginda bertitah berharap seminar tersebut akan dapat membawa semua pihak untuk sama-sama komited bagi merealisasikan harapan baru yang terungkap di dalam tema yang bertujuan memberi kefahaman bahawa kita tidak dapat banyak atau sebarang manfaat daripada rokok, apatah lagi dari tabiat merokok.

Oleh itu, titah baginda, tidak ada sebab atau alasan mengapa negara atau kita semua tidak boleh bebas daripada rokok.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyaksikan bahan-bahan yang dipamerkan di Pameran Mengenai Kesan-kesan Rokok Terhadap Kesihatan Badan.



Haji Abdullah bin Haji Munchit, seorang penderma darah kali ke-100 menerima kurnia cenderamata dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



BAGINDA menandatangani logo anti merokok anjuran Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Sastera & Budaya

Amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei : Suatu Tinjauan Proses Komunikasi

PENGENALAN

MANUSIA merupakan makhluk sosial yang mempunyai kebudayaan untuk berinteraksi atau berkomunikasi di antara satu sama lain. Bahasa pula sebagai alat penghubung sosial di antara penyampai dan penerima sama ada secara langsung (bersemuka) atau tidak langsung (berkirim surat). Berinteraksi atau berkomunikasi merupakan proses sosialisasi yang penting dalam pembentukan kehidupan setiap individu.

Melalui proses berkomunikasi ini akan dapat mewujudkan dan membentuk satu masyarakat yang harmoni serta bersatu padu. Dengan yang demikian, proses ini juga akan dapat mendedahkan seseorang itu secara tidak langsung kepada aktiviti-aktiviti sosial yang akan dapat membentuk budi bahasa, akhlak, cara berfikir, menyesuaikan diri dalam pergaulan serta bertanggungjawab pada diri, masyarakat, agama dan negaranya.

Masyarakat Negara Brunei Darussalam mempunyai adat resam dan kebudayaan yang tersendiri. Majoriti penduduknya terdiri bangsa Melayu yang menganut agama Islam, maka tidak hairanlah kebanyakan adat resam serta kebudayaan itu telah direstapi dan disesuaikan dengan aspek-aspek keislaman. Wujudnya sesebuah masyarakat yang aman dan bahagia sebenarnya bermula daripada sikap yang bersatu pada dalam sesebuah keluarga. Oleh itu, setiap individu dalam sesebuah keluarga haruslah mengetahui peranan dan tanggungjawab terhadap keluarga, jiran tetangga dan sekali gus masyarakat malahan tahu cara berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei.

BAHASA, BUDAYA DAN KOMUNIKASI

Sebelum kita mengetahui secara lanjut mengenai amalan berbahasa dan berbudaya orang Melayu Brunei, adalah lebih baik kita mengetahui serba sedikit definisi bahasa, budaya dan komunikasi.

Bahasa merupakan satu sistem lambang bunyi yang arbitrar yang digunakan oleh anggota sesuatu kelompok manusia untuk berkomunikasi. Bunyi bahasa pula dilahirkan oleh manusia dengan alat pertuturannya dan digabungkan untuk membentuk kata. Bahasa juga merupakan alat berkomunikasi yang terdiri daripada ayat-ayat. Oleh itu, manusia berkomunikasi dengan menggunakan ayat-ayat. Bahasa ini pula ada hubung kait dengan budaya sehingga bahasa didefinisikan sebagai sebahagian daripada cabang kebudayaan.

Kita boleh menyatakan bahawa budaya merupakan satu peradaban, cara berfikir atau kemajuan. Manakala kebudayaan pula adalah keseluruhan cara hidup (yang merangkumi cara bertindak, berkelakuan dan berfikir) serta kegiatan dan penciptaan yang berupa kebudayaan atau kerohanian yang menjadi satu seni kehidupan dan kemasyarakatan. E.B Taylor, seorang pakar antropologi, merumuskan definisi kebudayaan sebagai suatu keseluruhan yang corak susunannya berkaitan meliputi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesesuaian, undang-undang, adat resam dan lain-lain hal serta kebiasaan yang diamalkan oleh manusia dalam sifatnya sebagai anggota sesuatu masyarakat.

Jika kita meninjau buku-buku yang ditulis mengenai komunikasi, kita akan dapati berbagai jenis definisi yang diberikan kepada proses ini. Komunikasi adalah satu proses di mana sesuatu idea, pemikiran, nilai, sikap dan sebagainya disampaikan dan dipindahkan serta dikongsi oleh seseorang individu dengan orang lain. Manusia

OLEH RAZAK I

perlu berkomunikasi dengan manusia lain untuk melafazkan apa yang ingin diperkatakan atau dikongsiakan pemikiran, pendapat, rasa dan lain-lain dengan ahli-ahli masyarakat di sekelilingnya.

Komunikasi adalah sebarang jenis kefahaman yang dibawa oleh sesuatu interaksi atau perbuatan. Proses komunikasi adalah satu proses harian yang penting dalam kehidupan. Malahan ia juga adalah keperluan dan tabiat yang utama dalam mensosialisasikan bagi manusia yang hidup bermasyarakat. Komunikasi ini selalunya dijalankan tidak tertumpu kepada komunikasi secara lisan dan tulisan. Namun penggunaan tanda, isyarat dan simbol juga digunakan dalam proses komunikasi.

Dengan mengetahui definisi-definisi itu tadi, maka kita cuba menghubungkan bagaimana proses komunikasi itu boleh berlaku di dalam amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei. Berpandukan contoh-contoh amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei maka terdapat beberapa kaedah di dalam proses komunikasi seperti yang akan diterangkan berikut.

AMALAN BERBAHASA DAN BERBUDAYA MASYARAKAT MELAYU BRUNEI

Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang tertua di rantau Nusantara ini. Oleh kerana ketuaannya inilah juga Negara Brunei Darussalam mempunyai banyak khazanah kebudayaan yang patut diturunkan kepada generasi masa kini. Majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu dan bahasa Melayu adalah menjadi bahasa rasmi negara apabila termeternainya Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Masyarakat Melayu Brunei ini terdiri daripada tujuh puak asli iaitu puak Melayu Brunei, Melayu Kedayan, Melayu Tutong, Melayu Belait, Melayu Dusun, Melayu Murut dan Melayu Bisaya. Masyarakat Melayu Brunei hidup aman harmoni kerana memiliki nilai dan amalan berbahasa dan berbudaya seperti berikut:

TAAT SETIA KEPADA SULTAN

Salah satu amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei ialah taat setia kepada Sultan. Ia merupakan satu semangat yang menjadi pusaka bangsa dan suatu perasaan yang semula jadi kepada masyarakat Melayu Brunei. Kelazimannya bahasa yang digunakan sebagai penghubung semasa bertutur atau bercakap kepada seorang sultan, kerabat diraja dan orang-orang yang disampiri (dikurniakan) gelaran adalah menggunakan bahasa dalam (bahasa istana). Ganti nama panggilan dan membahaskan diri adalah termasuk dalam bahasa dalam yang dikenali sebagai 'terasul' yang sering digunakan ketika berada dalam majlis beradat mahupun di luar majlis. Seseorang yang bijak atau pandai berbahasa dalam boleh dikatakan orang yang berbudi pekerti, bertata tertib dan bersopan santun sebagai bangsa yang patuh kepada adat resam, adat istiadat dan mentaati sultan serta menghormati orang-orang yang disampiri gelaran.

Masyarakat Melayu Brunei sangat mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika mence-mar duli (berjalan kaki) dengan membuat lawatan ke kampung-kampung dan mukim-mukim bersama rakyat sempena hari keputeraan baginda dan ketika baginda mengerjakan Salat Jumaat di masjid-masjid di negara ini. Kesempatan inilah masyarakat Melayu Brunei berhubung ziarah (bersalam-salaman) dengan mencium tangan

baginda sambil menundukkan kepala sebagai tanda penghormatan dan taat setia kepada sultan yang sangat mengasihi dan pemedulian terhadap rakyat dan penduduk dalam negara ini. Amalan berbudaya seperti ini juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan muhibah dan perasaan kasih sayang kepada sultan yang tidak camah mata (mengambil berat) dalam perkembangan dan kemajuan yang diberikan oleh kerajaan serta mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh rakyat baginda.

MENGHORMATI ORANG TUA-TUA

Sikap menghormati orang tua-tua adalah satu amalan yang murni dan dituntut oleh agama Islam. Orang tua-tua yang dimaksudkan untuk dihormati itu ialah orang yang lebih tua daripada kita, baik tua dari segi umur, tua dari segi pangkat, tua dari segi martabat, tua dari segi kedudukan, tua dari segi keturunan, tua dari segi ilmu pengetahuan ataupun orang yang telah dituakan iaitu orang yang tua dari segi tugas-tugas yang diaturnya kepadanya dan sebagainya. Cara menghormati mereka itu bermacam gaya dan kaedah mengikut penyesuaian. Adakalanya penghormatan itu dilakukan secara menggunakan bahasa khas kepada orang yang dihormati itu seperti sistem panggilan kekeluargaan, sistem panggilan gelaran yang disampiri, sistem panggilan jawatannya dan menggunakan lekikal 'kita' ketika kita merujuk kepada orang yang lebih tua.

Suatu perkara yang penting di dalam menghormati orang tua-tua ini ialah menghormati nasihat dan perkataan mereka dengan berpegang teguh serta mengambil perhatian sebagai suatu pengajaran yang menjadi panduan bagi suatu perkara yang akan dijalankan. Jika perkataan mereka itu tidak dipersetujui maka suatu bahasa yang halus akan digunakan untuk maksud supaya tidak menyinggung perasaan mereka. Tatkala melintas (berjalan) di hadapan orang tua hendaklah dibongkokkan badan dan dihulurkan tangan kanan ke bawah seolah-olah meminta maaf. Tingkah laku seperti ini sangat diambil berat oleh masyarakat Melayu Brunei dengan memberikan pelbagai baidan sebagai suatu kata hikmat yang dijadikan panduan hidup yang bersendikan syarak.

MENGHORMATI IBU BAPA

Sementara itu, menghormati ibu bapa pula ialah kedua orang tua kita yang mengasuh dari semenjak kita kecil hingga dewasa. Untuk menghormati kedua-dua ibu bapa ini, anak-anak mestilah bercakap di hadapan kedua-dua ibu bapa mereka dengan nada suara yang rendah dan lemah lembut, meminta izin atau memberitahu kepada mereka sebelum meninggalkan rumah, di samping mentaati perintah, tidak menderhaka dan membantah perintah atau suruhan mereka.

Apabila berjalan di hadapan mereka, anak-anak mestilah merendahkan badan dan meluruskan tangan ke hadapan. Anak-anak mestilah mendahulukan kedua-dua ibu bapa mereka menjamah makanan atau hidangan semasa hendak makan dan minum serta menjaga dan memelihara mereka apabila mereka sudah tua nanti. Amalan berbahasa dan berbudaya dalam menghormati ibu bapa ini menunjukkan sikap ketaatan, bertimbang rasa, mengenang budi dan pemedulian seseorang anak kepada kedua-dua ibu bapanya yang pernah menderita dan sengsara melahirkan dan senantiasanya mengalami kekhawatiran dan berjaga-jaga untuk memelihara anak yang kecil hingga dewasa supaya tidak berlakunya kecacatan.

MENGHORMATI SAHABAT ATAU JIRAN

Lazimnya masyarakat Melayu Brunei apabila sahabat atau jiran datang mengunjungi ke rumah akan dilayan dengan baik serta dihidangkan dengan makanan dan minuman ala kadar yang ter-

daya. Sikap melayan di sini bererti sebagai sikap pemedulian dan sentiasa mengambil tahu perkara yang berkebaikan, menyayangi antara satu dengan yang lain dan sebagainya. Tabiat kunjung-mengunjungi sambil bercerita tentang hal khabar berita dan bergurau senda masih lagi diamalkan hingga ke hari ini dan dikenali sebagai bedudun (berbual-berbual).

Apabila hendak masuk ke dalam rumah mestilah menanggalkan kasut di luar rumah supaya kotoran yang ada atau hinggap di kasut itu tidak mengotori rumah yang dihormati. Selalunya sahabat atau jiran yang datang ke rumah akan dibatati (dibekalkan) dengan buah tangan yang terdaya atau kalau tidak sempat pada masa itu, barang-barang itu akan dihantar kemudian. Sikap bertegur sapa dengan memberikan salam atau melambatkan tangan dan bersopan santun ketika berbahasa dan melakukan sesuatu adalah menjadi kewajipan bagi setiap individu Melayu Brunei baik yang tua mahupun yang muda. Ia bertujuan untuk menjaga rasa tanggungjawab kejiwaan dan persahabatan yang sentiasa mengutamakan penghormatan walaupun berlaku hal-hal suka (hiburan) dan duka (kematan).

MENGHORMATI MAJLIS

Apabila satu-satu majlis keramaian diadakan seperti perkahwinan, berpindah ke rumah baru, menghantar tanda pertunangan dan lain-lain, maka masyarakat Melayu Brunei yang menghadiri majlis itu memakai pakaian baju cara Melayu serta bersongkok bagi lelaki dan baju kurung serta bertudung bagi perempuan. Mereka yang tidak memakai pakaian yang sesuai dalam sesuatu majlis dianggap sebagai inda majlis (tidak menghormati majlis).

Memang sudah menjadi adat kebiasaan dalam masyarakat Melayu Brunei, setiap tetamu yang datang itu akan dipersilakan masuk dan duduk di tempat yang dikehendaki. Dalam susunan duduk pula adalah mengikut sebagaimana dalam majlis iaitu konsep tua dituakan. Semasa duduk dalam majlis boleh bercakap-cakap tetapi bergilir-gilir dan perkataan yang digunakan seeloknya mesti mengandungi penghormatan. Makanan yang dihidangkan pula ditutup sempurna dengan tudung dulang. Sewaktu hendak memulakan jamuan, tuan rumah atau wakilnya menyusun kata-kata dengan bahasa yang indah dengan mendahulukan pengiran-pengiran seterusnya hadirin yang lain untuk menikmati jamuan yang tidak seperti ini atau ala kadar. Maksud makanan yang tidak seperti ini atau ala kadar itu menunjukkan merendahkan diri walaupun pada hakikatnya makanan yang dihidangkan itu enak-enak belaka.

Apabila selesai upacara majlis tersebut, para jemputan tidak akan terus milih (pulang) melainkan bermohon terlebih dahulu kepada pihak yang menjemput itu dan kadang-kadang wakil pihak menjemput itu sedia berdiri menunggu di muka pintu. Tujuannya ialah untuk merapatkan hubungan mesra dan silaturahmi sambil mengucapkan terima kasih sesama pihak menjemput dan para tetamu. Pada kebiasaannya para tetamu akan membawa pulang buah tangan yang dipanggil campur.


SIKAP MERENDAHKAN DIRI

Sikap merendahkan diri di kalangan masyarakat Brunei adalah menjadi suatu kemajlis dan dianggap sebagai seorang yang mempunyai peribadi yang baik dan mengandungi penghormatan di dalamnya. Sebab itu selalu didapati apabila masyarakat Melayu Brunei menghidangkan sesuatu jamuan maka hidangan itu akan diiringi dengan bahasa atau kata-kata yang halus sebagai merendah diri dengan mengatakan bahawa hidangan itu 'tidak dengan seperti ini' walaupun sebenarnya makanan yang dihidangkan itu sedap rasanya atau mempunyai mutu.

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan terus-menerus mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya, mudah-mudahan kita tergolong menjadi hamba-hamba yang benar-benar beriman dan bertakwa.

Sesebuah negara tidak akan membangun dan berjaya tanpa diterajui atau diketuai oleh seorang pemimpin. Samalah seperti keadaan sesebuah kumpulan atau pertubuhan yang pastinya ada orang yang mengepalainya sebagai ketua atau pemimpin. Tanpa pemimpin keadaan akan menjadi huru-hara, perbalahan, pertengkaran dan perebutan kuasa sering terjadi, akhirnya apa pun jua kumpulan yang ditubuhkan mahupun sebuah negara yang hendak dibangunkan pasti akan menemui kegagalan. Di situ dapat kita lihat betapa peranan seorang ketua atau pemimpin amat penting dan amat diperlukan.

Demikianlah juga halnya kepada negara kita. Negara kita tidak akan dapat berdiri seperti sekarang tanpa kehadiran seorang yang memimpinnya. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana telah mengurniakan kepada negara kita seorang pemimpin yang adil, bijaksana serta mengasihi rakyatnya. Pemimpin kita, Sultan yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amat bertanggungjawab terhadap pentadbiran negara, tuntutan agama dan kesejahteraan rakyat. Semenjak Kebawah Duli Yang Maha Mulia menaiki takhta pada 5 Oktober 1967 dan memegang tampuk pemerintahan, banyak kemajuan-kemajuan telah dicapai oleh negara kita di mana hasilnya negara kita telah dapat maju dan berjalan seiring dengan negara-negara lain dalam bermacam-macam bidang, sama ada



dalam kemajuan ekonomi medan pertahanan dan sebagainya.

Kita juga harus berbangga kerana dalam tempoh yang singkat iaitu semenjak negara kita merdeka dan bebas dari campur tangan kuasa luar, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berjaya membuktikan kemampuan dan keupayaan baginda dalam menerajui negara kita ke puncak kejayaan.

Lahirkan ketaatan dan kesetiaan kepada raja

dan kepentingan rakyat. Apa yang jelas kita telah dapat sama-sama menikmati kesenangan hidup di bumi yang bertuah ini. Banyak projek-projek kerajaan yang telah, sedang dan akan giat dirancang dan diusahakan sama ada dalam bidang pendidikan, kesihatan, pertanian, pertahanan, ekonomi, kemudahan-kemudahan awam dan sosial kemasyarakatan. Dan semua ini diselesaikan mengikut ajaran Islam agar negara kita sentiasa berada di bawah rahmat Allah Subhanahu Wataala. Dan mendapat keredaan-Nya jua.

Maka selaku rakyat yang bernaung dan berlindung di bawah pemerintahan baginda, kita haruslah melahirkan ketaatan dan kesetiaan yang tiada berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 59 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kepada Rasul Allah dan kepada Ulil Amri (Orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah berselesih faham dalam sesuatu perkara maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Kitab Allah (Al-Quran) dan sunah Rasul-Nya jika

kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari Akhirat. Yang demikian itu adalah lebih baik bagi kamu dan lebih elok pula kesudahannya."

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

"Barangsiapa taat kepada ku, bererti ia taat kepada Allah. Barangsiapa menderhakai aku, bererti ia menderhakai Allah. Dan barangsiapa taat kepada pemimpin, bererti ia taat kepadaku. Dan barangsiapa menderhakai pemimpin bererti ia menderhakai aku." - Riwayat Al-Bukhari Wamuslim.

Itulah ketentuan yang telah diajar kepada kita supaya taat kepada pemimpin. Di mana hasil dari ketaatan itu nanti akan melancarkan apa jua usaha kerajaan yang pastinya dilakukan demi kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyatnya jua. Sesungguhnya tugas seorang pemimpin amat berat dan ia tidak akan dapat berjaya tanpa didukung dan disokong oleh rakyat, oleh itu kita harus sentiasa bersikap terbuka dan proaktif dalam menerima rancangan-rancangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berkebahjikan.

Pada 15 Julai ini, genaplah usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang ke-56 tahun, bersyukur kita selaku rakyat baginda ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana telah melanjutkan usia pemimpin negara

yang kita sayangi. Marilah kita sama-sama berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat baginda akan sentiasa berada dalam petunjuk Allah Subhanahu Wataala, beroleh rahmat dan keberkatan dan mudah-mudahan rakyat dan negara kita sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wataala.

Dan sebagai melahirkan rasa bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wataala menzahirkan ketaatan kita kepada raja yang dikasihi, marilah kita sama-sama hadir ke masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadat bagi mengikuti acara bacaan tahlil dan doa kesyukuran pada petang 3 Jamadilawal 1423 Hijrah bersamaan 14 Julai 2002 ini.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Araaf ayat 96 yang bermaksud:

"Dan Tuhan berfirman lagi sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan Rasul Kami lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."

membuktikan kemampuan dan keupayaan baginda dalam menerajui negara kita ke puncak kejayaan. Hasilnya rakyat negara ini dapat menikmati kehidupan yang aman makmur dan senang dalam kemewahan. Bahkan berkat dari usaha, kebijaksanaan dan kegigihan, akhirnya baginda berjaya mengeluarkan negara kita dari kepompong kemunduran kepada sebuah negara yang dikenali, disegani dan berjaya.

Ada pun antara sifat-sifat terpuji yang dimiliki oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah baginda bersifat penyayang dan pemedulian, serta sentiasa peka terhadap kebajikan

KITA juga harus berbangga kerana dalam tempoh yang singkat iaitu semenjak negara kita merdeka dan bebas dari campur tangan kuasa luar, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berjaya membuktikan kemampuan dan keupayaan baginda dalam menerajui negara kita ke puncak kejayaan. Hasilnya rakyat negara ini dapat menikmati kehidupan yang aman makmur dan senang dalam kemewahan. Bahkan berkat dari usaha, kebijaksanaan dan kegigihan, akhirnya baginda berjaya mengeluarkan negara kita dari kepompong kemunduran kepada sebuah negara yang dikenali, disegani dan berjaya.

وقت سبهيخ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبهيخ، امساک، شوروق دان ضحی باکي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رايو، 6 جمادی الأول، 1423 برسمان 17 جولي، 2002 هيغک کهاري ثلاث، 12 جمادی الأول، 1423 برسمان 23 جولي، 2002 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
جمادی الأول									جولي
6	12.28	3.52	6.38	7.52	4.42	4.52	6.14	6.39	17
7	12.28	3.52	6.38	7.52	4.42	4.52	6.14	6.39	18
8	12.28	3.52	6.38	7.52	4.42	4.52	6.14	6.39	19
9	12.28	3.52	6.38	7.52	4.42	4.52	6.15	6.39	20
10	12.28	3.51	6.38	7.52	4.43	4.53	6.15	6.40	21
11	12.28	3.51	6.38	7.52	4.43	4.53	6.15	6.40	22
12	12.28	3.51	6.38	7.52	4.43	4.53	6.15	6.40	23

وقت ۲ سبهيخ باکي دائره توتوغ ديمه ساتو مينيت دان دائره بلايت ديمه تيگ مينيت، سبهيخ فرض جمعة سلوروو نگارا بروني دارالسلام دمولاوي دري فوکل 12.45 تهايري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihihi Wasabbihi Waman Walah.

BEGITU juga kehidupan harian para sahabat sebagai suami isteri, masing-masing mereka memberi khidmat dan bantu-membantu antara satu sama lain. Sebagai contoh, Asma' binti Abu Bakar, isteri

sahabat Zubair bin Al-Awwam, sentiasa membantu suaminya dengan memberi makan kuda, mengangkat air dari tempat yang berbatu-batu jauhnya. Hal ini diceritakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Abi Mulaikah yang maksudnya: "Sesungguhnya Asma' telah berkata: 'Aku pernah memberikan khidmat (melayani) Az-Zubair dalam urusan rumah tangga. Dia (Az-Zubair) mempunyai seekor kuda dan akulah yang mengurusnya. Tidak ada suatu khidmat (kerja) yang lebih berat bagiku daripada mengurus kuda kerana akulah yang mencari rumput, menjajanya dan mengurus segala keperluannya."

(Hadis riwayat Muslim).

Dalam riwayat yang lain yang maksudnya: "Daripada Asma' binti Abu Bakar katanya: 'Az-Zubair mengahwini aku, dia tidak mempunyai harta, hamba dan apa pun di muka bumi ini selain seekor kuda.' Kata Asma' lagi: 'Akulah yang memberi makan kudanya, mencukupkan keperluan makannya, mengurusnya, menumbuk biji korma sebagai minumannya, memberinya makan, meminumkan air, melubangi timbanya dan mengadun roti. Tetapi aku tidak boleh membuat roti dengan baik, dan kaum wanita Ansharlah yang biasa membuat roti untukku. Mereka adalah para wanita yang ikhlas.' Beliau berkata lagi: 'Aku biasa mengangkat biji korma di atas kepala dari kebun Az-Zubair iaitu

tanah yang diberikan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Tanah itu kira-kira jauhnya satu pertiga farsakh dari kota."

(Hadis riwayat Muslim).

Dalam riwayat yang lain Fatimah telah mengadu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam meminta seorang pembantu yang maksudnya: "Fatimah Ali bin Abi Talib, sesungguhnya Fatimah pernah mengadu kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, meminta kepada Baginda seorang pembantu. Lalu Baginda bersabda: 'Bagaimana jika aku tunjukkan sesuatu yang lebih baik untukmu daripada seorang pembantu; iaitu kamu bertasbih kepada Allah sebanyak tiga puluh tiga kali ketika hendak tidur, bertahmid (memuji Allah) sebanyak tiga puluh tiga kali dan membaca takbir kepada Allah sebanyak tiga puluh empat kali."

(Hadis riwayat Al-Bukhari).

Berdasarkan hadis di atas, Fatimah dan suaminya pernah mengadu kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar mengizinkan mereka mendapatkan pembantu rumah. Tetapi Baginda mengajarnya Fatimah agar terus melakukan sendiri kerja-kerja dan urusan rumahannya sekali gus tidak pula mengatakan kerja itu diserahkan kepada Ali kerana tanggungjawabnya sebagai suami. Jawapan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada puterinya itu adalah suatu perakuan (taqirir) yang dengan sendirinya menurunkan hukum

NAFKAH ISTERI

Bilangan 138
(Bahagian Akhir)

yang bakal dipakai oleh umatnya, iaitu dalam menentukan tanggungjawab siapa sepatutnya melakukan kerja-kerja rumah, suami atau isteri.

Fatimah Az-Zahra adalah salah seorang puteri Nabi iaitu penghulu segala wanita. Sebagai isteri kepada Saiyidina Ali bin Abi Talib, beliau turut serta memberi khidmat kepada suaminya dan melakukan sendiri kerja-kerja memasak, membuat tepung, mengadun, membuat roti dan mengisar tepung sehingga pecah-pecah kedua-dua tangannya.

Berdasarkan hadis di atas juga Ibnu Hubaib mengatakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memutuskan supaya Fatimah berperanan melakukan tugas-tugas dalam, sementara Ali berperanan melakukan tugas-tugas luar. Maksud tugas-tugas dalam ialah membuat tepung, memasak, menyapu dan semua kerja rumah. (Fath Al-Bari: 10/635).

Berdasarkan hujah-hujah di atas, adalah elok jika isteri dapat membuat pekerjaan atau perkara-perkara yang lazimnya dibuat oleh para isteri seperti memasak, mencuci pakaian, menyediakan makanan dan sebagainya untuk suaminya kerana agama Islam sangat menggalakkan umatnya bantu-membantu dan tolong menolong antara satu dengan lain lebih-lebih lagi suami isteri. Dalam perkara tolong-menolong dan bantu-membantu ini Allah Taala telah menjelaskan dalam firman-Nya:

Tafsirnya: "Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa."

(Surah Al-Maidah: 2).

Firman-Nya yang lain tafsirnya: "Dan mereka pula bersegera pada membuat dan mengerjakan perkara-perkara yang berkebajikan. Mereka (yang demikian sifatnya) adalah dari orang-orang yang salih."

(Surah Ali 'Imran: 114).

Perkara sedemikian juga bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu iaitu kerja-kerja berat biasanya menjadi kewajiban suami manakala kerja-kerja ringan biasanya menjadi kewajiban isteri.

NAFKAH 'IDAH

Nafkah wajib diberikan kepada perempuan yang sedang dalam 'idah. Perempuan yang ber'idah raj'e berhak mendapatkan nafkah berdasarkan firman Allah Taala tafsirnya: "Tempatkanlah isteri-isteri (yang menjani 'idahnya) itu di tempat kediaman kamu."

(Surah At-Thalaaq: 6).

Ayat di atas mewajibkan untuk memberikan tempat tinggal kepada isteri. Apabila tempat tinggal wajib diberikan, maka memberi nafkah juga wajib kerana nafkah itu mengikuti kewajiban memberikan tempat tinggal.

Wanita hamil yang ditalak juga berhak mendapatkan nafkah berdasarkan firman Allah Ta'ala tafsirnya: "Dan

jika mereka berkeadaan sedang mengandung, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sehingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya."

(Surah At-Thalaaq: 6).

Berdasarkan ayat di atas nafkah adalah wajib ke atas perempuan hamil yang ber'idah sama ada kerana talak raj'i atau talak ba'in. Menurut Al-Khatib Asy-Syarbini tidak wajib nafkah terhadap isteri yang ber'idah kerana kematian suami sekalipun mengandung sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya: "Tidak (berhak) nafkah bagi isteri yang hamil dan kematian suami."

(Hadis riwayat Ad-Darqutni).

Manakala bagi perempuan yang sedang ber'idah ba'in dan tidak hamil banya berhak menerima tempat tinggal tanpa nafkah dan kiswah (pakaian). (Mughni Al-Muhtaj: 3/561-562).

PEREMPUAN YANG TIDAK BERHAQ MENERIMA NAFKAH

Berdasarkan syarat-syarat di atas, kewajiban suami dalam memberikan nafkah adalah bergantung kepada syarat-syarat yang mesti ditunaikan oleh isterinya.

Imam An-Nawawi (Al-Majmuk: 19/244-247) menyebutkan bahawa perempuan yang tidak



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail: mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

berhak untuk menerima nafkah itu terdiri daripada:

(i) Isteri yang masih kecil (yang belum disetubuhi) sekalipun dia sudah menyerahkan dirinya untuk dicampuri. Berdasarkan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ketika berkahwin dengan Aisyah Radiallahuanha, Baginda tidak memberi nafkah selama dua tahun kerana belum mengaulinya. Sebaliknya jika yang masih kecil itu ialah suami sedangkan isteri sudah baliq, maka wajib bagi suami yang kecil itu memberi nafkah kepada isterinya.

(ii) Apabila isteri berpindah dari rumah suaminya ke rumah lain tanpa alasan syar'i atau pergi (musafir) tanpa izin suami.

(iii) Apabila isteri berpuasa sunat atau ber'tikaf sunat tanpa izin suami.

(iv) Apabila isteri itu nusyuz (derhaka, berbuat maksiat terhadap suaminya atau tidak mahu mematuhi suaminya).

Sebab-sebab di atas adalah menyebabkan seorang isteri itu tidak berhak menerima nafkah, kerana dia telah mengahangi hak suami untuk menikmati dirinya tanpa uzur yang dibenarkan oleh syarak.

Ulama juga sepakat mengatakan bahawa isteri yang

dipenjarakan kerana melakukan kejahatan atau seumpamanya tidak wajib diberikan nafkah. (Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu 10/7382)

PENUTUP

Berdasarkan penjelasan yang telah diuraikan di atas, dalam apa jua keadaan suami mempunyai satu darjat kelebihan ke atas seorang perempuan (isteri), kerana suaminya yang berkuasa mengawalnya dan memberi mereka nafkah, sebagaimana firman Allah Ta'ala tafsirnya: "Dalam pada itu orang-orang lelaki (suami-suami itu) mempunyai satu darjat kelebihan atas orang-orang perempuan (isteri-isteri)."

(Surah Al-Baqarah: 228).

Pendeknya, seorang isteri adalah menanggung kewajiban terhadap suaminya yang wajib dilaksanakannya dengan cara yang baik, maka begitulah juga suami menanggung kewajiban terhadap isterinya yang wajib dilaksanakannya dengan cara yang baik juga, sebagaimana dijelaskan oleh Allah Ta'ala dalam firman-Nya yang tafsirnya: "Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (tidak dilanggar oleh syarak)."

Tingkatkan dakwah cegah kemungkaran

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان ثوسة دعوه اسلاميه

SEPANJANG perjalanan sejarah 15 abad yang lalu, umat Islam telah mengalami berbagai-bagai pengalaman sama ada suka ataupun duka. Umat Islam pernah lahir sebagai umat yang mulia dan teragung, menjadi pemimpin memegang teraju pemerintahan alam, digeruni dan ditakuti oleh musuh-musuh. Dua kerajaan besar dan kuat iaitu Kerajaan Rom dan Parsi telah ditumbangkan oleh kekuatan Islam, pengaruh dan wilayah tanah jajahan Islam diperluas sama ada di barat mahupun di timur.

Panji-panji kebenaran dan keadilan Islam telah dikibarkan menggantikan kezaliman, penindasan dan kekufuran. Kemuliaan dan kejayaan umat Islam di zaman silam ialah kerana mereka itu memiliki ketinggian akidah dan ketakwaan terhadap Allah Subhanahu Wataala dan menghayati

Islam di dalam seluruh kehidupan mereka, lalu Allah meneguhkan mereka sama ada di dunia dan juga di akhirat, seperti mana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ibrahim ayat 27 yang bermaksud:-

"Allah menetapkan (pendirian) orang-orang yang beriman dengan kalimat yang tetap teguh dalam kehidupan dunia dan akhirat, dan Allah menyatukan orang-orang yang berlaku zalim (kepada diri mereka sendiri), dan Allah berkuasa melakukan apa yang dikehendaki-Nya."

Selain daripada keimanan dan ketakwaan yang menjadi sumber kekuatan dan kemuliaan umat Islam terdahulu ialah kerana tertegaknya urusan dakwah, menyeru kepada yang makruf dan mencegah yang mungkar. Tugas tersebut wajib dipikulkan oleh setiap Muslim, bermula pada dirinya sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

SEKIRANYA amar makruf diabaikan dan kemungkaran dibiarkan berleluasa, malah terus disuburkan sebelum datang azab Allah itu akan disegerakan sebelum datang azab Allah sama ada berupa kehinaan, kepapaan, peperangan, penyakit dan sebagainya.

Sekiranya amar makruf diabaikan dan kemungkaran dibiarkan berleluasa, malah terus disuburkan maka ingatlazab Allah itu akan disegerakan sebelum datang azab Allah sama ada berupa kehinaan, kepapaan, peperangan, penyakit dan sebagainya.

Azab tersebut tidaklah hanya terkena kepada orang-orang yang melakukan kezaliman dan kemungkaran semata-mata tetapi akan menimpa seluruh manusia termasuk orang yang salih dan alim seluruhnya. Marilah kita merenung akan peringatan Allah di dalam Surah Al-Anfaal ayat 25 yang bermaksud:-

"Dan janganlah diri kamu daripada (berlakunya) dosa (yang membawa bala bencana) yang bukan sahaja akan menimpa orang-orang yang zalim di antara kamu secara khusus (tetapi akan menimpa kamu secara umum). Dan ketahuilah bahawa Allah Maha berat azab seksa-Nya."

Firman Allah Subhanahu Wataala lagi dalam Surah Ar-Ruum ayat 41 yang bermaksud:-

"Telah timbul berbagai-bagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali insaf dan bertaubat."

Demikian juga terjadi kemusnahan kepada umat terdahulu seperti tenggelamnya kaum Nabi Allah Noh Alaihiissalam kerana mereka bongkak dan sombong tidak mahu mengikut ajaran Baginda dengan mengabdikan diri mereka kepada Allah. Kaum 'Ad membelakangkan ajaran Nabi Allah Hud Alaihiissalam, lalu ditimpa taufan yang dahsyat sebagai penghinaan Allah terhadap mereka, begitu juga dengan kaum Tsamud, meskipun mereka itu dikurniakan Allah kedudukan yang tinggi, diberi kekayaan yang melimpah ruah, namun mereka menderhaka kepada Nabi Allah Salih Alaihiissalam, lalu timpakan bencana alam yang amat dahsyat.

Oleh yang demikian marilah kita sentiasa mempertingkatkan keimanan, kesedaran dan keinsafan kita ke arah menghayati ajaran Islam dan berpegang teguh dengannya dan semoga dengan itu akan menyelamatkan kehidupan kita di dunia dan akhirat.

Dari muka 2

Amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei : Suatu Tinjauan Proses Komunikasi

Begitu juga dalam percakapan yang dihadapi kepada seseorang, cakap itu akan disusun untuk membentuk kerendahan diri sendiri, tidak meninggi atau menunjukkan keagungan. Peribadi yang sedemikian ini pernah disebutkan dalam pepatah orang tua-tua iaitu 'mandi diulak-ulak cakap di bawah' yang mengandungi erti jangan angkuh atau sombong. Sungguhpun demikian, perbuatan merendahkan diri ini mestilah kena pada tempatnya, dengan erti kata yang lain bukanlah dengan sebab merendahkan diri kerana takut atau kerana hendak minta dipijak tetapi adalah kerana penghormatan yang menggambarkan peribadi bangsa Brunei itu sendiri.

MENYESUAIKAN DIRI DENGAN SESUATU KEADAAN

Menyesuaikan diri dengan sesuatu keadaan adalah sesuatu perkara yang selalu dipesan-pesanan oleh orang tua-tua kerana perbuatan yang sedemikian adalah sebahagian daripada keperibadian bangsa Brunei. Perkara ini pernah dijadikan bidalan iaitu 'di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung'. Misalnya, kalau mereka pergi merantau ke negeri orang, mereka akan mengikuti jejak langkah orang di negeri itu, tetapi perkara yang sangat dijaga perbuatan-perbuatan yang akan dilakukan seberapa boleh tidak akan berlawanan dengan peribadi bangsanya sendiri. Ertinya jika ada terjampa perkara yang berlawanan dengan peribadi bangsa atau hukum agama maka perkara itu hendaklah dirujuk kepada peribadi sendiri atau hukum yang tertentu. Orang tua-tua selalu berpesan supaya anak-anak mereka jangan lupa daratan walau di mana mereka berada tetapi yang penting ialah perasaan hati dan pengakuan diri masih tetap sebagai orang Brunei.

BERMUFAKAT

Budaya bermuafakat sudah menjadi darah daging masyarakat Melayu Brunei di dalam hidup bermasyarakat. Muafakat itu menjadi suatu perkara yang sangat perlu dilakukan sebelum membuat sesuatu pekerjaan kerana dengan bermuafakat, segala masalah yang dihadapi di dalam perundingan akan diambil kesimpulan sebagai tanggungjawab bersama untuk mewujudkan rasa bersatu padu dan bertolak ansur. Melalui permuafakatan semua rancangan dapat dilaksanakan dengan mudah dan teratur seperti bidalan yang berbunyi 'muafakat itu membawa berkat'.

MEMUCANG-MUCANG

Memucang-mucang (gotong-royong) merupakan amalan dan sikap masyarakat Melayu Brunei sejak dahulu lagi yang mesti dikekalkan oleh penduduk negara ini. Memucang-mucang ialah suatu pekerjaan yang berkebakikan, dikerjakan secara beramai-ramai dan sukarela untuk membersihkan kawasan masjid, membersihkan perkuburan, kesusahan (kematian), membuat teratak (kem) untuk persediaan majlis perkahwinan dan seumpamanya. Amalan memucang-mucang ini membolehkan masyarakat Melayu Brunei beramah-mesra, mengeratkan silaturahmi, meringankan pekerjaan yang berat seperti pepatah Melayu 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing' yang menjadi pegangan teguh bagi melahirkan rasa mentaati arahan ketua, perasaan ikhlas, jujur, amanah dan dedikasi.

HUBUNGANNYA DENGAN PROSES KOMUNIKASI

Berbincang mengenai proses komunikasi ini akan merujuk kepada dua pihak yang berinteraksi iaitu pihak penyampai sebagai orang yang bercakap atau memberikan isyarat atau simbol (lambang), manakala pihak penerima pula sebagai orang yang mendengar, menerima atau yang ditunjukkan. Dengan yang demikian terdapat beberapa cara dan kaedah proses komunikasi yang digunakan di dalam amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei seperti berikut:

KECEKAPAN SOSIOLINGUISTIK ATAU BUDAYA

Dalam amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei menggunakan dua jenis komunikasi iaitu komunikasi verbal atau komunikasi yang diucapkan dan komunikasi bukan verbal atau komunikasi tanpa bercakap. Kedua-dua jenis ini lebih menjurus kepada

kecekapan sosiolinguistik atau budaya. Sebagai contoh penggunaan gantian diri yang dikenali sebagai 'terasul' di dalam sistem panggilan diraja, kerabat diraja dan orang yang disampiri gelaran yang digunakan dalam majlis adat beristiadat mahupun tidak.

Dalam masyarakat Melayu Brunei juga sering mengamalkan komunikasi bukan verbal seperti contoh, tatkala berjalan di hadapan orang tua hendaklah dibongkokkan badan dan dihulurkan tangan kanan ke bawah seolah-olah memohon maaf dan mengangkat dua belah tangan sebagai tanda menghadap sembah dan memohon ampun kepada Sultan. Walaupun majoriti masyarakat Melayu Brunei beragama Islam tetapi masih terdapat penduduknya yang mengamalkan kepercayaan animisme yang berdasarkan spiritual seperti dilarang menyebut segala perkara yang aneh ketika berada di hutan atau menyebut binatang seperti monyet apabila hendak menangkap ikan kerana ditakuti akan mendapat musibah atau malapetaka sekiranya sesuatu itu diucapkan.

Amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei juga mengamalkan konsep kronemik seperti berhenti bercakap ketika azan berkumandang atau ditegah bercakap perkara-perkara yang tidak disebut semasa bulan Ramadan. Amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei ini adalah lebih mementingkan nilai merendahkan diri, tidak berterus-terang, bertimbang rasa, mengengau budi, taat setia, berawar galat (hormat-menghormati), bersopan santun, lemah-lembut, peramah, bermuafakat dan bermucang-mucang di kalangan satu sama yang lain.

KEKUASAAN BAHASA

Adalah menjadi kemestian masyarakat Melayu Brunei seseorang yang telah menunaikan fardu haji akan dipanggil 'haji' bagi lelaki dan 'hajjah' bagi perempuan. Kekuasaan pada nama ini boleh menunjukkan ketinggian taraf seseorang di dalam kedudukan stratafikasi sosial masyarakat Melayu Brunei seperti golongan raja berteras (kerabat diraja), golongan bangsawan termasuk ahli kerabat (pengiran-pengiran) dan orang yang disampiri gelaran. Seseorang mengetahui nama keturunan atau gelaran seseorang maka orang tersebut akan mendapat penghormatan dan peluang yang cerah seperti dari aspek politik, ekonomi dan juga kedudukan sosial. Justeru itu, kekuasaan pada nama ini boleh diidentifikasikan sebagai satu legitimasi seseorang untuk mendapatkan populariti sebagai contoh di dalam mencari pekerjaan adalah lebih berbentuk favouritism iaitu lebih mengutamakan keturunan yang bergelar, kekeluargaan dan keakraban.

Dalam masyarakat Melayu Brunei, cara bercakap untuk berkomunikasi dengan orang ramai juga dianggap mempunyai kekuasaan di dalam amalan berbahasa dan berbudaya. Hal ini dapat dilihat apabila cara penyebutan itu disampaikan dengan menggunakan bahasa Melayu Standard dan sekali-sekala menggunakan dialek sebagai menjaga perasaan supaya tidak menyinggung masyarakat yang berbagai puak di negara ini. Di samping itu juga seseorang yang bercakap itu mestilah tahu unsur kesopanan bahasa dan mengikut susunan secara urutan supaya ucapan yang disampaikan itu dapat mempengaruhi orang ramai dan dapat menunjukkan kewibawaan beliau sebagai seorang pemimpin. Contohnya, dalam masyarakat Melayu Brunei, seorang ketua kampung hendaklah bukan hanya mempunyai penguasaan ilmu keagamaan, ilmu kedukunan dan seni mempertahankan diri, bahkan beliau mestilah

memiliki kemahiran bertutur di khalayak ramai dengan bahasa yang halus, berbudi bahasa, peramah, tidak camah mata dan rasa bertanggungjawab. Sikap berkomunikasi sebeginilah yang membolehkan beliau memperoleh kuasa sebagai seorang ketua kampung yang disegani dan digalati.

PENUKARAN KOD

Sebagai sebuah negara yang pernah bernaung dalam pemerintahan kerajaan British, tidak mustahil masyarakat Melayu Brunei mengalami sistem pendidikan sekularisme iaitu pendidikan ala barat. Dengan yang demikian, bahasa kedua yang penting di dalam sistem pendidikan di negara ini selepas bahasa Melayu ialah bahasa Inggeris. Kemunculan teknologi yang semakin canggih juga banyak meminjam bahasa Inggeris untuk mengisikan pembendaharaan kata yang masih lagi tiada di dalam bahasa Melayu. Sehingga pengaruh bahasa Inggeris telah meresap dan dapat membolehkan sebagai menggantikan sistem panggilan kekeluargaan yang ada kepada sistem ala barat seperti uncle, auntie, daddy, mummy dan sebagainya.

Memandang masyarakat Melayu Brunei terdiri daripada berbagai puak maka proses komunikasi melalui penukaran kod sering sahaja berlaku di kalangan ahli penuturnya. Ini bertujuan untuk menghormati kepada si penutur supaya ia tidak merasa tersinggung atau kejangalan semasa perbualan itu berlaku. Penukaran kod ini dapat memperlihatkan kesetiaan jati diri bangsa dan budaya kerana masih lagi mengekalkan nilai warisan tradisi seperti amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei iaitu dapat menyesuaikan diri dengan sesuatu keadaan.

BAHASA DAN BUDAYA

Sebagai sebuah negara rumpun Melayu di rantau Nusantara ini, Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali mempunyai nilai budaya konteks yang tinggi iaitu gaya berbahasa kekaburan. Dalam gaya berbahasa kekaburan ini bermaksud tidak berterus-terang dalam sebuah percakapan yang dituturkan seperti menggunakan bahasa kiasan, metafora atau kesusasteraan dan seumpamanya. Ini adalah amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei yang bertujuan untuk menjagakan harmoni orang yang dituturkan supaya tidak berlaku perkara yang tak diingini terjadi. Di samping itu juga amalan berbahasa dan berbudaya ini berlaku secara formal apabila penggunaan terasul digunakan di dalam majlis adat istiadat dan majlis-majlis yang tertentu. Manakala bahasa yang tak formal hanya berlaku ketika bedudun tetapi perbualannya mestilah senonoh atau bersopan santun.

DIGLOSIA

Penggunaan diglosia di dalam proses komunikasi amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei sudah menjadi kelaziman setiap penduduk negara ini. Sewajarnya perkahwinan campur di antara puak-puak asli negara ini telah menyebabkan seseorang itu boleh menuturkan beberapa bahasa atau dialek. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, dialek Melayu Brunei mempunyai kelainan tinggi iaitu prestij dan unggul daripada penutur puak yang lain kerana dialek Melayu Brunei menjadi bahasa penghubung di antara ketujuh puak asli Brunei dan taraf dialek ini telah diiktiraf sebagai Bahasa Melayu Brunei Standard yang sekarang ini boleh diajarkan di dalam sistem pendidikan di negara ini serta tatabahasanya diperakui oleh negara MABIM.

PERATURAN PERBUALAN

Membicarakan peraturan perbualan dalam proses komunikasi amalan berbahasa dan berbudaya masyarakat Melayu Brunei, ada banyak contoh perbualan tetapi penulis cuba mengambil budaya bedudun sebagai contoh yang sesuai kerana budaya ini masih lagi diamalkan hingga sekarang walaupun mengalami kemajuan globalisasi. Budaya bedudun merupakan budaya kunjung-mengunjungi satu individu dengan individu yang lain untuk tujuan berinteraksi supaya merapatkan lagi jalinan silaturahmi terhadap persaudaraan, kejiranan dan persahabatan.

Lazimnya, seseorang yang hendak bedudun ke sebuah rumah jiran atau sahabat akan memberikan salam sebagai pemberitahuan ada orang yang berkunjung ke rumah tersebut. Pembukaan perbualan ini tertakluk keadaan dan siapakah orang yang dikunjungi tersebut. Pihak tuan rumah akan membalas salam tersebut dan keluar sambil berjabat tangan sebagai tanda keakraban dan memperlama masuk ke dalam rumah. Apabila hendak masuk ke dalam rumah mestilah menanggalkan kasut di luar supaya kotoran yang hinggap di kasut tidak mengotori rumah yang dikunjungi. Tuan rumah akan mempersilakan tamu duduk di tempat dikhaskan dan akan dijamu hidangan makanan semasa perbualan itu berlaku.

Sikap layanan yang baik pihak tuan rumah ini memperlihatkan rasa pemedulian, tanggungjawab dan menghormati orang yang mengunjunginya. Dalam perbualan tersebut, tatatertib berbahasa dan berbudaya perlulah ditonjolkan seperti berbudi bahasa, peramah, bersopan santun, merendahkan diri dan seumpamanya. Hakikat ini motifnya untuk menjaga keharmonian yang sudah terjalin begitu lama dan cuba mengukuhkannya lagi. Pada kebiasaannya, topik perbualan yang dibincangkan selalunya persoalan keadaan kesihatan, keselamatan kampung, isu-isu semasa dan kadangkala bersenda-gurau apabila mengenangkan kisah-kisah yang lucu ketika mereka alami dahulu. Namun senda-gurau yang diketawakan itu hendaklah tidak menyakitkan hati kedua-dua pihak.

Di dalam perbualan ini, bercakap mengikut giliran dan tidak memotong percakapan serta menggunakan bahasa yang menjuruskan kepada penghormatan adalah cara berbahasa dan berbudaya yang seelok-eloknya. Ketika jamuan dihidangkan, pihak tuan rumah akan menggunakan kata-kata yang halus sebagai merendahkan diri dengan mengatakan bahawa 'silakan menjamu makanan yang tidak sepertinya ini', tetapi makanan yang dihidangkan memang sedap.

Untuk membuat penutupan perbualan ini hendaklah dielakkan cara penutupan yang salah supaya tidak mengakibatkan ada pihak yang tersinggung. Justeru itu, pada kelazimannya pihak pengunjung yang memohon diri untuk menutup perbualan tersebut sambil disertai dengan salam-bersalaman dan mengirinkan salam kepada ahli keluarga tuan rumah yang lain. Untuk menunjukkan keakraban yang sejati, biasanya pihak tuan rumah akan membatasi si pengunjung dengan buah tangan sebagai tanda di atas berkesudian mengunjungi rumah mereka. Akhir sekali ialah mengucapkan salam sambil melambai-lambaikan tangan sebagai tanda perpisahan dan semoga berjumpa kembali.

MAKNA DALAM INTERAKSI

Masyarakat Melayu Brunei memang mempunyai amalan berbahasa dan berbudaya yang beru-

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Rakyat hidup harmoni

NEGARA Brunei Darussalam terus bertambah makmur dan sejahtera di bawah kepimpinan raja kita Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ini membuktikan bahawa kerajaan baginda sentiasa mengambil perhatian berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Ini juga membuktikan bahawa kekayaan negara telah dapat diagih-agihkan ke arah tujuan pembangunan dan kemajuan negara secara keseluruhannya.

Jika kita analisa secara terperinci hampir merapusi seluruh negara sehingga ke daerah-daerah pedalaman menikmati berbagai-bagai kemudahan asas seperti sekolah, jalan raya, bekalan elektrik, masjid, bekalan air, telefon, klinik-klinik perubatan, rumah-

rumah sakit dan lain-lain lagi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Ini membuktikan bahawa kerajaan baginda sentiasa mengambil perhatian berat terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini. Ini juga membuktikan bahawa kekayaan negara telah dapat diagih-agihkan ke arah tujuan pembangunan dan kemajuan negara secara keseluruhannya.

Sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah payung baginda, perlulah merasa bersyukur dengan pemedulian yang ditunjukkan oleh kerajaan baginda dalam memberikan kemudahan dan menyediakan kemudahan-kemudahan asas

dan pasarana yang beraneka serta projek-projek pembangunan yang tidak lain tidak bukan adalah semata-mata bertujuan bagi kesenangan segala isi di dalamnya. Kita juga patut bersyukur kerana kita masih lagi menikmati perkhidmatan-perkhidmatan percuma seperti kesihatan dan pendidikan di samping menikmati pelbagai subsidi yang diberikan oleh kerajaan.

Sepanjang pemerintahan baginda yang kini telah menghampiri 35 tahun, baginda sultan mengutamakan dan memberikan prioriti terhadap kesejahteraan rakyat. Bukti yang nyata dalam soal perumahan, kerajaan baginda memperuntukkan kewangan yang besar dalam setiap Rancangan Kemajuan Negara bagi membina rumah-rumah di seluruh negara.

Maka berkat usaha baginda yang tidak kendur-kendur itu alhamdulillah mereka yang tidak mempunyai tanah telah dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa dengan menyertai Rancangan Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.

Selain daripada itu, kerajaan baginda juga terus prihatin dan pemedulian terhadap orang-orang tua dengan memberikan pencen-pencen tua dan juga membantu orang-orang yang susah serta mereka yang tidak upaya. Pendek kata kerajaan tidak camah mata dan tidak pernah membiarkan rakyatnya menderita dan dalam keadaan daif. Bahkan sebaliknya kerajaan berusaha sedaya upaya menerusi agensi-agensi kerajaan yang telah diberikan peranan dan tanggungjawab dalam me-

ngelinda hal-chwal kebajikan bagi mereka yang benar-benar memerlukan bantuan.

Hasil pengelindaan kerajaan yang berterusan itu rakyat dan penduduk negara telah dapat menikmati kehidupan yang begitu makmur, aman damai, sejahtera dan maju. Kepimpinan baginda sentiasa menitikberatkan kepentingan negara dan kesejahteraan negara. Pendek kata semua lapisan rakyat dari orang-orang tua membawa kepada anak-anak damit ampuh menikmati hasil pembangunan dan merasai nikmat bantuan yang disediakan oleh kerajaan baginda.

Kesejahteraan yang kita nikmati sehingga ke hari ini juga adalah berpunca daripada kestabilan politik, suasana negara yang aman damai serta dengan adanya

perpaduan yang ditunjukkan oleh rakyat dan penduduk negara ini. Kita perlu menyedari bahawa perpaduan adalah merupakan kunci segala-galanya. Maka dengan adanya perpaduan yang jitu dan erat di antara kerajaan dan rakyat serta penduduk negara inilah, membolehkan kerajaan dapat menjalankan dan mengukuhkan segala projek-projek pembangunan dengan jayanya tanpa masalah dan sebarang kemuritan yang timbul.

Maka ke arah itu, kita selaku rakyat dan penduduk negara ini bertanggungjawab dalam menjaga dan mengekalkan perpaduan. Bersatu padu dalam semua lapangan hidup yang membawa kepada kebajikan dan kesejahteraan, bersepadu dalam membangun dan memajukan negara, bersatu padu dalam mengawal dan

menjaga keselamatan, keamanan dan ketenteraman negara dan yang paling utama memberikan sokongan penuh terhadap kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Dalam kata lain rakyat dan penduduk negara ini bukan semata-mata menjadi penonton dan penumpang tetapi perlu ikut serta dan melibatkan diri serta komited dan menyertai mana-mana bidang yang mereka mampu dan terdaya. Insya Allah dengan adanya sikap sedemikian kesejahteraan negara dan rakyat akan lebih-lebih lagi dinikmati.

Muhammad Noor Firdaus bin Haji Jaafar,
Unit 16, Rumah Kembar Dua, STKRJ, Kampong Rimba, Gadong.
No. k/p: 303101

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Peranan Forum Serantau ASEAN (ARF) Semakin Mencabar'. Tarikh tutup 20 Julai 2002.
2. 'Perpaduan Kunci Kemakmuran dan Kesejahteraan Negara'. Tarikh tutup 27 Julai 2002.
3. 'Sumbangan Belia Dalam Membangun Negara atau 'Nation Building' Penting. Bincangkan'. Tarikh tutup 3 Ogos 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Kesejahteraan rakyat diutamakan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak menaiki takhta kerajaan, baginda giat berusaha untuk mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Kewibawaan baginda telah teruji bukan sahaja seorang raja yang mengambil tahu mengenai kebajikan rakyat di negara ini bahkan dibuktikan dengan ketokohan baginda yang sentiasa berusaha dalam meningkatkan kemajuan yang telah dirintis oleh paduka ayahanda baginda.

Bagi memenuhi keperluan tersebut baginda serta

kerajaan baginda sedang mengusahakan dan melaksanakan pelbagai projek meliputi bidang-bidang perdagangan, perindustrian, pengangkutan, perhubungan, perkhidmatan-perkhidmatan sosial termasuk pembangunan infrastruktur, projek kemajuan perumahan dan perpindahan, pertahanan, keselamatan, kesihatan, pendidikan dan agama untuk kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran rakyat dan penduduk negara ini.

Di bidang pendidikan contohnya pihak kerajaan telah menubuhkan sekolah-sekolah tadika dan rendah malahan juga sekolah-sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi selaras dengan keperluan negara.

Di bidang perusahaan,

usaha-usaha sedang dijalankan untuk menimbulkan keyakinan pengusaha tempatan dan luar negeri supaya mereka dapat bergiat dengan cergasnya di negara ini. Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah termasuklah mewujudkan skim pinjaman kewangan.

Melalui bidang industri, kerajaan telah berhasrat menjadikan negara ini sebagai Pusat Perkhidmatan Perkapalan secara langsung di antara pelabuhan-pelabuhan utama di rantau ini dengan Pelabuhan Muara.

Sementara itu di bidang keagamaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda juga sedang

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Kebawah DYMM Utamakan Kesejahteraan Rakyat'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

merancang serta menjalankan usaha seperti penubuhan pusat sumber maklumat termasuk mengenai kegiatan-kegiatan ajaran sesat dan penyelewengan agama.

Keupayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerajaannya menjalankan rancangan-rancangan kemajuan di negara ini sangatlah menyerlah. Adalah

diharapkan ia akan terus berlangsung tanpa gangguan di mana keadaan tenteram dan aman adalah jaminannya.

Dayang Siti Fatimah binti Tasim,
No. 85, Kampong Piasau-Piasau Labu, Temburong.
No. k/p: 266570

Peraduan Menulis Esei sempena 35 tahun ASEAN

ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967. Pada masa ini negara-negara yang menyertai ASEAN telah bertambah menjadi sepuluh buah negara. Negara-negara tersebut ialah Republik Indonesia, Malaysia, Republik Filipina, Republik Singapura, Thailand, Negara Brunei Darussalam, Laos, Myanmar, Vietnam dan Kemboja. Negara kita Negara Brunei Darussalam menyertai ASEAN pada 7 Januari

1984 iaitu setelah mencapai kemerdekaan.

Sempena ulang tahun ke-35 penubuhan ASEAN pada tahun ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah diberi mandat untuk mengusahakan Peraduan Menulis Esei. Peraduan dibuka kepada penuntut-penuntut sekolah menengah dari tingkatan I hingga 6, tujuan peraduan ini ialah untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kewujudan

ASEAN yang akan mencapai usia 35 tahun pada 8 Ogos 2002. Selain itu, memberi peluang kepada penuntut-penuntut sekolah mengasah bakat dalam bidang penulisan untuk mengarang mengenai penubuhan ASEAN.

Pihak jawatankuasa peraduan telah menetapkan syarat dan peraturan, antaranya ialah peraduan ini terbuka kepada warga Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap

Negara Brunei Darussalam. Penulisan esei ini dibahagikan pada dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kedua-dua bahagian ini dipecahkan pada dua kategori iaitu Kategori I untuk tingkatan I hingga 3 dan Kategori II untuk tingkatan 4 hingga 6. Panjang esei bagi Kategori I mestilah mengandungi 300 hingga 350 perkataan dan Kategori II mengandungi 500 hingga 600 perkataan. Tajuk esei yang boleh dipilih ialah

pertama, Lawatan Saya Di Salah Sebuah Negara ASEAN, kedua ialah Sumbangan Negara Saya Dalam ASEAN bagi kategori I. Bagi Kategori II pula tajuk esei ialah Peranan dan Tanggungjawab ASEAN atau Penglibatan ASEAN Dalam Pembangunan Belia. Sementara dalam bahasa Inggeris bagi Kategori I ialah My Visit To One Of ASEAN Countries atau My Country Contributions In ASEAN. Bagi Kategori II pula ialah

Roles And Responsibilities Of The ASEAN atau ASEAN's Involvement In Youth Development.

Penyertaan bolehlah dihantar kepada Peraduan Menulis Esei, Dewan Bahasa dan Pustaka, Lapangan Terbang Lama Berakas tidak lewat pada 20 Ogos 2002.

HADIAH

Hadiah penghormatan dan sagu hati akan diberikan kepada skrip esei yang

terbaik bagi setiap kategori.

Kategori I
Pertama - \$300.00
Kedua - \$200.00
Ketiga - \$100.00
3 hadiah sagu hati - \$50.00 setiap satu.

Kategori II
Pertama - \$500.00
Kedua - \$400.00
Ketiga - \$300.00
3 hadiah sagu hati - \$100.00 setiap satu.



SEMASA Mesyuarat Peringkat Tertinggi APEC Mengenai Inisiatif Pembangunan Keupayaan Manusia (HCP) di Beijing, Negara Brunei Darussalam telah menjadi pengerusi bersama mesyuarat berkenaan sebelum Sidang Kemuncak APEC di Shanghai, Republik Rakyat China.

SEJAK negara kita mengambil alih semula tanggungjawab sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, peranan di peringkat serantau dan antarabangsa terus dipertingkatkan sama ada dalam isu-isu yang melibatkan soal politik, ekonomi mahupun sosial.

Bahkan sebaik memasuki alaf baru, negara kita diberi penghormatan dengan tanggungjawab untuk mengendalikan Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 2000 yang dianggotai oleh 16 buah negara. Persidangan itu dianggap pertemuan antarabangsa terbesar yang pernah diadakan di negara ini. Alhamdulillah dengan berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita mampu mengendalikannya dengan lancar dan berjaya.

Baginda selaku raja dan ketua kerajaan yang pemedulian sentiasa memberi perhatian yang berat dan sentiasa memantau perkembangan pelbagai persiapan. Antaranya melalui keberangkatan baginda ke lokasi persidangan sambil menyaksikan pelbagai kemudahan yang disediakan bagi memastikan agar persidangan itu mencapai kejayaan yang diharapkan.

Di samping itu, usaha padu pelbagai pihak sama ada sektor awam dan sek-

tor swasta mahupun orang ramai dari pelbagai lapisan telah turut menyumbang kepada kejayaan itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah sempena ulang tahun hari keputeraan baginda ke-55 menegaskan bahawa peranan negara dalam persi-

Di bawah pimpinan Kebawah DYMM

NEGARA TERUS BERPERANAN DI PERINGKAT SERANTAU, ANTARABANGSA

OLEH ABD. KARIM HAB

dangan dan mesyuarat serantau dan antarabangsa seumpama itu memberi sumbangan besar kepada kestabilan dan kedamaian serantau dan menjadi asas bagi membolehkan projek projek kerjasama di bidang ekonomi dan sosial dijalankan dan dimanfaatkan dengan sebaiknya.

Baginda menambah bahawa peranan sedemikian

itu akan terus dilakukan selaku anggota masyarakat antarabangsa sama ada dalam forum dan kerjasama bersifat serantau mahupun yang bersifat global sesuai dengan kemampuan negara kita.

Melaluinya, tegas baginda, kita juga dapat mempersiapkan negara untuk menghadapi cabaran globalisasi terutama sekali

dari segi meningkatkan keupayaan rakyat dan penduduk untuk sama-sama bersaing di arena antarabangsa. Para usahawan tempatan, umpamanya, melalui persidangan itu berpeluang menjalin rangkaian kerjasama perniagaan dengan rakan-rakan ahli niaga dari negara-negara Asia Pasifik sejajar dengan usaha negara untuk mempelbagaikan ekonomi dan membuka peluang terbaik untuk mereka.

Susulan Persidangan APEC di Bandar Seri Begawan, negara kita sekali lagi memainkan peranan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Beijing, Republik Rakyat China dari 15 Mei hingga 16 Mei 2001 bagi sama-sama memperkerusi Mesyuarat Peringkat Tinggi APEC Mengenai Inisiatif Pembangunan Keupayaan Manusia (HCP). Mesyuarat itu merupakan inisiatif baginda sendiri yang diilhamkan semasa Persidangan APEC 2000 bertujuan meningkatkan pembangunan tenaga manusia dalam APEC di bawah ekonomi baru.

Semasa bertitah di perasmian mesyuarat itu, baginda berharap, agar setiap anggota APEC menghadapi arus perubahan teknologi dengan cara dan tindakan masing-masing, sungguhpun perkara sedemikian bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai. Baginda juga menekankan agar anggota APEC memaksimumkan faedah daripada keuntungan pasaran yang kini terbuka luas dalam perniagaan dan pelaburan.

Menyentuh peranan dalam ASEAN pula, negara kita juga diberi penghormat-

matan bagi mengendalikan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan ASEAN Ke-7 dan Sidang Kemuncak Ketua-ketua Kerajaan ASEAN+3 Ke-5 dalam bulan November 2001.

Semasa persidangan itu, tumpuan banyak diberikan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan keyakinan terhadap ASEAN bagi menghadapi cabaran kemerosotan ekonomi ASEAN di tengah-tengah kelemahan ekonomi dunia.

Di mesyuarat itu, negara kita menawarkan sokongan yang berterusan kepada Forum Pemimpin-pemimpin Belia ASEAN+3. Forum itu akan menemukan para pemimpin belia, ahli akademik dan para pegawai kerajaan dari 13 negara bagi bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu strategik dan politik di rantau ini dan meningkatkan persefahaman yang lebih baik sesama penduduk ASEAN.

Selain isu-isu politik dan ekonomi, negara kita tidak ketinggalan melibatkan diri dalam menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa peperangan dan bencana alam sama ada di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam perkembangan mutakhir misalnya, pendirian rakyat awam Afghanistan menarik simpati rakyat dan penduduk negara termasuk pelbagai institusi di sektor awam dan swasta, institusi pendidikan dan orang perseorangan.

Menurut laporan media, Tabung Kemanusiaan Rakyat Awam Afghanistan berjaya mengumpul lebih \$2.7 juta. Sebanyak \$2 juta dari jumlah itu telah diagihkan kepada pelbagai pertubuhan antarabangsa yang terlibat dalam menangani isu berkenaan iaitu Pertubuhan Persidangan

Negara-negara Islam (OIC) (\$700,000); Pertubuhan Palang Merah Bagi Afghanistan (\$500,000); Suruh-anjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Orang-orang Pelarian (UNHCR) (\$300,000) dan Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (\$500,000).

Tabung itu yang ditubuhkan pada 20 Oktober 2001 adalah atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Di samping inisiatif yang berjaya diungkayahkan itu, pihak-pihak berkenaan dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga bercadang untuk menubuhkan Tabung Kemanusiaan Rakyat Awam Palestin.

Sesungguhnya penglibatan negara kita dalam isu-isu politik, ekonomi dan sosial khususnya kemanusiaan di peringkat serantau dan antarabangsa merupakan salah satu tanggungjawab yang sememangnya perlu kita tanai dan laksanakan sesuai dengan kedudukan kita sebagai sebahagian dari masyarakat antarabangsa.

Kemampuan dalam melaksanakan tanggungjawab itu pula adalah berkat kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan dukungan padu semua pihak sama ada dari sektor awam mahupun sektor swasta serta rakyat dan penduduk negara ini.

Dari muka 5

estetika dan berpegang teguh dengan ajaran agama. Justeru itu, dalam proses komunikasi melalui makna dalam interaksi ini memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu Brunei banyak menggunakan pepatah, peribahasa dan bidalan di dalam berbahasa dan kebudayaan sebagai contoh, pepatah yang berbunyi 'biar mati anak jangan mati adat'. Mungkin pada tahap makna leksikalnya boleh difahami akan maksud setiap leksikal tetapi pada tahap makna konteks mungkin ia berlainan. Dalam tahap makna konteks hendaklah mengetahui atau dirujuk melalui linguistik dan budaya. Ungkapan ini memanglah berbentuk pepatah Melayu bukannya sebagai pernyataan yang sebenar.

Dengan yang demikian, tahap makna kuasa hendaklah difahami apakah tujuan yang diutarakan oleh pihak penutur itu. Sebagai contoh pepatah Melayu 'biar mati anak, jangan mati adat' ini bukannya bermaksud untuk membunuh anak lebih baik daripada membunuh atau menghapuskan adat. Tahap makna kuasa pada pepatah ini ialah membayangkan bahawa masyarakat Melayu memang masyarakat yang mencintai dan mengamalkan keadilan. Biar kesayangan dikorbankan dan terkorban asalkan adat (keadilan, hukum, undang-undang, peraturan dan kepercayaan agama) tetap dipatuhi. Mengorbankan sesuatu yang disayangi itu dilambangkan sebagai 'anak', jika sabit kesalahannya adalah sesuatu yang wajib dilakukan.

KESIMPULAN

Masyarakat Melayu Brunei memang mempunyai nilai berbahasa dan kebudayaan yang sudah lama diamalkan dari dahulu lagi. Amalan berbahasa dan kebudayaan ini masih lagi diamalkan hingga ke hari ini walaupun mengalami kepupusan sedikit demi sedikit yang disebabkan oleh kemajuan teknologi yang semakin canggih sehingga proses komunikasi hanya menggunakan jari-jemari melalui internet (komputer). Impak proses komunikasi jenis moden ini mengurangkan nilai tatap muka berbahasa dan kebudayaan secara bersemuka atau menggunakan pergerakan anggota tubuh badan sebagai bahasa bukan verbal. Sedangkan amalan berbahasa dan kebudayaan masyarakat Melayu Brunei dahulu penuh dengan kesopanan dan budi pekerti.

Jika kita mengamati akan amalan berbahasa dan kebudayaan masyarakat Melayu Brunei melalui proses

komunikasi memperlihatkan bahawa amalan yang diterapkan mempunyai nilai yang tinggi seperti berbudi bahasa, peramah, merendahkan diri, berakhlak, berawar-galat (hormat-menghormati), memucang-mucang, tidak camah mata dan sebagainya. Ini bertujuan untuk menjaga kesejahteraan, keamanan dan keharmonian melalui permuafakatan, rasa tanggungjawab dan rasa perpaduan masyarakat Melayu Brunei. Amalan ini memang sesuai dengan penyerapan ajaran agama Islam yang menjadikan Islam sebagai teras falsafah negara Melayu Islam Beraja untuk mewujudkan pembinaan bangsa dan negara.

BIBLIOGRAFI

- Ensiklopedia Malaysiana, Kuala Lumpur: Anzagain Sdn Bhd, 1996.
- Hashim Haji Abd. Hamid (Dr. Haji), Cerocok Budaya Brunei, Gadong: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, 1999.
- Kamus Bahasa Melayu Brunei, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1991.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 1994.
- Mansor, Ramli & Shawaluddin, Pengantar Komunikasi, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 1984.
- Melayu Islam Beraja Menengah I, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, 1992.
- Melayu Islam Beraja Menengah II, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, 1994.
- Melayu Islam Beraja Menengah III, Negara Brunei Darussalam: Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, 1997.
- Mohd Jamil Al-Sufri (Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji), Adat Resam Orang Brunei.
- Mohd Yusoff Bakar (Haji), Adat Perkahwinan Orang Melayu Brunei Di Mukim Saba, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1989.
- Teo Kok Seong (Prof. Madya Dr.), Nota Kuliah BL 4216 Komunikasi Linguistik II, Universiti Brunei Darussalam, Semester I, Sesi 2001/2002.
- Yura Halim, Adat Mengulum Bahasa, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1993.



KEBERANGKATAN tiba baginda di Jabatan Mufti Kerajaan dijunjung oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



BAGINDA menyaksikan salah satu pameran yang terdapat di Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanul Bolkiah (atas).

BAGINDA merakamkan gambar kenangan bersama para ulama dan pakar pembentangan kertas kerja Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihah (kanan).

BERANGKAT sama di Majlis Perasmian Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihah ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (bawah).



Berangkat rasmi Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Julai.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihah.

Sempena seminar tersebut baginda juga telah berkenan me-

lancarkan simbol 'Jangan Merokok'.

Seminar selama empat hari yang melibatkan peserta dari 17 buah negara dijangka akan menumpukan perbincangan kepada permasalahan tembakau dan rokok dari perspektif agama Islam yang berlangsung di Bangunan Darulifta di sini.

Berangkat sama di majlis

perasmian itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuri Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Keberangkatan tiba baginda ke majlis itu telah dijunjung oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz selaku Pengerusi Jawatankuasa Indung Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihah beserta ahli-ahli jawatankuasa yang lain.

Majlis bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang dibacakan oleh penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah, Awang Khairulzaman bin Haji Salleh dengan menggunakan braille.

Sejurus selepas perasmian, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berkenan berangkat memprebiu Pameran Khas yang bertemakan 'Kepimpinan Raja Dalam Hal Ehwal Al-Quran'.

Pameran selama 10 hari itu sempena pembukaan semula Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanul Bolkiah kepada orang ramai.

Selain manuskrip Nusantara milik baginda, juga terkandung di dalam



BAGINDA berkenan menurunkan tandatangan sempena pembukaan rasmi Pameran Khas yang bertemakan 'Kepimpinan Raja Dalam Hal Ehwal Al-Quran'.



BEBERAPA buah gambar menarik yang dipamerkan juga menjadi perhatian baginda.

Rokok atau Sihat

ialah
Mushaf
Othman
yang di-
muzium

disalin
jelmaan
Mushaf
an yang
rupakan
la-mula
dunia
an di
hingga
aan 650

yang di-
dunia itu
di Pusat
Uzbe-

baginda
erkenan
rebiu pa-
Seminar
engenai
at yang
memberi
faat ke-
an pen-
ini.

erangkat
ajlis ba-
mene-
dan jun-
daripada
nbentang
Seminar
engenai

Liputan Haji Ahat HI, Abu Bakar HAR dan Samle HJ
Gambar-gambar oleh Pg. Haji Bahar PHO
Ramli Tengah, Pengiran Rafee PDPHM
dan Mohd. Zul-Izzi HD



BAGINDA melafazkan titah ketika merasmikan Seminar Antarabangsa Mengenai Rokok atau Sihat. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkliah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim (atas).

BAGINDA ketika mengunjungi salah satu bahagian mengenai kesihatan (kiri).

BAGINDA merasmikan Pameran Khas yang bertemakan 'Kepimpinan Raja Dalam Hal Ehwal Al-Quran' (bawah kiri).



BAGINDA mengunjungi beberapa ketika bahagian pameran yang terdapat di Jabatan Mufti Kerajaan (atas).

BAGINDA ketika menyaksikan secara dekat bahan pameran oleh Kementerian Kesihatan (kiri).


DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkliah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkliah berangkat menyaksikan pameran (bawah).



aman bin Haji Salleh memperdengarkan menggunakan braille (bawah).



BAGINDA menyaksikan data mengenai kesihatan melalui komputer yang turut sama dipamerkan.



Projek pembaikan jalan raya di Mukim Sengkurong, Kilanas

OBJEKTIF

JALAN raya pada masa ini sedang melaksanakan kerja-kerja pembaikan jalan raya di kawasan rendah dan yang selalu berlaku banjir yang mana mengakibatkan asas struktur jalan raya yang sedia ada menjadi tidak kukuh. Projek ini sedang dilaksanakan di sepanjang jalan Ban 3 A, Ban 3 dan sebahagian jalan Ban 1. (Seperti pelan kanan) kerja-kerja tersebut dijangka akan siap pada penghujung Julai 2002.

Dalam projek pembaikan ini, struktur lapisan batu jalan akan dicampur dengan bahan-bahan kimia yang akan meningkatkan lagi kekukuhan jalan raya berkenaan. Bahan-bahan kimia ini bertindak sebagai ejen kedap air dan juga ianya dapat menyatukan tanah-tanah lembap yang ada seterusnya mempertamatkannya.

Cara ini merupakan teknik terbaru yang dijalankan oleh Jabatan Jalan Raya bagi program pembaikan jalan-jalan di kawasan rendah dan selalu berlaku banjir. Jabatan Jalan Raya akan sentiasa mengawasi keadaan jalan-jalan tersebut setelah ianya siap dibaiki dari masa ke semasa. Jika teknik pembaikan jalan raya ini telah terbukti berjaya, maka ianya akan digunakan kepada jalan-jalan di


Berita dan gambar-gambar sumbangan Jabatan Jalan Raya

kawasan rendah yang mempunyai keadaan struktur tanah yang sama.

KESELAMATAN DAN ALAM SEKITAR

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya akan dapat memandu berhati-hati apabila melalui jalan-jalan yang tersebut di atas dan sentiasa mengikut tanda-tanda lalu lintas yang dipasang di kawasan berkenaan. Kerja-kerja pembaikannya akan mengakibatkan keadaan jalan raya menjadi berdebu dan menimbulkan ketidakselesaan terutama semasa kerja-kerja 'chemical stabilisation process' dijalankan.

Sehubungan dengan itu, jabatan berkenaan ingin mendapatkan kerjasama daripada orang ramai supaya akan dapat bersabar dan juga memohon maaf di atas ketidakselesaan yang dihadapi. Orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Jalan Raya bagi apa-apa jua pandangan melalui talian 02 - 382385, e-mel : dorpdw@brunet.bn atau melalui faks nombor : 383387.



JALAN BAN 1 sebelum : Keadaan jalan raya yang telah rosak.



JALAN BAN 3 sebelum : Keadaan jalan raya yang telah rosak.



SEKARANG : Pembaikan jalan raya sedang dalam pelaksanaan.



SEKARANG : Pembaikan jalan raya sedang dalam pelaksanaan.

SETEM KENANG-KENANGAN / COMMEMORATIVE STAMP

Jubli Emas Jabatan Ukur Golden Jubilee

1 AUGUST 2002

Nama Keluaran/Name of Issue: **COMMEMORATIVE STAMP FOR 50TH ANNIVERSARY (GOLDEN JUBILEE) OF SURVEY DEPARTMENT**

Tarikh Pengeluaran/Date of Issue: **1 AUGUST 2002**

Nama Perompinan: **50 CENTS X 3 STAMPS (SE-TENANT)**

Perakapentuk/Designer: **SITI ZALEHA HAJI KAPRAWI**

Pencetak/Printer: **SECURITY PRINTERS (M) SDN BHD, MALAYSIA**

Ukuran Setem/Size of Stamps: **44.45mm X 27.94mm**

Proses Percetakan/Printing Process: **OFFSET LITHOGRAPHY**

Petiubangan/Perforation: **14 PER 2 CM**

Kertas/Paper: **UNWATERMARK STAMP PAPER PHOSPHUR COATED 102 GSM**

Rencana/Texts: **SURVEY DEPARTMENT,**



جابتن فرخدمتن قوس

POSTAL SERVICES DEPARTMENT, MINISTRY OF COMMUNICATIONS,
BRUNEI DARUSSALAM

SAMPUL SURAT RASMI HARI PERTAMA TANPA SETEM BOLEH DIDAPATI DI SEMUA PEJABAT-PEJABAT POS
THE OFFICIAL FIRST DAY COVERS WITHOUT STAMP MAY BE OBTAINABLE FROM ALL POST OFFICES

UNTUK KETERANGAN LANJUT ATAU MEMBUAT TEMPAHAN AWAL SILA HUBUNGI UNIT FILATELIK, PEJABAT BESAR POS BANDAR SERI BEGAWAN
FOR FURTHER INFORMATION OR TO MAKE ADVANCE ORDER PLEASE CONTACT PHILATELIC UNIT AT GENERAL POST OFFICE, BANDAR SERI BEGAWAN

TEL:02-222955 ATAU FAX:02-243955

A ZAN Maghrib kedengaran berkumandang di corong radio. Bulan dan bintang menghiasi dinding kelam malam yang dirasakan begitu damai dan tenang.

"Hei! Perempuan sundal. Berapa kali sudah aku dah cakap jangan datang ke rumah ini lagi. Aku tak suka melihat perempuan yang tidak diketahui asal keturunannya. Faham!" bentak Rosni dengan rasa benci.

"Kak! Tak baik kakak cakap pada Salmah macam tu. Saya tak buat perkara itu percayalah," kata Salmah menyayu.

"Cukup Salmah! Abang tak mahu dengar lagi kata-kata dari mulutmu. Sekarang dengan perintah kau ke luar dari sini. Aku tak mahu melihat seekor ular betina berbisik bersarang di rumah ini," kata Azlan lalu membuka pintu rumahnya.

"Abang! Sampai hati abang cakap pada Sal macam itu. Abang! usah dengar kata orang kalau kita tidak tahu ujung pangkalnya. Sepatutnya abang selidik dahulu, jangan buruk sangka," kata Salmah isteri Azlan yang kedua.

"Sudah! Abang tak mahu dengar lagi. Sekarang lebih baik kau pergi sebelum aku heret kau ke luar, cepati," kata Azlan naik berang.

"Baiklah tapi sebelum Sal pergi, halalkan makan minum Sal dan dari hari ini juga Sal berjanji tidak akan menjejaskan kaki di rumah ini walaupun apa yang terjadi," kata Salmah tenang.

"Hei!! Perempuan jalang. Kan abang Azlan sudah pesan pergi dari sini pergilah, buat apa tunggu lagi," kata Rosni sambil menolak kepala Salmah.

Dengan rasa marah serta hilang pertimbangan Azlan dengan kasar menarik tangan Salmah lalu mengheret ke muka pintu sehingga menyebabkan dahi Salmah terhantuk dan darah kelihatan keluar mengalir di wajah Salmah. Rosni pula dengan rasa benci menolak Salmah hingga terjatuh kemudian menutup dan menghempaskan pintu pula.


Lamunan Salmah terganggu apabila Faizal memanggilnya. Faizal anak tunggal Azlan hasil perkongsiannya dengan Rosni isterinya yang tua tinggal di rumah Salmah sejak Faizal berumur enam belas tahun kerana ibu bapa Faizal sentiasa sibuk dengan tugas mereka dan jarang pula ada di rumah.

"Mak menangis?" tanya Faizal perlahan.

"Tiada apa-apa. Cuma Mak teringatkan peristiwa setahun yang lalu masih berlegar di ingatan mak," sahut Salmah sambil menyapu titisan air matanya.

"Sudahlah mak tiada gunanya diingat. Mak sudah diusir dari rumah itu. Ayah pun satu sesedap hatinya dengar cakap emak yang cemburu itu.

AIR MATA PERPISAHAN



Tak sepatutnya mereka buat pada mak macam tu...sungguh kejam," kata Faizal geram.

"Biarkanlah Zal. Ini satu dugaan buat mak. Kita berdoa saja semoga mereka akan insaf satu hari nanti," kata Salmah.

"Tapi mak! Zal tak sanggup melihat mak dimaki hamun begitu pada hal perkara itu tidak benar. Ini adalah fitnah," balas Faizal lagi.

"Zal! Sudahlah nak mak nak sembahyang nanti habis waktu pulak," kata Salmah lalu berlalu dari sana.

"Saya kagum ketabahan dan kesabaran mak. Bukan macam ayah dan emak yang buruk sangka dan tiada perikemanusiaan," kata Faizal.

"Zal! yang sudah tu sudahlah, tak baik Zal cakap pada mereka macam tu," kata Salmah menyalah.

"Hah mak! Zal ada berita yang nak disampaikan pada mak," kata Faizal beralih ke topik lain.

"Apa dia?" tanya Salmah hairan.

"Zal telah diterima bekerja di jabatan kerajaan," beritahu Faizal.

"Syukur alhamdulillah...ayah dan emak Zal dah beritahu?" Tanya Salmah pula.

"Belum," kata Faizal menggeleng perlahan.

"Ingatlah Zal! bila sudah bekerja jangan lupa budi kedua ibu bapa yang bersusah payah membesarkan

kan kita sedari kecil hingga dewasa. Satu lagi pesan mak kalau sudah berpangkat tinggi tidak kira apa jua jawatan, janganlah hendaknya pangkat jadi kebanggaan serta jangan bersikap sombong dan lupa diri...ingatlah asal kita dari mana dahulu sebelumnya," pesan Salmah mengharap.

"Insya-Allah mak! Ini pun berkat pertolongan dan galakan mak kalau tidak tiada peluanglah Zal nak dapat kerja ini ... terima kasih mak!" kata Faizal sambil mencium tangan Salmah lalu meluknya.

Empat tahun sudah berlalu kini Faizal sudah menjangkau usia ke-25 tahun. Dan berkat dari kegigihan usahanya Faizal kini dia naikan pangkat lebih tinggi dari jawatan sebelumnya.

"Faizal! ada pesanan untukmu," panggil salah seorang kerani.

"Pesanan dari siapa?" Sahut Faizal.

"Perempuan! Juliana namanya. Nah ini dia pesannya dan dia minta dihubungi balik," tambah kerani itu lagi.

"Juliana?" Bisik Faizal hairan kerana sebelum ini dia belum mengenali nama itu.

Faizal membelek jam tangannya yang sudah pun hampir menunjukkan pukul empat setengah. Mesyuarat sudah pun selesai, Faizal masuk ke biliknya lalu mencuba untuk menelefon gadis yang bernama Juliana namun tiada

jawapan. Di luar hujan turun renyai-renyai, Faizal mengemas mejanya yang berselerak lalu mengunci pintu dan segera balik.

"Mak! Zal ada berita yang sangat gembira hari ini," beritahu Faizal yang baru balik dari pejabatnya lalu menghampiri Salmah yang sedang duduk.

"Apa dia?" Tanya Salmah ingin tahu.

"Zal sudah naik pangkat mulai hari ini. Dan sekarang Zal sudah bergaji besar," beritahu Zal.

"Iya ke Zal! Syukur alhamdulillah. Tapi ingat jangan lupa bersedekah," pesan Salmah mengingatkan.

"Zal ingat mak!" balas Faizal pendek.

"Zal! ingat pesanan mak ini. Jika Zal diberi tugas yang diamanahkan kepada Zal janganlah disuruh orang lain pula untuk menyelesaikannya. Kita punya fikiran dan masing-masing menjalankan tugas serta tanggungjawab dalam kerja. Dan

OLEH NUR AQESH

jangan sewenang-wenangnya membuat keputusan yang tidak sepatutnya kepada orang bawahan. Fikirlah dahulu sebelum bertindak," pesan Salmah kepada Faizal.

"Zal ingat semua itu mak! ... o.k ... Zal nak pergi mandi dulu," kata Faizal sambil berdiri.

"Zal! tadi ada perempuan telefon kau. Juliana namanya. Girlfriend Zal ke?" beritahu Salmah.

"Emak ni ada-ada saja. Manalah Zal ada girlfriend lagipun Zal tak kenal nama tu sebelum ni," kata Faizal.

"Eh! takkan tak kenal. Nombor telefon dan nama Faizal macam mana dia tahu pulak?" Tanya Salmah hairan.

"Entahlah mak! Sekarang ni macam-macam kerana orang. Hmm ... Zal sendiri pun tak tahu dari siapa dia tahu nama Zal dan dari mana dia dapat nombor telefon

rumah ini. Ahh ... sudahlah usah difikirkan," kata Faizal lalu masuk ke bilik.

"Hemm...pelik," kata Salmah sambil menggelengkan kepalanya.

Jam menunjukkan pukul sepuluh malam. Kedengaran bunyi telefon berdering. Faizal kebetulan menonton t.v. mengangkat gagang telefon. Tidak lama selepas itu, Faizal meminta izin keluar dari emaknya kerana kawan rapatnya Zainal samanya sekolah dulu memberitahu keretanya rosak dekat pantai.

Sampainya Faizal ke tempat di mana kereta milik Zainal berada, alangkah terkejutnya dia apabila Zainal bersama seorang gadis jelita sedang menunggu.

"Zal! kenalkan ini Juliana teman sekerjaku," kata Zainal memperkenalkan.

"Juliana?" Kata Faizal sambil memerhatikan

wajah Juliana dan baru ia teringat kisahnyanya sewaktu di sekolah lapan tahun yang lalu. Tetapi sekarang wajah Juliana sudah berbeza dari sebelumnya.

"Hai! Apa khabar? Masih ingat lagi," sapu gadis itu lembut.

"Baik," sahut Faizal sambil tersenyum malu.

"Eh! Nal...kau kata tadi kereta kau rosak," bisik Faizal sambil menarik tangan Zainal ke arah lain supaya tidak mendengar oleh Juliana.

"Memang rosak tapi dah o.k. dah sebab baru sebentar tadi ada orang yang tolong sebelum kau datang. Aku cuba hubungi kau tadi tapi emak kau beritahu kau dah keluar," kata Zainal segera mengambil telefon bimbitnya yang berbunyi itu.

"Juliana maafkan aku. Aku terpaksa pergi ke hospital kerana emak aku sedang sakit," beritahu Zainal cemas.

"Bagaimana dengan aku," kata Juliana risau.

"Zal! sebagai seorang sahabat hanya kau yang boleh bantu aku. Kau tolong hantarkan Juliana ke airport, sebab aku dah lambat ni lagi pula rumah sakit tu jauh," rayu Zainal.

"Tapi Nal."

"Zal! aku dah tak ada masa lagi nak layan kau. Aku mohon bantuan kau

Lihat muka 13



PUISI

DEGUP JANTUNG

merosak wajah kehidupan.

Membisikkan kerinduan
mencari-Mu entah di mana
yang lama terpisah
mencari cahaya hidayah
degupan demi degupan
menyebut nama-Mu yang suci
sambil bertasbih dan bertahlil
menyuci dosa dan noda
mengharap keampunan
dari-Mu Tuhan.

JIWA MERDEKA

Anak peribumi
kita bangsa merdeka
bangun, bangun dari lenamu
mendirilah bangunkan minda
ucapkan terima kasih
kepada bapak kemerdekaan kita.

Angin kini angin merdeka
tanah kini tanah merdeka
bangunlah watan bangsa
apa lagi hendak dikata
semuanya telah tersedia
kemerdekaan ini perlu diisi semuanya.

Perlu apa lagi?
tunggu apa lagi?
wadah di hadapan mesti ditegakkan
kemerdekaan ini kita punya
jiwa kita jiwa merdeka
minda kita minda merdeka
gerak laku gerak merdeka
tutur-tutur kata merdeka
sifat dan santun merdeka.

Aduhai anak bangsa
dadah syabu narkotik bukan jalannya
akhlak mulia punya wawasan minda
terbuka
berinovasi dan punya ketrampilan
tinggi
sumbang ikhlas dalam mengisi
kemerdekaan kita.

Tegak kita di arena antarabangsa
melaungkan slogan globalisasi dunia
mencapai dengan calak kita
harapan negara di tangan anak
bangsa merdeka.

Helmi Halim

HITAM

Sifat munafik pun
tertanam
sudah rukun Islam
terbenam
cahaya hidup
hitam
kegelisahan
mencengkam
erti hidup
mati
erti mati
apa lagi.

ROSAK

Tahu apa yang dilaku
di dalam suka
berbuat dosa
perbuatan tak sopan
di luar batas kemanusiaan
dan gagal mengawal nafsu

TAK HENTI

Godaan hawa nafsu nafsi
tak tertolakkan lagi
menodai
kenyamanan dirasa
kudamba
tak henti
ku dinodai
hawa nafsu nafsi
menzinahi
mencabuli
semua erti.

Apandi Haji Ali

BENARLAH

Benarlah ...
hidup yang tida pegangan
terasa diri keterasingan
tak keruan!
alpa dan tidak tahu
ke mana mahu dituju.

Benarlah ...
jika yang sah
digantikan dengan yang batil
selamanya kau kehilangan punca
kecewa
dan menderita
segalanya jadi tidak bererti
di sini!

Benarlah ...
di kiri kanan perjalanan ini
banyak simpangnya
labuhkanlah cintamu anak Adam
dan jejakilah
jalan hakiki mengenal diri
menenal yang bahri
Tuhanku
Tuhanmu.

Rahim M.S

RENUNGKANLAH

Bukannya membenci
sekadar mengharapkan
keinsafan darimu
agar kau menyedari
kesilapanmu.

Bukannya marah
tetapi menasihati
dirimu yang penuh
dengan keasyikkan duniawi.

Kegembiraan yang kau
nikmati sekarang
tidak bermakna kau
bakal bergembira di akhirat kelak.

Menangis dahulu dan ketawa
kemudian
adalah lebih baik daripada
ketawa dahulu dan ketawa kemudian.

KESEJAHTERAAN HIDUP

Bersatu padu
hidup bermuafakat
pengerat silaturahim
kesejahteraan sesama insan.

Hidup bermuafakat
penyelesai segala kerumitan
jatuh bangun berpinpin bersama
penawar dari perselisihan.

Mohammad bin Ismail

Dari muka 12

di saat begini," mohon
Zainal lagi.

"Hemm...baiklah,"
sahut Faizal mengeluh.

"Terima kasih Zal.
Juliana aku pergi dulu
ya!" Kata Zainal lalu ber-
edar dari situ.

Dengan tidak dike-
tahui oleh Faizal rupa-
rupanya Zainal dan
Juliana ada menyimpan
niat jahat terhadap Faizal
kerana dendam. Zainal
ingin melampiaskan den-
damnya pada Faizal ke-
rana sikap Faizal yang ke-
terlaluan dan menyeng-
gung perasaannya. Juliana
pula ingin membalas den-
damnya terhadap Faizal
kerana waktu sekolah
dulu Juliana ada mengata-
kan hasratnya ingin ber-
kawan dengan Faizal te-
tapi hinaan pula yang di-
lemparkan pada Juliana
kerana Juliana anak orang
miskin dan hodoh.

"Faizal! Aku nak
cakup sesuatu dengan
kau," kata Juliana sambil
membelai rambutnya.

"Ya! Apa dia?" Tanya
Faizal lalu menoleh ke
arah Juliana dan menjem-
putnya masuk ke dalam
kereta.

Helah Juliana menga-
jak Faizal berbual dalam
kereta itu akhirnya ber-
jaya. Niatnya yang selama
ini dipendamnya telah ter-
capai jua. Mereka di-
tangkap berdua-dua dalam
kereta oleh pihak
berkuasa pencegah mak-
siat. Berita Faizal ditang-
kap khalwat tersebar se-
hingga sampai ke telinga
ayah dan emaknya.

"Faizal! Faizal!"
panggil Rosni emak
Faizal dengan lantang dari
luar rumah Salmah se-
hingga didengar oleh
Salmah dan Faizal.

"Mak," sahut Faizal
keluar.

"Anak tak mengenang
budi. Dari kecil aku besar-
kan kau, aku beri kau pen-
didikan dan inikah pula
balasannya pada ayah dan
emak kau hah!" Teriak
Azlan lalu melabuh tam-
paran ke pipi Faizal.

"Maafkan Zal ayah ...
emak. Zal tak sengaja, ini
rancangan niat jahat orang
pada Zal," beritahu
Faizal.

"Maafkanlah dia. Dia
tak bersalah dalam hal ini
dia tak tahu-menahu,"
kata Salmah menyabar-
kan.

"Ahh! Sudah! Aku tak
mahu dengar alasanmu.
Gara-gara kau jadi begini. Kau me-
mang tak pandai menjaga

anak. Faizal! Mari kita
balik ini bukan tempatmu
ini rumah sial," sindir
Rosni.

"Makk! Tak patut mak
cakup macam tu. Kalau
tidak kerana dia Zal be-
lum mendapat kerja dan
Zal selesa dapat perindu-
ngan di sini," kata Faizal.

"Perlindungan kau
kata. Heh! Zal dengar kata
ayah ini, perempuan inilah
yang tak mengenal suami-
nya di rumah tapi menge-
nal mangsanya di luar
rumah. Dasar perempuan
tak bermaruah. Hei!
Salmah! Kau dengar sini,
mulai hari ini aku tak
mahu tengok muka kau
lagi. Dan mulai hari ini
juga aku ceraikan kau,
faham!" Kata Azlan lan-
tang.

"Ayah!! Sampai hati
ayah cakap begitu. Dia
kan isteri ayah juga,"
balas Faizal geram.

"Zal! Mari kita balik
tiada gunanya berdiri di
sini lagi," kata Rosni
sambil menarik tangan
Faizal.

"Zal tak mahu pergi
dari sini biarlah Zal ting-
gal di sini," kata Faizal
mengelak.

"Zal! pergilah. Mereka
lebih berhak menjaga Zal.
Mereka kan ayah dan
emak kandung Zal, biar-
kanlah mak seorang di
sini," rayu Salmah tabah.

"Zal! Tunggu apa lagi
cepat balik," panggil
Azlan garang.

"Maafkan Zal mak.
Zal terpaksa pergi. Zal
akan datang jumpa mak
lagi," bisik Faizal sambil
mencium tangan Salmah
lalu memeluknya. Ke-
lihatan mata Faizal berge-
nang merah kerana sedih
mengenangkan Salmah
ibu yang mengasuhnya se-
lama sepuluh tahun. Sejak
Azlan menikahi Salmah
sepuluh tahun yang lalu
Salmah tiada dikurniakan
anak dan pada Salmahlah
tempat Faizal mengadu
sehingga Faizal berumur
dua puluh lima tahun
sekarang. Kedua ibu bapa
Faizal pula sentiasa sibuk
dengan perniagaan me-
reka setiap hari sehingga
Faizal terabai.

Ayam berkokok me-
nandakan hari menjelang
siang. Kedengaran sayup
suara azan Subuh me-
laung dari arah masjid di
hujung sana. Dalam sem-
bahyang Salmah tak putus
berdoa semoga dirinya
tabah menghadapi apa jua
rintangan yang dihadapinya.
Bila teringat akan
kisahnya itu akan terlihat-
lah air matanya jatuh
membasahi wajahnya.

Hari ini bakal berlang-
sung majlis perkahwinan

Faizal dengan gadis yang
bernama Juliana. Ibu bapa
Faizal berasa malu di atas
kes anak mereka itu, jadi
untuk mengelaknya me-
reka segera mengawinkan
Faizal dengan alasan
Faizal dihantar berkursus
di luar negeri. Lagi pula
bulan depan Ramadan
akan menjelang tiba.

Cuaca muram tetapi
tiada tandanya hujan hen-
dak turun. Begitu juga
dengan wajah Faizal yang
kelihatan suram seolah
tidak menyetujui persan-
dingannya bersama
Juliana. Namun apakan
daya ini adalah keputusan
dan kehendak ibu bapanya
yang memaksanya untuk
berkahwin. Kelihatan
mata Faizal berair kerana
sedih yang amat sangat
apabila terkenangkan
nasib dirinya ditambah
pula mengenangkan
emaknya Salmah.

Sebulan sudah berlalu
dan kini masuklah minggu
yang kedua umat Islam
menunaikan ibadah puasa.
Hari demi hari Salmah
menunggu kehadiran
Faizal namun wajah
Faizal tiada kelihatan ber-
kunjung ke rumah Salmah
apatah lagi khabar berita-
nya. Jiran sebelah rumah
Salmah yang baru balik
dari hospital melawat ke-
luarganya datang mem-
beritahu kepada Salmah
bahawa kedua ibu bapa
Faizal serta menantunya
Juliana mengalami ke-
malangan kereta yang
teruk. Tambah pilu lagi
isteri Faizal Juliana di-
sahkan meninggal dunia
semasa dalam perjalanan
ke rumah sakit. Ayah
Faizal pula dikatakan
patah kedua-dua belah
kaki, sementara emak
Faizal mengalami hilang
penglihatan kedua-dua
belah matanya. Alangkah
terkejutnya Salmah ke-
rana tragedi yang menyed-
ihkan itu. Salmah memo-
hon kepada Tuhan agar
melindungi Azlan dan
Rosni semoga mereka
tabah dengan penderitaan
mereka itu.

Hari raya menjelang
tiba. Anak bulan Syawal
akan diumumkan pada
malam ini. Salmah akan
bertolak meninggalkan
negeri ini dan tidak akan
kembali lagi. Baginya
pahit manis yang dilalui-
nya adalah dugaan.

"Mak! Zal datang,"
panggil Faizal pada
Salmah yang kelihatan ke-
luar dari rumahnya.

"Faizal! Kenapa baru
hari ini kau datang di saat
mak nak pergi," kata
Salmah.

"Mak nak ke mana?"
tanya Faizal hairan.

"Mak nak pergi dari
sini dan takkan kembali
lagi," beritahu Salmah
tenang.

"Jangan tinggalkan Zal
mak! Zal rindukan mak.
Maafkan Zal kerana tidak
menjengok mak selama
ini kerana..." kata Faizal
terputus.

"Sudah... cukup Zal...

mak tak mahu dengar pen-
jelasanmu lagi. Mak dah
tahu segala ceritamu tak
usah kau nak sembunyi-
kan dari mak. Memang
ragam manusia lupa diri
bila sudah berpangkat dan
akhirnya baru kini kau
nak datang setelah hampir
dua bulan emak merindui
dan mencarimu," kata
Salmah sambil menyapu
air matanya.

"Maafkan Zal mak ...
Zal mengaku Zal bersalah
tapi ini semua kerana
desakan ayah dan emak
Zal," beritahu Faizal.

"Zal! Kau diberi fikir-
an untuk berfikir. Jangan
salahkan ayah dan emak
dalam perkara ini kerana
segala keputusan terserah
di tanganmu. Kau dah
besar dan mampu ber-
dikari sendiri. Zal! Mak
pergi dulu ke tempat asal
mak yang aman lagi
damai di sana tiada orang
mengganggu. Selamat
tinggal Zal!" kata Salmah
sedih.

"Mak! Kalau mak
pergi Zal berasa asing ke-
seorangan di sini tanpa
mak, Zal akan kehilangan
mak," rayu Faizal.

"Baru sekarang kau
rindukan dan kehilangan
mak setelah hampir dua
bulan lamanya kau tak
datang. Kau tak tahu
bagaimana pula perasaan
mak yang sentiasa me-
rindumu," kata Salmah.

"Ayah sudah lumpuh
dan emak pula buta ke-
dua-dua belah mata diseb-
babkan kemalangan ke-
reta. Dan Juliana pula me-
ninggal dunia," beritahu
Faizal dengan sayu.

"Oh! Kenapa baru
sekarang kau sedar nak
beritahu. Jadi kau datang
kemari sekadar untuk
mengumumkan saja. Zal!
Mak dah tahu semua yang
terjadi tak usah kau nak
cerita lagi. Zal! Mak nak
pergi sekarang, jaga diri
baik-baik," kata Salmah
meluru ke kereta jiran se-
belahnya yang sedang me-
nunggunya membawa ke
lapangan terbang.

"Mak! Tunggu!
Ampunkan segala dosa-
dosa Zal dan halalkan
makan minum Zal. Dan
bersempena hari baik ini
Zal ucapkan selamat hari
raya," kata Faizal sambil
mencium tangan Salmah.

"Mak pun begitu juga
Zal. Jagalah ibu bapa Zal
baik-baik. Tabahkan hati-
mu," pesan Salmah lalu
memeluk Faizal dan me-
cium dahi Faizal dengan
mesra sambil mengusap
air matanya yang bertitis-
an.

Tinggallah Faizal se-
orang diri ditemani ke-
sedihannya yang tak ter-
hingga sambil menyaksi-
kan kepergian Salmah
emaknya yang dikasi-
hinya itu. Pulanglah
Salmah ke pangkuan ne-
geri asalnya Sabah. Kini
terpisahlah Faizal dari
Salmah yang takkan kem-
bali lagi menemuinya.

"MAAFKANLAH dia. Dia tak bersalah
dalam hal ini dia tak tahu-menahu,"
kata Salmah menyabarkan.



برساتر برساتر برساتر
Rajawati Television Brunei

سوسون رنچاغن تیلیشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menakar mana-mana
jua rancangan

R A B U 17 JULAI	PAGI		PETANG	6.45	SURAH NABAWIYAH	9.25	SEMINAR EKSPLO ISLAM ANTARABANGSA
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	4.00 LAGU KEBANGSAAN	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.02 MUTIARA FIRMAN	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	ISTIADAT MENGADAP DAN MENGURNIAKAN BINTANG- BINTANG KEBESARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BALAI SINGGAHSANA ISTANA NURUL IMAN
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.10 SUSUNAN RANCANGAN	7.25	MASAKAN KAMPUNG KE KAMPUNG	12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.00	BERITA	4.25 RIMBA'S ISLAND	7.52	AZAN ISYAK		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	5.00 JUARA - Siaran Langsung	8.00	BERITA NASIONAL		
	10.00	SIARAN TAMAT	5.35 FILLER	8.50	DOKUMENTARI HARI KEPUTERAAN		
K H A M I S 18 JULAI	PAGI		10.00	SIARAN TAMAT	7.52	AZAN ISYAK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	PETANG	5.15	DOKUMENTARI - LIFE FORCE	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.02 MUTIARA FIRMAN	6.38	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	4.10 SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATHS	10.30	DOKUMENTARI HARI KEPUTERAAN
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.25 ANIMATION HOUR: LITTLE MOUSE ON THE PRAIRE/	MALAM		11.00	WAYANG PILIHAN - 'Fierce Creatures'
				7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
J U M A A T 19 JULAI	PAGI			7.25	WARTA ISLAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	Suku Akhir Pertama	2.30	DINAMIK - Siaran Langsung	7.00	LIPUTAN SEMASA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.15 HAIWAN BELAIAH	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI- 'Dil Hi Dil Mein'	7.20	GEMAR 8
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30 BERITA	3.52	AZAN ASAR	7.52	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA	11.40 JEJAK RASUL - Ulangan	3.57	TAYANGAN GAMBAR HINDI - (Sambungan)	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.15 DISCOVER ISLAM	5.45	BERITA	9.00	DOKUMENTARI HARI KEPUTERAAN
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung	6.00	SYIAR MASJID	9.30	GESUNDHEIT
S A B T U 20 JULAI	PAGI		PETANG	6.38	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	1.30 VISI SUCI	6.45	AN NAZHAFAH	10.40	KHUTBAH JUMAAT
	6.02	MUTIARA FIRMAN	2.00 SUKAN ANTARABANGSA			10.55	TELEDrama - 'Aida Azrina'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung				12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.00	BERITA					
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan					
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN					
A H A D 21 JULAI	PAGI						
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00 Toons			6.45	DARI MAHKAMAH KADI
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30 TOTALLY AWESOME	2.45	'Anne Of Green Gable : The Continuing Sequel'	MALAM	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40 BERITA	3.15	KAMPUNG KITA - Ulangan	7.00	DUNIA ASIA
	9.00	BERITA	12.28 DRAMA - Titik Cahaya - Ulangan	3.52	LADY COP	7.25	MONUMEN
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.32 AZAN ZUHUR	4.15	AZAN ASAR	7.52	AZAN ISYAK
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.32 DOKUMENTARI TEMPATAN - MOU SERUMPUN - Sarawak Bermukun	4.45	ABOVE AND BEYOND	8.00	BERITA NASIONAL
I S N I N 22 JULAI	PAGI		PETANG	5.45	ANIMATION HOUR: Double Dragon/The Why Why Family	8.50	EXPLOMATHS - Semi Final II
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	1.15 PANGGUNG PETANG SABTU -	5.55	BERITA	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN		6.38	UNEARTHED - Ulangan	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Daylight'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung			AZAN MAGHRIB	12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT
	9.00	BERITA					
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan					
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN					
S E L A S A 23 JULAI	PAGI						
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15 KLIK! KLIK! KLIK!	2.50	PERTUKARAN RANCANGAN RTB/STV 12	7.00	SEJUTA MAKNA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30 BERITA	3.51	AZAN ASAR	7.52	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40 SUNDAY MATINEE - 'The Adventures Of Captain Zoom In Outer Space'	4.00	ANIMATION HOUR: Tom And Jerry Kids Ill/Professor Thompson	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	12.28 AZAN ZUHUR	5.00	JUARA - Siaran Langsung	8.50	AUTOMOBILE - Siri Baru
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan		5.35	LALUAN SUTERA	9.25	TIRAI KELUARGA - 'Hang Tuah'
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN		5.45	BERITA	10.00	NEWS AT 10
S E L A S A 23 JULAI	PAGI			6.00	DISAPPEARING FRONTIER	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN		6.38	AZAN MAGHRIB	11.00	BEYOND CHANCE
	6.02	MUTIARA FIRMAN				11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung					
	9.00	BERITA					
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan					
	10.00	SIARAN TAMAT					
S E L A S A 23 JULAI	PAGI						
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	4.00 LAGU KEBANGSAAN	6.38	AZAN MAGHRIB	7.52	AZAN ISYAK
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.02 MUTIARA FIRMAN	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.10 SUSUNAN RANCANGAN	MALAM		8.50	AGENDA
	9.00	BERITA	4.15 ANIMATION HOUR: Dragon Tales	7.00	LIPUTAN SEMASA	9.25	INSTITUSI KEWANGAN ISLAM
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	5.00 NATURAL HISTORY - 'Forbidden Depths' Pt. II	7.15	MENU JENAKA	10.00	NEWS AT 10
	10.00	SIARAN TAMAT	5.45 BERITA	7.25	AZAN ISYAK	10.30	THE X-FILES - 'John Doe'
S E L A S A 23 JULAI	PAGI					11.15	FIRE
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN				12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
	6.02	MUTIARA FIRMAN					
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung					
	9.00	BERITA					
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan					
	10.00	SIARAN TAMAT					

GADONG, 4 Julai. - Penduduk Negara Brunei Darussalam tahun 2001 ialah seramai 332,844 orang menurut banci yang dijalankan pada 21 Ogos 2001. Jumlah itu meningkat seramai 72,362 orang dari banci 1991 iaitu 260,482 orang.

Pemangku Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Awang Haji Kamis bin Haji Tamin menjelaskan perkara itu dalam sidang akhbar mengenai laporan awal banci penduduk dan perumahan 2001.

Katanya, pada malam banci itu, 168,925 orang atau 50.8 peratus terdiri dari penduduk lelaki dan 163,919 atau 49.2 peratus perempuan.

Jelasnya, kadar pertumbuhan keseluruhan penduduk Negara Brunei Darussalam secara purata ialah 2.5 peratus setahun menurun dari 1991 iaitu 3.0 peratus setahun.

Beliau menjelaskan, banci Brunei-Muara (tidak termasuk Bandar Seri Begawan (BSB) mempunyai penduduk yang terbesar iaitu 202,745 orang atau 61.1 peratus, manakala Daerah Belait kedua terbesar dengan 55,602 orang (16.5 peratus), Daerah Tutong ketiga dengan jumlah penduduk 38,649 orang atau 11.6 peratus, sementara Bandar Seri Begawan 27,285 orang (8.2 peratus) dan Daerah Temburong hanya 8,563 orang atau 2.6 peratus.

"Brunei-Muara mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk purata

Oleh
Abdullah Asgar

setahun yang paling tinggi sebanyak 4.9 peratus, yang diikuti oleh Tutong dengan kadar pertumbuhan 2.6 peratus, Temburong kadar pertumbuhan penduduknya hanya 1.1 peratus dan Belait cuma 0.5 peratus, sementara BSB yang mengandungi kawasan Kampong Ayer dan kawasan bandaran pula mengalami pengurangan penduduk sebanyak 5.2 peratus disebabkan penghijrahan," jelas beliau.

Penduduk Brunei 332,844 orang tahun 2001

Walau bagaimanapun katanya, jika dibandingkan dengan mengikut mukim menunjukkan pertumbuhan tinggi bagi Brunei-Muara khususnya Mukim Gadong (8.2 peratus), Mukim Mentiri (7.4 peratus) dan Mukim Serasa (5.3 peratus). Sementara Mukim Kota Batu mencatatkan penurunan penduduk iaitu 0.1 peratus.

Mukim Telisai di Daerah Tutong tambahna, mencatat pertumbuhan de-

ngan kadar 9.7 peratus, manakala Daerah Belait menurun di kebanyakan mukim luar bandar dan Mukim Serai kecuali Mukim Kuala Belait dan Sungai Liang yang bertambah pada 2.8 peratus setahun.

Daerah Temburong juga terus bertambah kecuali Mukim Pekan Bangar yang mengalami penghijrahan penduduk.

Mukim di BSB juga mengalami penurunan

yang tinggi menurutnya, yang disebabkan penghijrahan di mana Mukim Sungai Kedayan 10.8 peratus, Mukim Saba 10.4 peratus dan Mukim Peramu 8.0 peratus.

Di sebalik penurunan pertumbuhan penduduk katanya, jumlah bilangan rumah pula meningkat kepada 2.6 peratus dalam sepuluh tahun iaitu 52,539 buah kesemuanya.

"Jumlah isi rumah yang dikira adalah 55,696 ber-

banding 44,769 isi rumah pada 1991, secara purata sebuah rumah di negara ini mengandungi 6.0 orang ahli berbanding 5.8 sepuluh tahun lalu," katanya.

Timba seberapa banyak ilmu

Oleh Abu Bakar HAR

RIMBA, 5 Julai. - Peserta-peserta kursus yang terdiri dari anggota tentera yang mengikuti Kursus Asas Polis Tentera diseru supaya menumpukan perhatian sepenuhnya serta menimba seberapa banyak ilmu yang diperolehi sepanjang kursus diadakan.

Timbalan Pemerintah Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei (ATPBDB), Letenan Kolonel Haji Abdul Ghani membuat seruan itu di Pembukaan Kursus Asas Polis Tentera Siri 1 Tahun 2002.

Kursus yang mengambil masa selama empat bulan ini akan berakhir pada bulan Oktober nanti dan dikendalikan di Kem Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei.

Kursus julung-julung kali diadakan ini akan dibimbing sepenuhnya oleh tujuh orang jurulatih daripada Angkatan Tentera Diraja Malaysia.

Kursus disertai seramai 50 orang ini adalah bertujuan untuk melatih anggota-anggota Kompeni Polis Tentera ATPBDB untuk menjadi seorang anggota polis tentera yang mahir dan terlatih dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai polis tentera.

Selain itu, kursus itu juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada jurulatih tempatan Kompeni Polis Tentera ATPBDB untuk mengendalikan kursus selanjutnya.



PEMANGKU Ketua Pengarah Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Awang Haji Kamis (dua dari kiri) ketika menjelaskan laporan banci penduduk dan perumahan 2001 kepada para wartawan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HB.

**PELITA BRUNEI Akhbar Rasmi Kerajaan,
Setiap hari Rabu diterbitkan,
Rajin membaca bertambah pengetahuan,
Silalah Alai pilih jawapan.**

- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah berkenan mengurniakan anak-anak kunci dan lot-lot tanah di bawah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rimba Gadong. Berapa ramai peserta terpilih mengikuti Rancangan Perumahan Negara bagi orang awam peringkat kedua?
 - 137 peserta.
 - 26 peserta.
 - 76 peserta.
- Siapakah nama menteri yang dilantik menjadi Menteri Kesihatan?
 - Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat.
 - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.
 - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar.
- Apakah nama buku komputer yang dihasilkan oleh Adam bin Haji Jait dari Kementerian Hal Ehwal Ugama?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan Alai Pintar keluaran 26 Jun 2002.

1. C 2. A 3. BERGERAK UNTUK KESIHATAN.

Pemenang soalan Alai Pintar keluaran 26 Jun 2002

SITI NURAFIAH BINTI HAJI AMININ,
NO. 3B, BLOK D3, FLAT POLIS KAWALAN
DIRAJA,
KAMPONG BERIBI, GADONG.
UMUR : 12 TAHUN
S.T.P.R.I

NURUL ASYIKIN BINTI AWANG
HAJI MOHAMMAD,
NO. 3, SIMPANG 41 - 48, JALAN
KIARONG,
KAMPONG KIULAP, BE 1518.
UMUR : 9 TAHUN
SEKOLAH RENDAH KIARONG

NURFAJARIAH BINTI HAJI SAMAD,
NO. 4, KAMPONG DANAU,
TUTONG.
UMUR : 7 TAHUN
PUBLIC SCHOOL

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 538

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 538,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.



Berkenan kurniakan hadiah kepada Pelajar Cemerlang BISTARI

Oleh Ak. Jefferi PD
Gambar-gambar
oleh Harun HR

BERAKAS, 12 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada lapan Pelajar Cemerlang BISTARI Ke-10 yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, Jalan Menteri Besar di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat-kerabat diraja dijunjung oleh Yang Dipertua BISTARI, Datin Hajah Edah binti Haji Mohd Noor.

Dalam sembah alu-aluan oleh Yang Dipertua BISTARI menyatakan tujuan BISTARI dalam mengajurkan projek Pelajar Cemerlang BISTARI bukanlah untuk memberikan kewangan yang besar sebagai hadiah dan juga bagi pelajar-pelajar meneruskan pelajaran masing-masing, tetapi hanyalah sekadar memberikan keinsafan dan dorongan kepada mereka yang telah berjaya yang mana diharapkan boleh menjadi inspirasi kepada pelajar-pelajar lain.

BISTARI juga berikrar untuk meneruskan projek ini dan projek-projek yang mempunyai nilai kemasyarakatan yang lain dalam sama-sama berusaha dan memberikan nilai tambah kepada program-program pendidikan dan kemasyarakatan yang dikurniakan dan dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi kepentingan rakyat negara ini, tambah beliau.

Beliau juga menambah kata, jelas bahawa mereka yang berkenaan telah menimbulkan imej yang cemerlang dalam kejayaan pendidikan masing-masing di mana kecemerlangan yang mereka capai telah membawa kebanggaan kepada BISTARI.

Dari kejayaan-kejayaan yang telah mereka capai tersebut diharapkan akan dapat dijadikan contoh teladan yang kukuh kepada pelajar yang lain untuk mengikuti jejak langkah mereka.

Seterusnya Yang Dipertua BISTARI berkenan menjunjung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri yang juga merupakan Penaung BISTARI untuk menyempurnakan penyampaian hadiah penganugerahan Pelajar Cemerlang BISTARI.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Sejurus selepas itu, baginda dijunjung berangkat menyaksikan pameran.

Kelapan-lapan pelajar cemerlang tersebut merupakan Pelajar Cemerlang BISTARI dalam peperiksaan Peringkat 'A', 'O', PMB dan juga PCE.

Mereka menerima hadiah berupa sijil, telefon bimbit sumbangan Kristal DST, sebatang pen dan juga akaun bernilai \$100.00 sumbangan Perbadanan TAIB.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan mengurniakan hadiah cemerlang kepada seorang pelajar perempuan bagi Peperiksaan Penilaian Menengah Bawah (PMB) tahun 2001 (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan Pameran Aktiviti-aktiviti Badan Kebajikan Isteri-isteri dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (BISTARI) sepanjang ditubuhkan sambil menerima penerangan ringkas seorang ahli BISTARI (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan mengurniakan hadiah kepada seorang pelajar lelaki yang dipilih untuk menerima hadiah Pelajar Cemerlang BISTARI (kiri). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah ahli-ahli BISTARI sejurus tiba di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan, Berakas di mana majlis itu berlangsung.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis dan Pelajar-pelajar Cemerlang BISTARI (atas). Sementara gambar kiri, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolqiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan menyaksikan pameran.



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/11

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut : TAWARAN BAGI - MENJALANKAN URUS NIAGA KEDAI ALAT TELEKOMUNIKASI, ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK, DI KAWASAN DEWAN BERTOLAK (L1 - 04), TINGKAT 1, KOMPLEKS TERMINAL, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan TAWARAN BAGI - MENJALANKAN URUS NIAGA KEDAI ALAT TELEKOMUNIKASI, ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK, DI KAWASAN DEWAN BERTOLAK (L1 - 04), TINGKAT 1, KOMPLEKS TERMINAL, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI - Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/11 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/12

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut : TAWARAN BAGI - MENJALANKAN URUS NIAGA KEDAI UBAT-UBATAN DAN MINYAK WANGI, DI KAWASAN DEWAN BERTOLAK (L1 - 05), TINGKAT 1, KOMPLEKS TERMINAL, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan TAWARAN BAGI - MENJALANKAN URUS NIAGA KEDAI UBAT-UBATAN DAN MINYAK WANGI, DI KAWASAN DEWAN BERTOLAK (L1 - 05), TINGKAT 1, KOMPLEKS TERMINAL,

LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI - Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/12 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/13

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut : TAWARAN BAGI - MENJALANKAN URUS NIAGA KEDAI JAM DAN BARANG-BARANG KEMAS, DI KAWASAN DEWAN BERTOLAK (L1 - 06), TINGKAT 1, KOMPLEKS TERMINAL, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan TAWARAN BAGI - MENJALANKAN URUS NIAGA KEDAI JAM DAN BARANG-BARANG KEMAS, DI KAWASAN DEWAN BERTOLAK (L1 - 06), TINGKAT 1, KOMPLEKS TERMINAL, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI - Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/13 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/14

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan perniagaan berikut : TAWARAN BAGI - MENJALANKAN URUS NIAGA KEDAI UBAT-UBATAN (PHARMACY), DI KAWASAN SATELIT, DEWAN BERTOLAK/PERSINGGAHAN (SL 1 - 08), TINGKAT 1, KOMPLEKS TERMINAL, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong dan hendaklah ditulis dengan TAWARAN BAGI - MENJALANKAN URUS NIAGA KEDAI UBAT-UBATAN (PHARMACY), DI KAWASAN SATELIT, DEWAN BERTOLAK/PERSINGGAHAN (SL 1 - 08), TINGKAT 1, KOMPLEKS TERMINAL, LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI

Jabatan Telekom Brunei yang berdaftar dalam P3 dan PX.

2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF AN AGGREGATION ROUTER FOR BRUNET'S LEASED LINE INTERNET MODULE FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan : JTB/GB/GIB/PO5/2002 - SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING AND MAINTENANCE OF AN AGGREGATION ROUTER FOR BRUNET'S LEASED LINE INTERNET MODULE FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI tanpa menunjukkan nama pemborong kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin 22 Julai 2002 jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Pengeluaran Tender dan Sebut harga, Tingkat 2, Bangunan Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan dengan pembayaran sebanyak B\$200.00 (tidak dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan surat Jaminan Bank.
5. Rajah-rajah spesifikasi-spesifikasi dan lain-lain dokumen yang perlu boleh didapati dari Seksyen Global, Korporat dan Internet, Bahagian Bisnes Internet, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas dengan menunjukkan resit-resit pembayaran tawaran.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau tertentu.
7. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyiapkan projek tersebut pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab-sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus bagi setiap hari lewat dan tidak melebihi 10 peratus daripada jumlah projek tersebut akan dikenakan.
8. Kerja-kerja pelaksanaan mestilah diselesaikan dalam masa 2 bulan dari tarikh penerimaan surat tawaran berjaya dan tempoh sebut harga mestilah sah laku selama 12 bulan dari tarikh tutup tawaran.



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

No. Projek : JTB/NF/NNF/NMEP/04/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi The Design, Manufacture, Supply, Delivery, Installation, Testing and Commissioning for the Replacement of The Existing PDH Radio/Optical to SDH Radio Network On A Full Turnkey Basis (Phase 2).
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, bertulis dengan TENDER FOR THE DESIGN, MANUFACTURE, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING FOR THE REPLACEMENT OF THE EXISTING PDH RADIO/OPTICAL TO SDH RADIO NETWORK ON A FULL TURNKEY BASIS (PHASE 2) Rujukan Tawaran : JTB/NE/NNF/NMEP/04/2002 (RKN 8 : 811-018-002) tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bangunan IBB, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Isnin 26 Ogos, 2002.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan Pembahagian, Unit Kontraktor, Tingkat Satu, Bangunan Telekom, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, dengan menunjukkan resit cagaran berjumlah B\$200.00 (tidak dikembalikan).
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
5. Pembayaran wang cagaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau cek tempatan berserta dengan bank guarantee.
6. Perbincangan bersama pemborong serta pemeriksaan tapak kerja adalah satu syarat tawaran dan bakal-bakal pemborong mestilah berjumpa dengan wakil pengarah pada hari Selasa, 22 Julai dan 5 Ogos 2002 jam 9.00 pagi di Bahagian Network Engineering Tingkat 1, Bangunan Telekom, Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.

No. Projek : JTB/GB/GIB/PO5/2002

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong

- Bilangan Tawaran : JPA/APM.2002/14 kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara tidak lewat jam 2.00 petang, hari Isnin, 19 Ogos, 2002. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan dibuat pada hari Khamis 8 Ogos 2002, jam 10.00 pagi. Semua wakil syarikat diminta berkumpul di Pejabat Bahagian Pengurusan Lapangan Terbang, Tingkat 2, Jabatan Penerbangan Awam pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.
5. Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat (Isnin - Khamis dan Sabtu) dengan bayaran sebanyak B\$25.00 tidak akan dikembalikan).
6. Penerangan-penerangan yang lebih lanjut bolehlah didapati dari Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Kompleks Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, Negara Brunei Darussalam melalui telefon 02-330142 atau 332337 sambungan 1334, 1353 atau melalui faks : 02-331772.
7. Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/PSP/62/2002 : Tajuk Kerja : CRITICAL BACK-UP 11KV SUPPLY FROM SUNGAI BERA INDUSTRY MAIN INTAKE STATION TO BADAS 33/11KV MAIN INTAKE STATION, BELAIT DISTRICT.

Tarikh tutup : 5 Ogos 2002, hari Isnin jam 2.00 petang.

Bayaran Tawaran : \$500.00. Harga Dokumen : \$50.00 (tidak dikembalikan).

Tempat tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kolak Peti Tawaran, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan : Kelas IV, kategori 7c.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Pengantaraan dan Pembahagian, Tingkat Satu, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran : JPH/S/TAW/142

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, di Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari Isnin 5 Ogos 2002 bagi tajuk berikut : ESTABLISHMENT AND MAINTENANCE OF A DIPTEROCARPS PLANTATION AT SECTION 2, 5, 6, 8 AND 9, AREA 5, BUAU, MUKIM BUKIT SAWAT, BELAIT. (JPH/S/TAW/142).
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
3. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
4. Cagaran tawaran sebanyak B\$50.00 wang tunai bagi tiap-tiap satu tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DI DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. JURUTEKNIK PEMBAIKAN DAN PEMELIHARAAN [PERGIAN]

[BILANGAN KOD: 113 07 976]

[DI KEMENTERIAN KESIHATAN]

TANGGAGAJI: D4 EB5 \$ 1,225 - \$ 1,625 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC Diploma Kebangsaan [ND] dalam bidang yang bersesuaian. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang berkaitan dalam tanggagaji D1 sekurang-kurangnya 5 tahun.
- Mempunyai pengalaman dan kelulusan tentang alat-alat elektronik, elektrik dan mempunyai pengetahuan tentang mekanikal, pemasangan paip dan melukis pelan adalah merupakan satu kelebihan.
- Berpengalaman dalam bidang pembaikan dan pemeliharaan alat-alat dan mesin peragian adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Memeriksa, memelihara dan memberi rawatan kepada alat-alat dan mesin-mesin peragian di klinik peragian dan klinik peragian sekolah-sekolah seluruh Negara Brunei Darussalam.
- Memasang alat-alat dan mesin-mesin peragian jika dikehendaki.

2. TEKNISYEN KAPAL TINGKAT I [BILANGAN KOD: 036 03 593]

[DI JABATAN PERIKANAN, KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA]

TANGGAGAJI: D4-5 EB 6 \$ 1,225 - \$ 1,785 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 5. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Teknisyen Kapal Tingkat II sekurang-kurangnya 2 tahun dan mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 6. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Teknisyen Kapal Tingkat II sekurang-kurangnya 3 tahun. ATAU
- Mempunyai Sijil Pegawai Jurutera Laut Kelas 6 dan berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Nelayan di Jabatan Perikanan sekurang-kurangnya 5 tahun.

- Mempunyai pengetahuan yang luas dalam kejuruteraan laut dan mampu mengawasi dan menjalankan kerja-kerja pemeliharaan dan pembaikan enjin Diesel Laut.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Membantu Jurutera Kapal ke atas pemeliharaan dan perjalanan enjin kapal semasa gerakan menangkap ikan juga rawatan semasa bertambat.
- Membantu Jurutera Kapal memperbaiki jentera-jentera menangkap ikan.
- Membantu Jurutera Kapal bagi menyediakan jadual bagi gilirian kakitangan enjin 'inventory' dan buku stok untuk segala barang-barang yang bersangkutan-paut dengan kerjanya.

3. PENOLONG PENGAWAS PENGEMAS BANGUNAN

[BILANGAN KOD: 113 02 032]

[DI KEMENTERIAN KESIHATAN]

TANGGAGAJI: D4-5 EB 6 \$ 1,225 - \$ 1,785 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC Diploma Kebangsaan [ND] dalam bidang yang bersesuaian. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Ketua Atendan Rumah Sakit sekurang-kurangnya 3 tahun.

- Pernah menjadi Penyelia/Penolong Penyelia di Syarikat-Syarikat Swasta berkenaan dengan pembersihan dan pengemasan bangunan adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada Penyelia Perkhidmatan Pengemasan Bangunan.
- Membantu kerja-kerja Penyelia Perkhidmatan Pengemasan Bangunan dan tugas-tugas hariannya.

4. JURUTEKNIK X-RAY/PERCUBAAN [BILANGAN KOD: 113 07 717]

[DI KEMENTERIAN KESIHATAN]

TANGGAGAJI: M3 \$ 570 - \$ 855 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya dengan kredit 4 subjek Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa termasuk subjek Matematik dan Sains. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.
- Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Calon-calon yang berjaya akan di hantar ke luar negeri untuk mengikuti kursus Diploma In Radiography atau kelulusan yang sebanding dengannya selama 3 tahun.
- Setelah lulus peperiksaan dalam kursus Diploma tersebut akan ditetapkan jawatan Juruteknik X-Ray dalam tanggagaji M4-5 EB 6 dan digugaskan sebagai Juruteknik X-Ray di hospital-hospital kerajaan.

5. PENOLONG GURU TUKANG TENUN [BILANGAN KOD: 068 13 253]

[DI JABATAN MUZIUM-MUZIUM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN]

TANGGAGAJI: D3-4 EB 5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC Sijil Kebangsaan [NC] dalam bidang yang bersesuaian. ATAU
- Mempunyai Sijil Pertukangan dari Pusat Latihan kesenian dan

Pertukangan Tangan Brunei dengan kepujian serta berpengalaman dalam bidang yang berkaitan atau dalam tanggagaji D1 dalam bidang yang bersesuaian sekurang-kurangnya 3 tahun. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

- Berkebolehan bercakap dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik. Berkebolehan membaca tulisan jawi adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada Penyelia/Pengajar.
- Bertanggungjawab membantu Guru Tukang Tenun dalam mengajar juruan tenunan di Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei.
- Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan di luar daerah apabila diperlukan.

6. A) PEGAWAI PERPUSTAKAAN [BILANGAN KOD: 114 19 120]

[DI JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK, KEMENTERIAN PENDIDIKAN]

B) PEGAWAI PERPUSTAKAAN [BILANGAN KOD: 056 19 120]

[DI JABATAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN]

TANGGAGAJI: D3 EB4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC Sijil Kebangsaan [NC] dalam bidang yang bersesuaian. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pembantu Perpustakaan sekurang-kurangnya 3 tahun.

- Berpengalaman luas dalam bidang kepustakawanan dan hendaklah berkebolehan mengendalikan komputer.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN B:

- Bertanggungjawab kepada Ketua Cawangan.
- Terlibat secara langsung dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan perkhidmatan kepada orang ramai.
- Mengendalikan penyusunan dan seterusnya penyebaran maklumat secara on-line (dengan menggunakan komputer).
- Mengendalikan promosi perpustakaan.
- Menulis artikel kreatif atau non-kreatif untuk disumbangkan dalam majalah/jurnal terbitan Jabatan.

7. PENGENDALI KOMPUTER [BILANGAN KOD: 114 34 221]

[DI KEMENTERIAN PENDIDIKAN]

TANGGAGAJI: D3 EB4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC Sijil Kebangsaan [NC] dalam bidang pengajian komputer. Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan berkaitan dengan penggunaan komputer dalam tanggagaji D1 sekurang-kurangnya 3 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

